

**ASM P**

**ARLIMEN**

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT P  
ARLIMEN KEDUAABELAS 2011**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

*f*

**HARI SELASA: 21JUN 2011**

**CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA.**

## **KANDUNGAN**

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
JAWAB LISAN YANG TIDAK DAPAT DI JAWAB DIDALAM  
DEWAN (SOALAN NO. 8,11 HINGGA 148 )

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 7, 9 DAN 10  
[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]

SIDEKSAI  
CAWANGAN PERUNDANGAN PARLIMEN MALAYSIA

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**JAWAB LISAN**

DARIPADA

DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT

TARIKH

21 JUN 2011 (SELASA)

**PERTANYAA**

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta MENTERI  
PENGAJIAN TINGGI menyatakan

- (a) senarai IPTA dan IPTS yang berjaya mencapai tahap cemerlang dalam penyelidikan dan akademik sesi 2010-2011; dan
- (b) universiti-universiti yang berjaya menguruskan kewangan sendiri (*self finance*) terutama dalam penyelidikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pengajian Tinggi melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah melaksanakan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi (SETARA) bagi setiap dua tahun yang merupakan satu penilaian penarafan untuk mengukur kualiti, kebertanggungjawaban serta prestasi institusi pengajian tinggi. Penarafan SETARA 2011 masih sedang berjalan dan akan diumumkan pada pertengahan tahun 2012.

Seperti pada tahun 2009, SETARA 2011 akan mengukur kualiti pengajaran dan pembelajaran di peringkat Ijazah Pertama. Sementara tiada IPTA atau PTS mencapai Tier 6 atau Terbilang dalam SETARA 2009, 18 buah telah berjaya mencapai Tier 5 atau Cemerlang, terdiri daripada 7 buah IPTA iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM). Selebih 11 buah PTS pula ialah Universiti Teknologi Curtin Kampus Sarawak, Universiti Perubatan Antarabangsa, Management and Science University (MSU), Universiti Monash Kampus Sunway, Kolej Universiti Sunway (kini Universiti Sunway), Universiti Teknologi Swinburne Kampus Sarawak, Kolej Universiti Taylor's (kini Universiti Taylor's), Universiti Nottingham Kampus Malaysia, Universiti Kuala Lumpur, Universiti Multimedia Malaysia dan Universiti Teknologi Petronas.

- (b) Berkenaan dengan penjanaan dana penyelidikan, pada tahun 2010, sebanyak RM37.92 juta dana penyelidikan telah berjaya dijana oleh 20 buah IPTA daripada pihak swasta dan antarabangsa. PTS juga ada mendapat dana daripada pihak swasta untuk tujuan penyelidikan walaupun amaunnya tidak dilaporkan kepada Kementerian. Sebagai contoh Universiti Sains Malaysia (USM) telah berjaya mendapatkan dana penyelidikan dari swasta dan antarabangsa sebanyak RM7.4 juta; Universiti Putra Malaysia (UPM) sebanyak RM6.8 juta; dan Universiti Malaya (UM) sebanyak RM5.2 juta.

NO. SOALAN : 11

PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN  
DARIPADA LISAN  
TARIKH DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE  
(TENGGARA)  
21.06.2011 (SELASA)

DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE ( TENGGARA ) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan langkah yang diambil Kerajaan untuk menjalin kerjasama dengan sektor koperasi di Indonesia bagi meneroka potensi yang boleh dimanfaatkan sektor koperasi tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Usaha menjalin kerjasama dengan sektor koperasi di Indonesia dilakukan melalui lawatan bagi meneroka potensi yang boleh dimanfaatkan sektor koperasi tempatan. Dalam hal ini, Kementerian bercadang untuk mengadakan kerjasama dengan pihak Kementerian Koperasi dan Usaha Kecil dan Menengah Indonesia dalam pembangunan sektor koperasi. Bidang-bidang kerjasama telah dikenalpasti adalah bidang perniagaan, kepenggunaan,

peruncitan,

NO. SOALAN : 13

pelancongan, perladangan dan perkongsian ilmu mengenai perundangan koperasi.

Pada masa yang sama, YB Menteri juga akan mengadakan lawatan ke Koperasi Keluarga Guru Jakarta bagi melihat dan meninjau koperasi yang melaksanakan aktiviti kredit, pengguna dan pengurusan jemaah haji.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN                    LISAN

DARIPADA                    : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF

[ RANTAU PANJANG ]

TARIKH                    : 21JUN 2011

SOALAN

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [ Rantau Panjang ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah status terkini tentang cadangan Kerajaan mengisytiharkan pembinaan tebatan banjir di sepanjang Sungai Golok Rantau Panjang, apakah sebabnya projek ini sengaja di lambat- lambatkan

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan meneruskan kerja-kerja penstabilan tebing Sg Golok di bawah ***Rolling Plan*** Pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dengan peruntukan sebanyak RM 20 juta. Kerja-kerja menstabil Sg. Golok ini

**SOALAN NO.: 13**

melibatkan kawasan - kawasan seperti berikut:

- i. Kg Lalang Pepuyu Tanah Merah;
- ii. Kg Nibong Tanah Merah;
- iii. Kg Lubuk Stol Fasa 2 Pasir Mas;
- iv. Kg Pengkalan Bemban Pasir Mas; dan
- v. Kg Simpangan - Kg Tualang Tumpat.



Untuk langkah jangka panjang, rekabentuk terperinci telah siap dilaksanakan pada 31 Ogos 2010. Projek ini telah dikemukakan untuk pertimbangan di bawah ***Rolling Plan*** Kedua RMKe-10.

Sekian, terima kasih.

## SOALAN NO. 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN: JAWAB  
LISAN

DARIPADA : YB DATO' SERI DR. ABDULLAH BIN MD. ZIN  
(BESUT)

TARIKH : 21JUN 2011 (SELASA)

SOALAN :

YB Dato' Seri Dr. Abdullah bin Md. Zin [ Besut ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian ke atas pihak-pihak yang memperalatkan pelajar-pelajar sekolah agama untuk memungut derma daripada orang ramai yang semakin berleluasa akhir-akhir ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius kes-kes yang melibatkan eksloitasi kanak-kanak dari segi ekonomi selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 17(l)(k) Akta Kanak-Kanak 2001.

Pihak-pihak yang memperalatkan pelajar-pelajar sekolah agama untuk memungut derma daripada orang ramai pula boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 32 Akta Kanak-Kanak 2001 iaitu apabila disabitkan dengan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.



Bagi kanak-kanak yang telah diperalatkan, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) boleh menyelamatkan mereka melalui operasi yang dijalankan dari semasa ke semasa. Kanak-kanak tersebut akan dikembalikan kepada ibu bapa atau penjaga dan sekiranya ibu bapa atau penjaga mereka gagal dikesan maka mereka akan diberi perlindungan di institusi kanak-kanak JKM.

Selain itu, Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) melaksanakan program Pakej Modul KASIH untuk memberikan pendidikan kepada ibu bapa mengenai keibubapaan termasuk aspek ekonomi keluarga, emosi dan tanggungjawab. Program keibubapaan ini dilaksanakan melalui LPPKN peringkat negeri serta kerjasama pintar dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Daripada tahun 2003 hingga 2007, sebanyak 1,791 program pendidikan keibubapaan telah diadakan yang melibatkan penyertaan seramai 201,172 orang peserta.

Secara amnya, isu penggunaan pelajar-pelajar sekolah agama untuk memungut derma daripada orang ramai memerlukan kerjasama bersepadu daripada semua golongan masyarakat. Sehubungan itu, KPWKM telah menyediakan sistem aduan dan pelaporan melalui Talian Nur dan *Child Helpline* 15999 di samping mewujudkan kerjasama strategik dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain termasuk Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Agama Islam Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

<b>PERTANYAAN</b>	LISAN
<b>DARIPADA</b>	PUAN SITI Z AIL AH BINTI MOHD.
<b>TARIKH</b>	YUSOFF 21.06.2011(SELASA)

PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah strategi dan pendekatan Kementerian untuk memastikan kenaikan harga minyak dan gula tidak menyebabkan kenaikan harga makanan di pasaran yang membebankan pengguna.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Sepertimana ahli dewan yang mulia sedia maklum, isu kenaikan harga merupakan isu global. Fenomena ini berlaku diseluruh dunia termasuk di negara-negara maju. Harga makanan dunia meningkat kepada 32% pada setengah tahun pertama 2010 disebabkan oleh kemarau di Rusia, Khazastan dan negara-negara Eropah serta keadaan banjir di India dan Australia. Selain keadaan cuaca, peningkatan perdagangan global telah meningkatkan permintaan terhadap pengeluaran produk sekaligus meningkatkan permintaan terhadap kegunaan tenaga dan komoditi untuk pengeluaran produk khususnya makanan. Ini menyebabkan harga komoditi meningkat sekaligus meningkatkan harga barang akhir.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa prihatin dalam memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terjamin dan terpelihara akibat kesan kenaikan harga global terutama barang keperluan semasa. Bagi memastikan kenaikan harga makanan di pasaran tidak membebankan pengguna, Kerajaan telah dan sedang melaksanakan beberapa langkah kawalan antaranya ialah:

- i. Meminta pihak pengeluar meningkatkan kapasiti pengeluaran barang kawalan;
- ii. Mewujudkan Jawatankuasa Kabinet Bekalan dan Harga bagi menghasilkan kerjasama dengan semua agensi yang bertanggungjawab dalam memastikan bekalan berterusan pada harga yang berpatutan;
- iii. Mengadakan perbincangan secara berkala dengan industri makanan dan minuman, persatuan restoran makanan dan minuman supaya tidak menaikkan harga produk akhir sekiranya harga barang kawalan dinaikkan;
- iv. mewajibkan peniaga meletakan tanda harga ke atas barang yang dipamerkan untuk jualan runcit bagi membolehkan pengguna membuat perbandingan harga sebelum membuat pembelian;
- v. pemantauan secara berterusan oleh Pegawai Pemantau Harga di pasar awam, kedai runcit, pasar raya dan **hypermarket**,
- vi. Meneruskan Projek Pengedaran Barang-Barang Perlu seperti gula, tepung gandum, minyak masak dan bahan api di kawasan pedalaman di seluruh negara terutamanya Sabah dan Sarawak bagi memastikan bekalan sampai kepada pengguna pada harga yang berpatutan;
- vii. Menjalankan Kempen Kuasa Pengguna yang mendidik pengguna mempraktikkan kuasa mereka dalam membuat pilihan barang yang ditawarkan pada harga yang berpatutan dan memberi nilai untuk wang (**value for money**);



Menjalankan kempen penurunan harga dengan kedai-kedai runcit, pasaraya dan pasaraya besar;

Memperketatkan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2010 dan Akta Kawalan Bekalan 1961 bagi melindungi pengguna; dan

mengambil tindakan tegas terhadap aduan pengguna mengenai peniaga yang menaikkan harga barang secara melampau dan sewenang-wenangnya.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN**

**PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE EMPAT  
PARLIMEN KEDUA BELAS**

**2011**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN**

**[HULU TERENGGANU]**

**TARIKH : 21 JUN 2011**

**SOALAN :**

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan kes tuntutan perceraian di Mahkamah Syariah mengikut negeri yang masih belum dapat diselesaikan sehingga tahun 2010

**JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kes tuntutan perceraian di Mahkamah Syariah terbahagi kepada beberapa jenis iaitu perceraian secara fasakh, perceraian biasa di bawah seksyen 47,

NO. SOALAN : t5~

khulu', pengesahan lafaz cerai dan pengesahan cerai ta'lik.

Berdasarkan statistik dari tahun 2005 hingga Mei 2011, sebanyak **208,558** kes perceraian telah didaftarkan di Mahkamah Syariah seluruh

Malaysia. Daripada jumlah kes tersebut, sebanyak 159,884 kes perceraian telah berjaya diselesaikan setakat Mei 2011. Manakala baki sebanyak **48,674** kes perceraian masih dalam peringkat perbicaraan atau belum selesai. Statistik kes perceraian tersebut mengikut negeri dari tahun 2005 hingga Mei 2011 ialah :

Bil	Negeri	Daftar	Belum Selesai	Selesai
1	Terengganu	17321	1591	15730
2	Wilayah Persekutuan	9801	932	8869
3	Kedah	13193	7660	5533
4	Kelantan	23475	3584	19891
5	Melaka	7540	512	7028
6	Negeri Sembilan	11305	450	10855
7	Pahang	15688	942	14746
8	Pulau Pinang	10495	542	9953
9	Perak	13194	6931	6263
10	Perlis	3951	871	3080
11	Selangor	38268	13634	24634
12	Sabah	13156	4432	8724
13	Johor	21772	5818	15954
14	Sarawak	9399	775	8624
	<b>Jumlah</b>	<b>208558</b>	<b>48674</b>	<b>159884</b>

Kesimpulannya, didapati 77% dari jumlah kes perceraian yang didaftarkan di mahkamah Syariah seluruh negara dalam tempoh tersebut telah berjaya diselesaikan manakala baki sebanyak 23.3% masih lagi diperingkat perbicaraan/belum selesai.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
[SUNGAI SIPUT]**

**TARIKH 21 JUN 2011**

**SOALAN**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan jawatan di negara kita tahun ini, untuk graduan-graduan kursus jururawat, fisiotherapy, teknologi makmal perubatan dan sains penjagaan kesihatan (*Health Care Science*). Bagaimanakah jangkaan ini ditentukan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempunyai 35 buah Institut Latihan bagi melatih Anggota Sains Kesihatan Bersekutu (ASKB) seperti Penolong Pegawai Perubatan, Penolong Pegawai Farmasi, Jururawat, Juruteknologi Makmal Perubatan, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran dan lain-lain untuk berkhidmat dengan KKM.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga, melalui Anggaran Belanja Mengurus Tahun 2011 (ABM), Agensi Pusat telah meluluskan sejumlah 3,199 jawatan ASKB di KKM seperti pecahan berikut:

(a) Jururawat, Gred U29/U32	2,675
(b) Jurupulih Perubatan Anggota, Gred U29/U32	: 66
(c) Jurupulih Perubatan Carakerja, Gred U29/U32	: 82
(d) Juruteknologi Makmal Perubatan, Gred U29/U32	:
	376

Jumlah perjawatan bagi fasiliti-fasiliti kesihatan di KKM ditentukan berdasarkan kepada keperluan perkhidmatan dengan mengambilkira beberapa kriteria seperti beban penyakit (*disease burden*); perkembangan dan peningkatan aktiviti; pertambahan beban tugas, dan peningkatan populasi penduduk di fasiliti-fasiliti kesihatan yang berkaitan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**SOALAN NO.**

PERTANYAA	LISAN Y.B. PUAN TAN
N DARIPADA	AH ENG GELANG
KAWASAN	PATAH 21 JUN 2011
TARIKH	(SELASA)

**SOALAN:**

Y.B. PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk menyelesaikan masalah kesesakan Lebuhraya Jalan Pontian dan simpang masuk ke Universiti Teknologi Malaysia dan Taman Universiti.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum mengenai isu kesesakan yang sering berlaku di Jalan Persekutuan dari Pontian ke Skudai, Johor Bahru, khususnya pada waktu puncak. Berdasarkan Bancian Lalu Lintas Kebangsaan (2010), jalan tersebut mencatatkan kadar aliran trafik yang tinggi, iaitu melebihi 60,000 kenderaan sehari dan dikategorikan sebagai sesak. Keadaan ini berpunca dari pertumbuhan pesat pembangunan komersial dan taman-taman perumahan baru di sepanjang koridor laluan tersebut.

Sehubungan itu, Kementerian Kerja Raya masih sedang berbincang dengan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) bagi menentukan perancangan bagi menaik taraf jalan dan persimpangan bertingkat di sepanjang laluan tersebut, termasuk di persimpangan UTM dan Taman Universiti. Ini kerana projek-projek pembangunan infrastruktur di kawasan tersebut terletak di bawah koridor pembangunan IRDA. Namun demikian, Kementerian Kerja Raya tiada halangan untuk melaksanakan projek ini dalam Tempoh Separuh Kedua RMKe-10 jika mendapat persetujuan dari UPE, JPM dan IRDA.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN  
DARIPADA  
TARIKH

LISAN  
TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
21.06.2011(SELASA)

TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [ GOMBAK ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk membendung kenaikan mendadak harga barang-barang makanan terutamanya di pasar dan restoran berikut daripada penarikan balik subsidi baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan secara tegas dan konsisten menjalankan pemeriksaan bagi memastikan peniaga-peniaga tidak melakukan perbuatan mencatut atau apa-apa aktiviti lain yang boleh menjelaskan kedudukan harga barang-barang, termasuk harga makanan di restoran-restoran. Dalam aspek ini, pemeriksaan dibuat secara menyeluruh, termasuk di kawasan-kawasan luar bandar memandangkan masyarakat-masyarakat luar bandar akan lebih merasai kesan daripada kenaikan harga walaupun kenaikan harga adalah minimum.

Bagi membendung kenaikan harga barang-barang makanan terutamanya di pasar dan restoran berikut pengurangan subsidi baru-baru ini, Kementerian telah melaksanakan beberapa langkah seperti:

- (i) menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Bekalan dan Harga yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri dan dianggotai oleh Kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan. Jawatankuasa Kabinet ini berfungsi untuk mengenalpasti mekanisme bagi mengatasi masalah gangguan bekalan dan isu kenaikan harga barang keperluan;
- (ii) menetapkan harga runcit ke atas beberapa barang perlu secara pentadbiran melalui persetujuan diantara pihak industri dan Kementerian. Sebarang perubahan harga barang ini perlu mendapat kebenaran daripada Kementerian.
- (iii) menetapkan harga barang secara undang-undang sama ada di peringkat pengeluar, pemborong dan peruncit dibawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011;
- (iv) mempertingkatkan pemantauan dan pemeriksaan ke atas harga barang di seluruh negara sama ada secara berkala, secara mengejut atau berdasarkan aduan pengguna;
- (v) mempertingkatkan pemantauan dan pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan serta restoran bagi menentukan peniaga tidak mengambil kesempatan menaikan harga berikutan dengan pengurangan subsidi baru-baru ini;
- (vi) membuat pemantauan setiap hari di pasar awam, kedai runcit, pasar raya dan **hypermarket** dan juga keatas makanan sedia masak untuk mendapatkan trend perubahan harga ekoran daripada penarikan subsidi baru-baru ini;
- (vii) mewajibkan peniaga meletakan tanda harga ke atas barang yang dipamerkan untuk jualan runcit bagi membolehkan pengguna membuat perbandingan harga sebelum membeli barang berkenaan; dan

mengadakan perbincangan secara berkala dengan industri makanan dan minuman supaya tidak menaikkan harga produk akhir sekiranya harga barang kawalan terutamanya gula dinaikkan.

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)

**PERTANYAA  
DARIPADA  
N  
TARIKH  
SOALAN**

LISAN

Datuk Tiong Thai King [ Lanang ]

21 JUN 2011 (Selasa)

19

minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan apakah status terkini bagi operasi Makmal Kimia Sibu.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di Pertua,

Makmal baru Jabatan Kimia Malaysia Cawangan Sibu telah mula memberi perkhidmatan-perkhidmatan analisis secara berperingkat pada awal tahun 2009. Pada masa ini, makmal tersebut telah memberi perkhidmatan analisis dalam bidang forensik dan air. Antara analisis yang ditawarkan ialah pemeriksaan nombor pengenalan kenderaan, dadah berbahaya, alkohol dalam darah dan air kencing serta analisis air bagi mengenalpasti kandungan kimia dan bakteria. Polis DiRaja Malaysia, Kastam DiRaja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Kerja Raya dari Bahagian Sibu dan Sarikei merupakan pelanggan utama makmal ini.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat juga, sejak makmal tersebut mula beroperasi pada tahun 2009, bilangan kes/sampel yang dikendalikan telah bertambah dengan ketara. Sebagai perbandingan, sebanyak 303 kes/sampel telah dianalisis pada tahun 2009, 10,857kes dan 11,174 sampel pada tahun 2010 dan 3,687 kes/sampel dikendalikan sehingga Mei 2011.

Bilangan ini dijangka akan terus meningkat setelah Makmal Kimia Sibu ini mula menawarkan perkhidmatan analisis dalam bidang alam sekitar yang dijangka dapat diberikan bermula pada bulan September 2011.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 21 JUN 2011 (SELASA)**

**DARIPADA : YB.TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI  
(BAGAN SERAI)**

**SOALAN**

Y.B.TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [BAGAN SERAI] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah cadangan Kementerian untuk mengadakan pelan infrastruktur supaya setiap kawasan perumahan khususnya rumah-rumah pangsa supaya menyediakan tempat letak kereta yang mencukupi supaya tidak didapati menjadi sesak sehingga mengganggu lalu-lintas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia sedang memuktamadkan Garis Panduan

**Tempat Letak Kereta.** Garis panduan ini perlu digunakan sebagai dokumen sokongan dan diambilkira dalam penyediaan Rancangan Pemajuan iaitu Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu merujuk kepada garis panduan ini bagi memastikan bilangan petak letak kereta mencukupi disediakan sebelum sesuatu Kebenaran Merancang diluluskan.

Garis Panduan Tempat Letak Kereta menetapkan penyediaan tempat letak kereta perumahan adalah mengikut lokasi dan *modal split* iaitu nisbah penggunaan kenderaan persendirian berbanding pengangkutan awam. Secara umumnya, rumah-rumah pangsa kos sederhana di bandar-bandar yang mempunyai penduduk melebihi 1 juta orang, 2



petak tempat letak kereta pertu disediakan bagi setiap unit kediaman dengan tambahan 10% untuk pelawat serta 20% untuk motosikal. Manakala di bandar-bandar kurang 1 juta penduduk perlu menyediakan 1.5 petak tempat letak kereta bagi setiap unit kediaman dengan tambahan 10% untuk pelawat serta 20% untuk motosikal.

Bagi rumah-rumah pangsa kos rendah di semua bandar pula perlu menyediakan 1 petak tempat letak kereta bagi setiap unit kediaman dengan tambahan 10% untuk pelawat serta 1 petak tempat letak motosikal bagi setiap 2 buah rumah.

Selain dari kemudahan tempat letak kereta biasa, garis panduan ini juga menggalakkan penyediaan Tempat Letak Kereta Bertingkat Sistem Mekanikal (*Automated Mechanical System*) yang merupakan pendekatan baru dalam rekabentuk tempat letak kereta. Sistem pasang siap ini lebih mesra alam, menjimatkan ruang dan penggunaan sumber tenaga elektrik serta menjamin keselamatan. Penggunaan Tempat Letak Kereta Bertingkat Sistem Mekanikal perlu diperluaskan terutamanya bagi mengatasi masalah ketidakcukupan petak letak

kereta di kawasan yang mempunyai keluasan terhad kerana ia dapat menjimatkan ruang seperti di kawasan pangsapuri/flat kos rendah.

Tempat letak kereta sistem mekanikal ini boleh berskala kecil, sederhana dan besar. Sistem mekanikal berskala kecil dan sederhana boleh mengantikan 2 petak tempat letak kereta biasa kepada 6 hingga 12 kereta. Manakala sistem berskala besar terdiri daripada bangunan berasingan (*free standing building*) yang boleh memuatkan lebih banyak tempat letak kereta. Di bangunan-bangunan sedia ada sistem mekanikal jenis berlapis (*Car Stacking System*) boleh digunakan di mana 2 buah kereta boleh diletakkan di satu petak secara susunan atas-bawah.

Kementerian  
Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

Jun 2011



Soalan No : 21

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI (SABAK BERNAM)
TARIKH	21.06.2011

**SOALAN:**

Y.B. DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI [ SABAK BERNAM ] minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah penubuhan Jawatankuasa Khas Mengkaji Kurikulum Sejarah dan Teks Sejarah Sekolah Menengah dapat memastikan kandungannya mampu memupuk semangat menjawai 1 Malaysia di kalangan pelajar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Tujuan penubuhan Jawatankuasa Khas Mengkaji Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah Sekolah Menengah ialah untuk melahirkan murid yang mempunyai perasaan cinta akan tanah air dan sekaligus memperkuuhkan semangat setia negara dan jati diri sebagai warganegara Malaysia yang memahami dan mengamalkan semangat perpaduan dan kekitaan sesame bangsa di negara ini. Penekanan terhadap aspek tersebut diyakini dapat merealisasikan hasrat kerajaan untuk memupuk semangat 1 Malaysia dalam kalangan murid.

**NO SOALAN :4P**

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. HAJI DZULKEFLY AHMAD  
(KUALA SELANGOR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 21.06.2011**

**Y.B. DR. HAJI DZULKEFLY AHMAD [ KUALA SELANGOR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan

- (a) kedudukan terkini projek Empangan Bakun khasnya jumlah tenaga yang mampu dijana setelah RM12.5 bilion dilaburkan, isu keselamatan, pembeli tenaga dan apakah langkah-langkah penyelesaian yang telah difikirkan oleh Kerajaan bagi mengatasinya; dan
- (b) apakah iktibar yang dipelajari oleh Kerajaan dari segi mengurus projek mega seperti Bakun ini supaya tidak akan berulang kesilapan lama.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Hidroelektrik Bakun (Projek Bakun) adalah sebuah projek empangan hidro yang dapat menghasilkan pembekalan sumber tenaga elektrik tanpa pencemaran alam. Sehingga 30 April 2011, Projek Bakun telah mencapai 98% siap dan dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2013. Jumlah tenaga yang dapat dijana setelah Projek ini siap sepenuhnya adalah sebanyak 15,514 GWh berdasarkan kuasa tetap 1,771MW. Penggunaan kuasa hidro juga membolehkan penghasilan sumber tenaga elektrik pada kos yang efektif.

2. Melalui pemeteraian Perjanjian Pembelian Tenaga (*Power Purchase Agreement-?? k*) di antara Sarawak Hidro Sdn Bhd dan Sesco Bhd, anak

syarikat Sarawak Energy Bhd pada 1 Jun 2011, Projek Bakun akan menjadi pembekal utama tenaga elektrik untuk kegunaan pembangunan industri di bawah agenda *Sarawak Corridor of Renewable Energy* (SCORE). Kadar tarif asas yang munasabah dan kompetitif sebanyak RM6.25 sen/kWh dijangka dapat menarik minat ramai pelabur asing ke Malaysia. Kemasukan pelabur asing dan peningkatan pelaburan tempatan di SCORE, Sarawak dijangka akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi Sarawak khasnya dan ekonomi Malaysia amnya.

3. Mengenai isu keselamatan Projek Bakun, Sarawak Hidro Sdn Bhd (SHSB) sebagai pemaju empangan tersebut telah mengambil langkah-langkah sewajarnya seperti memasang 34 buah kamera litar tertutup (*Closed-Circuit Television-CCTV*) di lokasi yang penting dan sensitif bagi mengelakkan pencerobohan dan kecurian. Selain itu, alat penggera keselamatan juga dipasang untuk memberi amaran kepada penduduk sekitar sekiranya terdapat limpahan air melalui alur limpah yang akan mengalir terus ke Sungai Balui. SHSB juga telah berbincang dengan Majlis Keselamatan Negeri Sarawak untuk mewartakan kawasan Projek Bakun sebagai sasaran penting.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW  
TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN

[HULU

TARIKH PERTANYAAN TERENGGANU] 21

JUN 2011

SOALAN

Tuan Haji Mohd Nor Bin Othman [Hulu Terengganu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan langkah-langkah kerajaan bagi memastikan hanya doktor- doktor wanita sahaja yang terlibat dalam pengendalian kes-kes wanita bersalin.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan prihatin dengan perkara yang dibangkitkan oleh Y.B Tuan Haji Mohd Nor Bin Othman (Hulu Terengganu). Walaubagaimana pun dalam penyampaian perkhidmatan perubatan dan kesihatan Kementerian Kesihatan sentiasa memberi keutamaan kepada usaha memberikan rawatan yang terbaik. Kementerian Kesihatan berusaha untuk melatih para doktor dan paramedik yang merawat adalah mahir dan berketrampilan. Sehubungan itu, dalam hal yang dibangkitkan ini, Kementerian Kesihatan tiada halangan untuk melaksanakan perkara ini tetapi ianya tertakluk kepada keadaan terdapatnya doktor wanita pada ketika itu. Namun begitu Kementerian Kesihatan prihatin tentang keperluan rawatan yang diberikan kepada rakyat mengikut keperluan masing-masing, termasuklah dari segi kualiti, kerahsiaan, **gender** dan sebagainya.

Semua graduan dalam bidang perubatan telah dilatih dalam bidang-bidang

utama perubatan, termasuklah bidang kebidanan dan sakit puau yang meliputi kes-kes bersalin, supaya dapat menjadi seorang doktor yang kompeten dan boleh

ditempatkan di mana-mana fasiliti Kementerian Kesihatan bagi memberikan rawatan kepada rakyat. Oleh itu, di fasiliti kesihatan tertentu, termasuklah di pedalaman, kadangkala tiada doktor wanita yang bertugas. Dalam keadaan tersebut, rawatan kes bersalin perlu diberikan oleh doktor lelaki. Dasar Kementerian Kesihatan menetapkan bahawa semasa pemeriksaan dan rawatan pesakit perempuan dilaksanakan oleh pegawai perubatan lelaki, seorang **chaperon** perempuan wajib hadir bersama.

Seperti yang diamalkan di luar negara juga, semua doktor di negara ini, tanpa mengira jantina, mempunyai kebebasan untuk melanjutkan pelajaran mereka dalam mana-mana bidang pilihan mereka, termasuklah bidang kebidanan dan sakit puan. Sehubungan dengan ini, pada masa ini terdapat ramai doktor wanita yang memilih bidang-bidang kepakaran lain seperti bedah ortopedik, forensik, onkologi, bedah otak dan sebagainya, dan bukan hanya bidang kebidanan dan sakit puan yang melibatkan kes bersalin sahaja.

**DEWAN NEGARA MALAYSIA PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN**                    **LISAN**

**DARIPADA**                    :     **TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH**

[SUBANG]

**TARIKH**                    :     **21 JUN 2011**

**SOALAN**

Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [ Subang ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan kenapakah Singapura dapat mengimport 3 juta ton pasir dari Malaysia pada tahun 2008 sedangkan dasar Kerajaan Malaysia tidak mengizinkan pengeksportan pasir ke Singapura.

**JAWAPAN:**

2

Tuan Yang Dipertua,

**SOALAN NO:25**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pasir kecuali pasir silika dan pasir penapis tidak dibenarkan dieksport ke luar negara termasuk Singapura. Dasar ini adalah selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 15 Januari 1997 **PERTANYAAN** untuk tidak membenarkan pengeksportan pasir ke luar negara bagi memastikan bekalan pasir dalam negara sentiasa mencukupi. Kementerian ini tidak pernah mengeluarkan lesen eksport untuk pasir.
- Sementara itu, pengeksportan pasir silika dan pasir penapis memerlukan lesen eksport yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya 307,337 tan metrik pasir silika telah dieksport ke Singapura dalam tahun 2008.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO:26**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]**

**TARIKH**

**21 JUN 2011**

**SOALAN:**

**Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [ Sipitang ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan usaha dan tindakan diambil terhadap kegiatan mereka yang melakukan penipuan menerusi on-line seperti jaringan facebook dan sebagainya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) bersama-sama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memantau dan mengambil tindakan undang-undang di bawah seksyen 211 dan 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588), dimana tindakan boleh diambil terhadap individu yang menyalahgunakan Internet dan khidmat telefon bimbit sebagai platform bagi menyebarkan kandungan yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau yang jelik. Jika disabitkan kesalahan, individu boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit (RM50,000) atau



dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali.

Selain daripada memberi amaran kepada pemilik blog ataupun menyiasat kes tersebut di bawah Akta 599 bagi suspek dalam negara, pihak SKMM juga mengambil tindakan membuat laporan penyalahgunaan kepada hos laman web ataupun meminta pihak pemberi perkhidmatan Internet (ISP) untuk menyekat akses kepada laman-laman web di bawah Seksyen 263(2), terutamanya yang berbentuk “phishing”, penipuan, pelaburan haram, pornografi blog-blog yang menyiaran laporan berunsurkan perkauman dan menyentuh soal sensitiviti.

Sebagai langkah pemantauan dan penguatkuasaan berterusan, SKMM dan Forum Kandungan juga telah menubuhkan Biro Aduan Pengguna dimana pengguna dinasihatkan agar membuat aduan sekiranya menerima atau menemui kandungan sedemikian.

**SOALAN NO.: 24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAA  
N

LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE  
NIK

KAWASAN  
TARIKH

SIK

21 JUN 2011 (SELASA)

**SOALAN:**

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK (SIK) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan laluan FT 1 75 jalan Batu Seketol - Gulau yang dibina sejak awal kemerdekaan begitu sempit dan tidak sesuai untuk menjadi laluan penting ke Lebuh Raya Weng - Durian Burung. jalan sepanjang 3KM ini lebarnya hanya 5 meter dan perlu segera diperbesarkan. Bila langkah pembesaran ini hendak dilaksanakan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah mengarahkan Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk melaksanakan kajian teknikal mengenai cadangan bagi menaik taraf Jalan Persekutuan dari Kg. Batu Seketol ke Gulau, Sik, iaitu sehingga ke persimpangan susur Jalan Persekutuan Durian Burung, Kedah. Pada masa kini jalan dengan reka bentuk piawai JKR R3 itu masih lagi mampu untuk menampung aliran trafik semasa, iaitu dianggarkan kurang dari 8,000 jumlah kenderaan sehari. Walau bagaimanapun Kementerian Kerja Raya bersedia untuk mempertimbangkan cadangan menaik taraf jalan ini dalam Tempoh Separuh Kedua RMKe-10, tertakluk kepada laporan kajian teknikal oleh JKR dan kelulusan peruntukan dari Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Sekian. Terima kasih.

## PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' SRI ONG TEE KEAT
	(PANDAN)
TARIKH	21.06.2011

### SOALAN:

Y.B. DATO' SRI ONG TEE KEAT [ PANDAN ] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada tenaga pengajar iuar yang diupah oleh syarikat tutorial komputer swasta boleh dibenarkan mengajar dengan mengutip yuran di sekolah-sekolah Kerajaan dalam jadual waktu sekolah. Jika ya, mengapa. Jika tidak, mengapa keadaan berkenaan terus berlaku di SJK(C).

### JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengalu-alukan jalinan kerjasama dengan badan korporat, badan berkanun, badan bukan kerajaan, agensi kerajaan yang lain dan individu perseorangan dalam mempertingkatkan lagi usaha pembangunan modal insan negara. Walau bagaimanapun, jalinan kerjasama tersebut adalah tertakluk kepada surat-surat pekeliling yang telah dikeluarkan bagi memberi garis panduan penglibatan pihak luar dengan institusi pendidikan di KPM.

Pihak KPM mengambil maklum berkaitan keadaan yang berlaku di SJK(C). Dalam hal berkenaan, laporan dan aduan telah dibuat dan isu ini masih dalam sebutan mahkamah dan belum lagi diumumkan keputusannya.



PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

**SOALAN ( 28 )**

LISAN

21 JUN 2011 (SELASA)

PERTANYAA                    TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN ]

N

SOALAN

TARIKH

DARIPADA    TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan bilakah konsep 'bina dulu jual kemudian' atau 'rumah mampu milik' akan diimplementasikan. Mengapa Kerajaan Persekutuan tidak menjalankan program perumahan rumah mampu milik di Pulau Pinang dan nyatakan jumlah, kos dan lokasinya. Berikan statistik (bilangan, harga serta lokasi) rumah mampu milik oleh Kerajaan Persekutuan dalam tempoh lima tahun sebelum ini.

## JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian pada dasarnya bersetuju untuk melaksanakan konsep Bina Kemudian Jual (BKJ) secara mandatori dalam pemajuan perumahan mulai tahun 2015. Walau bagaimanapun, ianya tertakluk kepada kelulusan Jemaah Menteri.

Kerajaan prihatin dengan isu perumahan mampu milik di Malaysia. Oleh itu, pembinaan rumah mampu milik akan mula dilaksanakan di bandar-bandar utama seluruh negara termasuklah di Pulau Pinang melalui konsep Perkongsian Awam Swasta (*Public-Private Partnership*). Melalui konsep ini, tanah-tanah kerajaan akan ditawarkan kepada pemaju swasta untuk pembinaan rumah mampu milik (RMM) yang berkualiti dan lengkap dengan kemudahan asas. Dalam aspek ini, Kerajaan Negeri juga perlu memainkan peranan penting dengan menawarkan tanah Kerajaan Negeri untuk pembinaan RMM. Kerajaan Negeri juga boleh mengenakan kuota bagi pembinaan RAAM.

Kerajaan juga amat prihatin dengan keperluan perumahan golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Dari tahun 2006-2010, sebanyak 152,721 unit rumah kos rendah dan sederhana yang berharga kurang daripada RM100,000.00 telah diluluskan pembinaan oleh pemaju swasta di Pulau Pinang. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) pula, sebanyak 250 unit PPR Mengkuang Tandop akan dibina.

Kementerian  
Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

Jun 2011



DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN LISAN  
MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
TARIKH	21JUN 2011

## SOALAN:

Datuk Bung Moktar Bin Radin [ Kinabatangan ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan

- (a) langkah-langkah Kerajaan dalam memastikan kawasan hidupan liar dan alam sekitar Kinabatangan yang telah diiktiraf oleh *World Wildlife* sebagai kawasan perlindungan hidupan liar dikekalkan serta dipertingkatkan kualiti dan selanjutnya diketahui oleh masyarakat pelancong dunia; dan
  - (b) langkah-langkah Kerajaan dalam memastikan pencemaran air di Sungai Kinabatangan dapat dibendung akibat pengeluaran toksik dari kilang-kilang yang beroperasi di Parlimen Kinabatangan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam memastikan kawasan hidupan liar dan alam sekitar Kinabatangan

dapat dikekalkan dan dapat dipertingkatkan kualitinya serta diketahui oleh masyarakat pelancong dunia adalah seperti berikut:

- i. Kerajaan melalui Kerajaan Negeri Sabah telah mewartakan kawasan tersebut sebagai Kawasan Sanktuari Hidupan Liar Hilir Kinabatangan (*Lower Kinabatangan Wildlife Sanctuary Area*) bagi menjamin keberadaan hidupan liar dan tumbuhan di kawasan tersebut;
  - ii. Membangunkan beberapa kemudahan logistik seperti pewujudan pusat penerimaan pelawat yang dikendalikan oleh Jabatan Hidupan Liar Sabah untuk memudahkan pengurusan pelancong yang datang melawat ke kawasan tersebut; dan
  - iii. Mempromosi kawasan tersebut melalui kalendar pelancongan di Sabah, promosi melalui internet dan bahan percetakan yang lain seperti promosi dalam suratkhabar tempatan, nasional malah peringkat antarabangsa;
- (b) Pada tahun 2008, pihak Jabatan Alam Sekitar Malaysia telah menjalankan satu kajian komprehensif di Lembangan Sungai Kinabatangan iaitu, Kajian Pencegahan Pencemaran dan Peningkatan Kualiti Air Lembangan Sungai Kinabatangan. Kajian tersebut telah siap sepenuhnya pada tahun 2009 dengan laporan kajian yang komprehensif beserta pelan-pelan tindakan kawalan pencemaran di lembangan sungai tersebut. Pelan-pelan tindakan ini telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Sabah melalui Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Sabah untuk dilaksanakan.
- Penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya akan terus dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar untuk memastikan punca-punca pelepasan mematuhi standard yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 30**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG

TARIKH: 21JUN2010

SOALAN:

**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bila Kementerian Sumber Manusia akan melaksanakan polisi gaji minimum bagi semua sektor pekerjaan.

PR-1242-L43730

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Rang Undang-Undang Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (RUU MPGN) akan dibentangkan pada Mesyuarat Kedua, Penggal Ke Empat, Parlimen Kedua Belas, yang sedang berlangsung sekarang. Setelah RUU MPGN ini diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara, Majlis Perundingan Gaji Negara akan ditubuhkan sebagai platform utama dalam deliberasi dan penetapan upah termasuk menentukan kadar gaji minimum dan

mekanisme pelaksanaannya.

2. Majlis Perundingan Gaji Negara akan berperanan membuat perakuan / syor gaji minimum dan seterusnya akan mengangkat syor tersebut kepada Kerajaan untuk pertimbangan dan kelulusan. Dalam hal ini, polisi gaji minimum boleh dilaksanakan setelah semua proses dan persediaan diselesaikan, yang dijadualkan penghujung tahun ini.
3. Berhubung dengan kadar gaji minimum, buat masa ini ia masih diperhalusi dari pelbagai aspek seperti inflasi, produktiviti, kadar pengangguran, pertumbuhan KDNK dan sebagainya. KSM telah melantik Bank Dunia untuk menjalankan satu kajian mengenai gaji minimum dan dijangka Kementerian menerima laporan Bank Dunia pada akhir bulan Julai 2011.

*m(13-25Jun 2011)\ias...31.5.11\Cim> Chin TongC43730*

SOALAN NO. 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN : JAWAB

LISAN

DARIPADA : YB TUAN KAMALANATHAN A/L

PANCHANATHAN (HULU SELANGOR)

TARIKH : 21JUN 2011 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. Tuan Kamalanathan A/L Panchanathan (Hulu Selangor) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan adakah perancangan untuk mewujudkan 'Pusat Pemulihan Alkoholik' sama seperti 'Pusat Pemulihan Dadah' untuk membantu mangsa-mangsa alkoholik melepaskan tabiat buruk ini yang membawa pelbagai masalah sosial sekiranya tidak dibendung. JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu say a mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat mengenai situasi sosial di negara ini. Pihak Kementerian menyambut baik akan cadangan Ahli yang Berhormat untuk mewujudkan pusat pemulihan alkoholik bagi membantu individu yang menghadapi masalah ketagihan alkohol. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, '*Alcoholic Anonymous*' (AA) iaitu sebuah badan sukarelawan telah pun membuka 5 buah pusat pemulihan Alkoholik iaitu di:

- i) Kuala Lumpur (Tamil Methodist Church, Brickfields dan St. Johns, Bukit Nenas);
- ii) Pulau Pinang (St Josephs Orphanage);
- iii) Johor Bahru (Hospital Permai);
- iv) Sarawak (Rumah Kenyalang, Miri); dan
- v) Ipoh (YMCA)

Program oleh AA ini dijalankan oleh sekumpulan individu yang telah berjaya keluar daripada masalah ketagihan alkohol. Sehubungan itu, buat masa ini KPWKM belum bercadang untuk membuka pusat pemulihan alkoholik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui agensi di bawahnya menjalankan pelbagai program dan aktiviti pembangunan sosial untuk memberi kesedaran dan meningkatkan pengetahuan orang ramai supaya sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat ke arah membina masyarakat Malaysia yang kukuh dengan nilai-nilai yang murni.

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) misalnya telah melaksanakan program Cakna Diri dan Permata Kasih khusus untuk golongan remaja memperkuatkannya dalam menghadapi cabaran hidup masa kini.

Kementerian juga telah melancarkan Modul Kesejahteraan Hidup untuk golongan muda yang berumur 13 hingga 24 tahun. Modul ini bertujuan untuk membentuk golongan remaja dan keluarga yang sihat dan sejahtera demi mendukung hasrat Kerajaan ke arah IMalaysia yang maju. Golongan remaja menjadi fokus utama supaya mereka menyertai kegiatan-kegiatan yang berfaedah dan menghindari gejala sosial tidak baik seperti mengambil minuman alkohol, mengamalkan budaya seks bebas, lepak, vandalisme dan seumpamanya.

Selain LPPKN, Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga menjalankan berbagai program demi kepentingan masyarakat dan rakyat seluruhnya. Semua program dan aktiviti yang dirancang adalah menjurus kepada usaha-usaha untuk mewujudkan kehidupan yang sejahtera dan menjauhi kegiatan serta amalan negatif. Sayangnya berharap Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga dapat membantu menyampaikan hasrat ikhlas Kerajaan kepada semua rakyat di kawasan masing-masing dalam menangani masalah sosial yang semakin mencabar serta

turut melibatkan semua pihak terutama NGO, pemimpin tempatan, ketua-ketua masyarakat, badan-badan korporat dan orang perseorangan. Saya percaya dengan tindakan bersepadu antara Kerajaan dan masyarakat, kita tidak perlu mengadakan pusat-pusat pemulihan alkoholik seperti ini kerana gejala negatif seperti itu boleh dibanteras lebih awal lagi.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMAD  
(PULAI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 21.06.2011**

**Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMAD [PULAI]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan objektif penarikan subsidi minyak diesel untuk pengangkutan awam dan sila jelaskan kos sebenar subsidi minyak diesel ini kepada Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat Pulai bersekali dengan pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat Arau yang dijadualkan dijawab pada 27 Jun 2011 memandangkan kedua-dua pertanyaan tersebut menyentuh perkara yang sama iaitu tentang tujuan

## **NO SOALAN**

penarikan subsidi kepada pengangkutan awam.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memutuskan untuk memansuhkan pemberian *super subsidy* kepada 9 jenis pengangkutan darat

mulai 1 Jun 2011. Keputusan ini bukanlah bermaksud bahawa Kerajaan menarik balik pemberian subsidi tetapi kadar subsidi yang diberikan kepada sektor pengangkutan darat tersebut telah dikurangkan. Jika sebelum ini harga diesel bersubsidi bagi sektor berkenaan adalah sebanyak RM1.48 seliter tetapi kini harga diesel bersubsidi adalah RM1.80 seliter sama seperti harga runcit.

Tujuan utama Kerajaan mengambil pendekatan untuk merasionalisasikan subsidi adalah sebagai langkah untuk membendung kehilangan hasil yang besar bagi pemberian subsidi ke atas barangan kawalan iaitu produk petroleum. Justeru, pelaksanaan rasionalisasi subsidi telah dilaksanakan secara terperingkat di mana Kerajaan memutuskan untuk mengurang jurang harga diesel bersubsidi di antara kumpulan yang menerima *super subsidy* dan runcit.

Kos sebenar subsidi diesel bagi sektor pengangkutan sehingga April 2011 adalah berjumlah RM903 juta.

### **SOALAN NO:33**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ]**

**TARIKH : 21 JUN 2011**

**SOALAN**

**DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ] minta PERDANA MENTERI**

menyatakan sejauh manakah perlaksanaan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) telah berjaya menutup ruang rasuah seajar hasrat Kerajaan yang inginkan idealisme mulia sebuah masyarakat berintegriti di negara ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana yang Yang Berhormat Libaran sedia maklum, sebanyak 27 inisiatif telah dikenalpasti dan 9 inisiatif telah di letakkan sebagai 'Big Win' atau yang mempunyai impak paling besar terhadap usaha-usaha memerangi rasuah.

Daripada **9** 'big win', **tiga (3) inisiatif** telah disempurnakan iaitu:

- a) **Menjelaskan Parameter Surat Sokongan** yang mana garis

panduan telah dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri pada 8 Mac 2010, di mana surat sokongan tidak boleh dijadikan merit untuk mendapatkan suatu kelulusan dalam urusan kerajaan.

- b) **Mewujudkan Pangkalan Data Pesalah Rasuah** yang boleh diakses oleh orang ramai melalui web Suruhajaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang telah dilancarkan pada 1 April 2010, memberikan impak yang besar terhadap pesalah rasuah di mana gambar dan maklumat mereka akan dipaparkan sekiranya disabitkan dengan kesalahan rasuah. Inisiatif ini akan menyedarkan rakyat bahawa Kerajaan adalah serius dalam usaha memerangi rasuah.
- c) **Mendedahkan Butiran Kontrak Perolehan Kerajaan** telah dilaksanakan melalui paparan *MyProcurement* yang boleh diakses oleh orang ramai di web portal Kementerian Kewangan Malaysia yang dilancarkan pada 1 April 2010 dan juga maklumat perolehan penswastaan melalui paparan *MyPartnership* di laman web Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) yang dilancarkan pada 25 September 2010. Inisiatif ini akan memaparkan kepada orang awam mengenai perolehan serta kontrak-kontrak Kerajaan.

Empat (4) sedang dalam proses pelaksanaan dan kemajuan sangat memuaskan iaitu:

- a) **Inisiatif Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010** (*Whistleblower Act 2010*) telah diluluskan di Parlimen pada 6 Mei 2010 dan akan dikuatkuasakan dalam masa yang terdekat, inisiatif ini menggalakkan pemberi maklumat untuk tampil mendedahkan

sebarang kelakuan tidak wajar dan mereka diberi perlindungan daripada sebarang tindakan yang memudaratkan.

- b) **Berusaha Menyelesaikan Kes Rasuah Dalam Masa Setahun**, pindaan kepada Prosedur Kanun Jenayah telah diluluskan pada 10 Jun 2010 memperuntukkan bahawa tempoh pertuduhan sehingga di bawah ke perbicaraan mestilah dalam masa 90 hari dan Kerajaan juga telah meluluskan pewujudan 4 Mahkamah Tinggi Khas Rasuah dan 14 Mahkamah Sesyen Khas Rasuah bagi membolehkan perbicaraan kes-kes rasuah dilaksanakan dengan cepat dan berkesan.
- c) **Menguatkuasakan Hukuman Yang Lebih Tegas** sedang dalam peringkat akhir semakan pindaan kepada Pekeliling- Pekeliling Perkhidmatan Awam yang mana hukuman bagi penjawat awam yang didapati atau disabitkan dengan kesalahan rasuah akan dikenakan hukuman tahan gaji, gantung kerja atau diberhentikan kerja. Manakala suatu arahan telah dikeluarkan oleh Ketua Hakim Negara kepada hakim- hakim agar memberikan hukuman yang lebih keras terhadap pesalah rasuah.
- d) **Inisiatif Memantap dan Memperkuuhkan Unit-unit Pematuhan (Compliance Unit)** juga sedang giat dilaksanakan dan dimulakan dengan agensi-agensi penguatkuasa utama Negara iaitu Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Kastam Di Raja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan juga Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan seterusnya akan diperluaskan kepada agensi-agensi penguatkuasa yang lain.

Manakala **2 (dua) inisiatif** sedang dalam peringkat kajian pelaksanaan iaitu:

- a) **Kajian untuk Menguatkuasakan Undang-Undang Politik**  
Sedia Ada Dan Menjalankan Kajian Untuk Mengubahsuai Pembiayaan Politik.
- b) **Pelaksanaan ‘Integrity Pact’** yang mana Kementerian Kewangan sedang menyediakan garis panduan pelaksanaan.

Inisiatif-inisiatif yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membasmi rasuah selaras dengan NKRA telah menampakkan keberkesanannya di mana usaha-usaha tersebut telah mendapat sokongan dan kerjasama daripada kementerian-kementerian serta agensi-agensi kerajaan. Contoh yang paling ketara dapat dilihat adalah agensi- agensi penguasa utama yang dahulunya bekerja secara berasingan, kini telah berganding bahu dan bekerjasama dalam menjayakan inisiatif-inisiatif NKRA seperti menubuhkan unit pematuhan, merangka garis panduan untuk prosedur perlindungan kepada pemberi maklumat, mengurangkan birokrasi dalam penyampaian perkhidmatan dan mengurangkan kuasa budi bicara melalui automasi dengan berkongsi maklumat antara agensi untuk tujuan penambahbaikan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak menjangkakan perubahan mendadak kerana proses pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini akan mengambil masa dan keberkesanan secara keseluruhan mungkin akan dapat dilihat setelah kesemua inisiatif telah sempurna dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 126

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA [BACHOK]

TARIKH : 21JUN2011

**SOALAN :**

**TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA [BACHOK]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan sepanjang tahun 2011 untuk meningkatkan kemahiran dan menambahkan pengetahuan kakitangan sokongan serta peruntukan yang telah digunakan dari tahun 2005-2010.

NO SOALAN : 126

**JAWAPAN:** **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menyedari pentingnya usaha-usaha pembangunan sumber manusia dalam Perkhidmatan Awam. Sehubungan dengan itu, Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam telah digubal melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 yang menetapkan supaya semua Kementerian/Jabatan menyediakan peruntukan tahunan bersamaan sekurang-kurangnya satu peratus (1%) daripada peruntukan emolumen untuk tujuan latihan. Lanjutan daripada usaha tersebut, setiap Ketua Jabatan perlu memastikan setiap pegawai di semua peringkat di organisasi masing-masing mengikuti kursus sekurang-kurangnya tujuh (7) hari setahun.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan juga menyediakan kemudahan Pinjaman Boleh Ubah (PBU) untuk pegawai Kumpulan Sokongan yang mengikuti pengajian di peringkat Diploma atau Ijazah Pertama secara sepenuh masa atau separuh masa bagi meningkatkan kemahiran dan menambahkan pengetahuan mereka. Untuk pengajian sepenuh masa, kemudahan yang ditawarkan ialah Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG) dan PBU, manakala bagi pengajian separuh masa, hanya PBU ditawarkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang tahun 2011, Kerajaan terus melaksanakan pelbagai aktiviti pembangunan diri dan kemajuan kerjaya pegawai Kumpulan Sokongan

## NO SOALAN : 126

melalui kursus latihan yang dirancang selaras dengan keperluan dasar latihan sektor awam. Dalam tempoh yang sama, JPA telah menggubal Program Bersepadu Pembangunan Kompetensi (PROSPEK) bagi menggantikan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) sebagai satu usaha bersepadu dengan mengintegrasikan penilaian dengan pembangunan kompetensi dan potensi. Matlamat PROSPEK adalah ke arah melahirkan pegawai berprestasi tinggi yang bersedia untuk melaksanakan inisiatif transformasi yang dibangunkan oleh Kerajaan ke arah negara maju.

Sepanjang tempoh 2005 hingga 2010, seramai 80,445 orang pegawai dari Kumpulan Sokongan telah menghadiri kursus PTK yang dilaksanakan oleh kementerian/jabatan/agensi di seluruh negara. Pelaksanaan kursus-kursus tersebut telah melibatkan peruntukan sebanyak RM 9 juta.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, Kerajaan turut menyediakan kemudahan institusi pembelajaran iaitu Institut Tadbiran AWam Negara (INTAN). INTAN merupakan sebuah institusi pembelajaran sektor awam utama yang menjalankan latihan merangkumi semua peringkat dan gred jawatan dalam Perkhidmatan Awam. Matlamat latihan di INTAN ialah untuk melahirkan penjawat awam yang mempunyai sikap, kemahiran dan pengetahuan yang tinggi dalam bidang-bidang strategik yang diperlukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10), Model Baru Ekonomi,

Bidang Keberhasilan Utama (NKRA) dan sebagainya. Secara

## NO SOALAN : 126

khususnya, setiap program latihan yang direncanakan adalah berlandaskan teras strategik seperti dinyatakan dalam Teras Ke Empat RMK-10, iaitu membangun dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia. Bagi tujuan ini, INTAN berperanan menyediakan penjawat awam yang berkemampuan untuk membantu menjayakan hasrat Kerajaan dalam mencapai Wawasan 2020 Malaysia sebagai sebuah negara maju.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memenuhi aspirasi Kerajaan untuk melahirkan "*thinking civil servants*" yang beretika tinggi, inovatif, kreatif dan berdaya saing, INTAN melatih kakitangan Kumpulan Sokongan agar lebih berpengetahuan dan kompeten dalam bidang yang diperlukan serta berkemampuan untuk menterjemahkan pengetahuan kepada amalan berterusan. Selain itu, INTAN menekankan elemen latihan merangkumi keupayaan berkomunikasi dengan berkesan, kemahiran dalam bidang teknologi terkini, menghayati nilai-nilai murni sebagai asas kehidupan, dan mampu untuk memberikan sumbangan kepada masyarakat, negara dan dunia.

Antara kursus yang dilaksanakan di INTAN bagi Kumpulan Sokongan adalah seperti berikut:

- i) Kursus Perkhidmatan Pelanggan Berbudi Bahasa;
- ii) Kursus Peningkatan Penyampaian Petugas Barisan Hadapan;
- iii) Kursus Penyampaian Perkhidmatan Berkesan;

**NO SOALAN : 126**

iv) K

ursus Pengukuhan Integriti Sektor Awam;

v) K

ursus Pengurusan Organisasi;

vi) K

**NO SOALAN : 126**

ursus Penyeliaan Berkesan; dan

vii)

K

ursus Nilai dan Etika.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO.: ?4**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAA N DARIPADA KAWASAN TARIKH	LISAN Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN REMBAU 21 )UN 2011 (SELASA)
--	---

**SOALAN:**

Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN (REMBAU) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk membaik pulih sistem pengaliran air di sisi laluan motosikal di Lebuh Raya Persekutuan yang kerap mengakibatkan banjir serta mengambil tindakan atas ketiadaan penanda bagi laluan bengkok dan pencahayaan di Lebuh raya KESAS yang membahayakan penunggang motosikal.



Tuan Yang Di-Pertua;  
**JAWATAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bidang kuasa dan tanggungjawab penyelenggaraan lorong motosikal di sepanjang Jalan Persekutuan 2 dari Kuala Lumpur ke Klang terbahagi kepada 3 agensi, iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), jabatan Kerja Raya (JKR) dan PLUS Expressway Berhad. Laluan lorong motosikal di bawah bidang kuasa DBKL ialah dari kawasan Seputeh hingga ke Kota Darul Ehsan di sempadan Kuala Lumpur/Petaling Jaya; JKR pula dari Kota Darul Ehsan hingga ke Subang Jaya manakala PLUS Expressways Berhad bertanggungjawab menyelenggara laluan motosikal dari Subang Jaya hingga ke Klang.

Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum mengenai kejadian banjir kilat yang sering berlaku di beberapa lokasi bawah jejambat laluan motosikal di Jalan Persekutuan 2, seperti di susur Jalan 222 Arah Petaling Jaya. Keadaan ini disebabkan antara lain oleh faktor hujan lebat yang luar biasa dan sistem perparitan di sekitar laluan terbabit yang tidak diselenggara dengan baik sehingga mengakibatkan kejadian banjir kilat, seperti di kawasan terowong jejambat yang menjadi laluan pengguna motosikal. Sehubungan itu, Kementerian Kerja Raya telah mengarahkan JKR Daerah Petaling untuk menjalankan audit keselamatan di kawasan-kawasan yang terlibat, terutama bagi memastikan pam-pam air mekanikal di dalam kawasan terowong

lorong motosikal sentiasa berfungsi dengan baik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2009 dan 2010 yang lalu, kementerian ini telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM18 juta untuk menaik taraf lorong motosikal di Jalan Persekutuan 2, termasuk menurap semula jalan dan meningkatkan ciri-ciri keseiamatan jalan seperti pemasangan perabot jalan dan menggantikan pam-pam air mekanikal yang rosak dan usang. Manakala pada tahun 2011 ini, peruntukan sebanyak RM4 juta akan disalurkan kepada JKR Daerah Petaling untuk tujuan yang sama.

Mengenai isu laluan khusus motosikal di Lebuh Raya Shah Alam (KESAS) yang berbengkang bengkok dan didakwa tidak selamat kepada pengguna khususnya pada waktu malam, Kementerian Kerja Raya telah mengarahkan syarikat konsesi lebuh raya terbabit untuk meningkatkan lagi ciri-ciri keseiamatan di jalan tersebut. Ini termasuk melaksanakan pemasangan lampu-lampu jalan, papan-papan tanda amaran dan speed breaker di kawasan yang berisiko kemalangan. Di samping itu, pihak konsesi juga dengan kerjasama Polis Di-Raja Malaysia (PDRM) akan meningkatkan tempoh kekerapan rondaan di sepanjang laluan tersebut. Ini bertujuan untuk memastikan tahap keseiamatan para pengguna motosikal sentiasa terpelihara, khususnya dalam aspek pencegahan jenayah dan vandalisme.

Sekian. Terima kasih.



No: 35

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

# PERTANYAAN DARIPADA

## BAGI JAWAB LISAN

YB Dato' Seri Haji Azmi Bin Khalid

[Padang Basar]

TARIKH

35

21 Jun 2011 (Selasa)

## SOALAN

Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid (Padang Besar) minta MENTERI  
PENGANGKUTAN menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa  
kelewatan

pengerukan Pelabuhan Pulau Pinang akan menjasakan pembangunan ekonomi negeri Perlis dan negeri-negeri NCER, memandangkan ia adalah rangkaian terpenting bagi landasan keretapi berkembar yang bakal siap pada 2012. Yang mana landasan ini adalah penggerak terpenting pertumbuhan ekonomi negeri-negeri ini. Bilakah kerja-kerja pengerukan akan dijalankan.

## JAWAPAN

## Tuan Yang Dipertua,

**Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan sedang mengambil tindakan berhubung pelaksanaan projek pengurukan Pelabuhan Pulau Pinang.**

Dalam pada itu, kenyataan bahawa terjejasnya ekonomi negeri-negeri di Northern Corridor Economic Region (NCER) ekoran kelewatan pelaksanaan projek pengurukan tersebut adalah tidak berbangkit memandangkan projek landasan kereta api berkembar hanya dijangka siap pada penghujung 2014.



NO. AUM : 11

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [ KUALA NERUS ]**

**PERTANYAAN LISAN 21 JUN 2011**  
**3731**  
**DARIPADA**

## **SOALAN: TARIKH**

**RUJUKAN** Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [ Kuala Nerus ]  
minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes  
kehilangan dan kerosakan Mykad (diperbaharui) di seluruh  
negara mengikut negeri dalam tempoh tiga tahun dan nyatakan sejauh  
mana berlakunya kes- kes penyalahgunaan Mykad oleh rakyat asing yang  
dikaitkan dengan kes-kes kehilangan tersebut.



**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua ,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Keningau yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada rekod Jabatan Pendaftaran Negara, jumlah **kehilangan** kad pengenalan dalam tempoh 3 (tiga) tahun iaitu dari tahun 2008 hingga 2010 mengikut 5 (lima) negeri tertinggi adalah seperti berikut:

1.	Selangor	221,52
2.	Johor	137,58
3.	Kuala Lumpur	125,52
4.	Perak	90,558
5.	P. Pinang	69,407

Manakala **kerosakan** kad pengenalan dalam tempoh 3 (tiga) tahun, iaitu dari tahun 2008 hingga 2010 mengikut 5 (lima) negeri tertinggi adalah seperti berikut:

1.	Selangor	437,37
2.	Johor	335,90
3.	Perak	238,84
4.	Sarawak	235,36
5.	Kuala Lumpur	222,79

Kes-kes penyalahgunaan Mykad oleh rakyat asing yang dikaitkan

dengan kes-kes kehilangan tersebut tidak dapat dipastikan kecuali pemilik asal kad pengenalan tersebut membuat laporan polis.



**NO. AUM : 14**

**NO. AUP :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID BIN SYED  
JAAFAR ALBAR [ KOTA TINGGI ]**

**TARIKH 21 JUN 2011**

**RUJUKAN 3878**

**SOALAN:**

**Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [ Kota Tinggi ]**  
minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah tegas  
yang diambil Kerajaan bagi membendung penularan kempen yang  
berupa hasutan atau berasaskan perkauman semasa diadakan Pilihan  
raya Umum mahupun Pilihan raya Kecil.



**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Kota Tinggi yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kerajaan amat serius dan akan mengambil tindakan tegas mengikut peruntukan undang-undang sedia ada terhadap mana-mana orang perseorangan, kumpulan atau pertubuhan-pertubuhan yang mempunyai kecenderungan menghasut melalui perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan dan sebagainya. Tindakan ini dilaksanakan tanpa mengira masa dan keadaan dan tidak hanya pada waktu pilihanraya sahaja.

**NO. AUM : 15**

**NO. AUP : Jg**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                    TUAN CHUA TIAN CHANG [ BATU ]**

**TARIKH                    21 JUN 2011**

**RUJUKAN                    : 3732**

**SOALAN:**

**Tuan Chua Tian Chang [ Batu ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan**

- (a) sejauh manakah siasatan kes video seks terhadap 'Datuk T' dan agensi atau pakar manakah yang diguna pakai oleh PDRM untuk dianalisis kepalsuan video tersebut; dan
- (b) sama ada pihak PDRM memberi perlindungan kepada 'Datuk T' walaupun melanggar Akta Penapisan Filem 2002.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, siasatan ke atas kes ini masih lagi dijalankan dan kertas siasatan telah dirujuk ke Jabatan Peguam Negara untuk nasihat dan pandangan. Manakala, bagi mengesahkan ketulenan video berkenaan pihak polis telah menggunakan khidmat agensi tempatan dan luar negara seperti Siber Sekuriti Malaysia dan pakar luar negara daripada Australia dan Amerika Syarikat.

Bagi menjawab soalan (b) pula, ingin saya tegaskan bahawa tiada imuniti akan diberikan kepada mana-mana pihak dalam kes ini kerana pihak polis menjalankan siasatan dengan telus dan penuh integriti. Sekiranya ada pegawai yang melanggar peraturan dan undang-undang negara, tindakan tegas terhadap pegawai tersebut akan di ambil.

**NO. AUM : 17**

**NO. AUP :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB  
LISAN**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>DEWAN RAKYAT</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>TUAN LIEW CHIN TONG [ BUKIT BENDERA ]</b>	
<b>TARIKH</b>	<b>21 JUN 2011</b>	
<b>RUJUKAN</b>	<b>3733</b>	

**SOALAN:**

**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status pembinaan Bilik 28 dan pemasangan CCTV di lokap dan di balai polis di seluruh negara, serta kes-kes kecederaan dan kematian dalam lokap dan balai polis selepas langkah-langkah tersebut diambil.

**JAWAPAN**  
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Bendera yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Pemasangan CCTV di lokap dan balai-balai polis di seluruh negara bermula pada tahun 2007 dan dipasang secara berperingkat disebabkan ianya melibatkan peruntukan yang besar. Jumlah terkini CCTV yang telah dipasang adalah sebanyak 318 sistem CCTV di Ibu Pejabat Polis Kontinen, Ibu Pejabat Polis Daerah dan balai polis seluruh negara.

Sehubungan dengan itu, sehingga bulan Mei 2011 sebanyak lima kes mendatangkan kecederaan terhadap tahanan telah dilaporkan berlaku. Bagi kes kematian dalam lokap pula terdapat sebanyak lapan kes dilaporkan dimana dari jumlah tersebut sebanyak tujuh kes tahanan mati disebabkan penyakit dan satu kes membunuh diri.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN NGA KOR MING [TAIPING]
TARIKH	21 JUN 2011 (SELASA)

**SOALAN**

Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci perkembangan terbaru rancangan Kerajaan untuk mendirikan dua buah loji tenaga nuklear di negara ini serta jumlah bajet yang terlibat.

NO. SOALAN: 40

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan masih mengkaji keperluan tenaga nuklear sebagai salah satu opsyen penjanaan tenaga elektrik, mengambilkira insiden ketidakstabilan loji nuklear di Jepun disebabkan oleh gempa bumi baru-baru ini.

Kerajaan juga sedang memperincikan rancangan jangka pendek dan panjang yang mengambilkira pelbagai aspek infrastruktur seperti yang juga disyorkan oleh IAEA

Untuk rancangan jangka pendek, tumpuannya adalah pada pelaksanaan kajian terperinci oleh juruperunding antarabangsa yang berpengalaman dalam projek-projek loji janakuasa nuklear, terutama kajian-kajian berikut:

- i) . Penyediaan Pelan Pembangunan Infrastruktur Kuasa Nuklear (*Nuclear Power Infrastructure Development Plan (NPIDP)*) yang merangkumi penilaian terhadap tahap kesediaan negara dalam kesemua sembilan belas (19) aspek infrastruktur seperti yang telah disebut di atas. Penilaian ini akan disemak oleh IAEA berdasarkan garis panduannya.
- ii) . Penyediaan program penyebaran maklumat mengenai pelbagai aspek penggunaan kuasa nuklear kepada kesemua pihak berkepentingan (*stakeholders*), termasuk tinjauan pendapat umum mengenainya;
- iii) . Kajian kesediaan rangka kerja perundangan dan kawalselian sebagai asas pembangunan sistem kawalseliaan nuklear yang komprehensif untuk menjamin keselamatan awam dan kesejahteraan alam sekitar negara, termasuk pematuhan terhadap sistem tadbir urus nuklear antarabangsa (*international nuclear governance*) yang berdasarkan triti, konvensyen dan perjanjian antarabangsa yang berkenaan;
- iv) . Kajian kemungkinan (*feasibility study*) bagi projek loji janakuasa

nuklear, termasuk dari segi kos dan pembiayaan; dan,

- v) . Kajian terperinci untuk mengenalpasti tapak yang sesuai untuk pembinaan loji janakuasa nuklear berdasarkan kriteria pemilihan yang disyorkan oleh IAEA dan lazim digunakan oleh negara-negara maju.

Rancangan jangka panjang akan dirumuskan berdasarkan kepada Pelan Pembangunan Infrastruktur Kuasa Nuklear (*Nuclear Power Infrastructure Development Plan, NPIDP*), termasuk pembangunan perundangan dan sistem kawalseliaan nuklear negara yang komprehensif, pengurusan pihak berkepentingan, pematuhan terhadap sistem tadbir urus nuklear antarabangsa, pembangunan modal insan, pembangunan industri sokongan tempatan, pembiayaan, pengurusan sisa radioaktif, pengurusan kitaran bahan api nuklear, dan keselamatan awam dan perlindungan alam sekitar.

Bajet bagi projek loji janakuasa nuklear akan bergantung kepada hasil kajian kemungkinan (*feasibility study*). Walau bagaimanapun, berdasarkan maklumat dalam buku Program Transformasi Ekonomi (ETP), pembinaan 2 unit loji janakuasa nuklear dijangka memerlukan kos pelaburan berjumlah RM21.3 billion sehingga 2020.

No. Soalan : PR-  
1242-L44790

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA DATO\* SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
[ PERMATANG PAUH ]**

**TARJAH MAPAN:** : SELASA, 21 JUN 2011

**SOALAN**

: DATO<sup>1</sup>, SERI ANWAR BIN IBRAHIM

[ PERMATANG PAUH ] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh mana persiapan dan keyakinan Kerajaan untuk memenangi kes pembayaran caj pembangunan untuk tiga bidang tanah asal di Tanjong Pagar, Kranji dan Woodlands melalui timbang tara supaya Malaysia tidak mengalami kerugian dengan pembayaran SGD 1.47 bilion seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan Singapura.

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh di atas soalan yang dikemukakan.

2. Di sini saya ingin menjelaskan bahawa sebelum Kerajaan membuat keputusan untuk merujukkan perkara pembayaran caj pembangunan untuk tiga bidang tanah asal di Tanjong Pagar, Kranji dan Woodlands kepada prosedur timbang tara, Kerajaan - melalui Jabatan Peguam Negara - telah pun membuat penyelidikan yang mendalam dari segala aspek perundangan, termasuk mendapatkan beberapa pendapat daripada pakar undang-undang antarabangsa yang ternama.

3. Jabatan Peguam Negara juga telah membuat segala persiapan yang perlu secara teliti dan rapi merangkumi pengumpulan dokumen dan fakta yang berkaitan daripada semua pihak yang terlibat di dalam dan luar negara. Dalam hal ini, dengan fakta, dokumen dan pendapat yang diberikan, Malaysia yakin bahawa kes ini kukuh dan mantap dari segi undang-undang bagi membolehkan Malaysia memenangi kes pembayaran caj pembangunan tersebut.
4. Bagi penyediaan dan pengendalian kes timbang tara tersebut pula, Kerajaan Malaysia telah bersetuju untuk melantik panel pakar dan pengamal undang-undang antarabangsa bagi mengetuai pasukan undang-undang Malaysia dengan dibantu oleh para pegawai Jabatan Peguam Negara dan agensi yang berkaitan bagi menyiapkan hujahan yang akan dibentangkan di hadapan panel penimbangtara kelak.

Sekian, terima kasih.

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS**

**[ TELOK KEMANG ]**

**TARIKH 21 JUN 2011 (SELASA)**

**SOALAN**

**SOALAN NO.43**

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa kos pembinaan MRT Sungai Buloh - Kajang yang jaraknya 150km memakan belanja RM50 bilion berbanding dengan pembinaan landasan keretapi terlaju di dunia antara Golmud, China ke Lhasa, Tibet sejauh 1140km siap hanya dengan kos RM15 bilion.

**SOALAN NO.42**

**JAWAPAN: YBDATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Projek MRT Lembah Kelang Jajaran Sungai Buloh-Kajang adalah satu sistem transit aliran massa yang merupakan fasa pertama jaringan MRT Lembah Kelang yang akan menjadi tulang belakang sistem pengangkutan awam Kuala Lumpur dan Lembah Kelang. Panjang jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang adalah 51km di mana 9.5km adalah di bawah tanah apabila jajaran tersebut melalui pusat bandaraya Kuala Lumpur.

Perbandingan kos antara dua sistem keretapi yang berlainan tanpa maklumat terperinci adalah amat sukar dan tidak akan memberi gambaran yang betul. Antara faktor-faktor utama yang memberikan perbezaan kos adalah;

- (i) Masa sistem di bina: Kos pembinaan pada tahun 1995 akan berbeza dengan 2005 dari segi bahan bina asas dan tenaga kerja;
- (ii) Jajaran samada atas atau bawah tanah;



## **SOALAN NO.42**

- (iii) Lokasi sistem samada merentasi kawasan luar bandar  
ataupun di tengah bandaraya yang padat; dan
- (iv) Konfigurasi system dari segi saiz dan kompleksiti.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 43**

**PERTANYAAN**

**SOALAN NO: 44**

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN**  
**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** LISAN

DARIPADA Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [ Tuaran ]

TARIKH 21 Jun 2011 (Selasa )

SOALAN Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [ Tuaran ]  
**minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI  
menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan  
untuk membina kompleks pendaratan ikan moden di  
Sabah memandangkan betapa pentingnya industri  
perikanan di negeri itu.**

JAWAPAN : Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI

Tuan Yang DiPertua,

Buat masa ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani belum lagi bercadang untuk mewujudkan kompleks pendaratan ikan moden di Sabah bagi memacu pembangunan industri perikanan laut dalam.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa memberi penekanan supaya semua program dan projek yang telah dan akan dilaksanakan di Sabah memberi faedah kepada nelayan - nelayan terutamanya untuk membangunkan kapasiti pengeluaran dan hasil tangkapan serta meningkatkan pendapatan mereka.



No. 44

**PEMBER**  
**DAWUAN RAKYAT. MALAYSIA**

PERTANYAAN PERTAN LISAN  
DARIPADA YAAN DATO' ISMAIL BIN KASIM  
KAWASAN ARAU  
TARIKH 21.6.2011 (Selasa)  
NO. SOALAN

Y.B. DATO' ISMAIL<sup>44</sup> BIN KASIM minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan dalam meningkatkan minat berterusan pelabur-pelabur asing ke negara kita berdasarkan kajian yang dibuat oleh Ernest & Young bahawa keyakinan korporat terhadap negara kita telah meningkat pada 2011.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Kajian yang dijalankan oleh Ernest & Young terhadap tahap kevakinan Modal Asia Tenggara menunjukkan bahawa kevakinan korporat terhadap rantau Asia Tenggara termasuklah Malaysia semakin meningkat antaranya kerana svarat-svarat modal ekonomi Asia Tenggara adalah kekal atau meningkat dan tumpuan diberikan terhadap pertumbuhan organik serta penggabungan dan pengambilalihan.

Pelbagai langkah telah diambil oleh Kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan minat berterusan dan mewujudkan suasana perniagaan yang kondusif pelabur-pelabur asing melabur di Malaysia terutama dalam aktiviti-aktiviti bernilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensif pengetahuan dan kemahiran yang berdasarkan 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang diperkenalkan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Antara usaha-usaha yang dilaksanakan bagi meningkatkan minat berterusan pelabur-pelabur asing untuk melabur di Malaysia adalah:

- Menambahbaik dasar-dasar semasa termasuk meliberalisasikan dasar-dasar berkaitan pelaburan bagi

menggalakkan pelaburan di seluruh negara. Antara langkah-langkah yang diambil adalah kelulusan lesen pengilang secara automatik mulai Disember 2008 kecuali bagi aktiviti-aktiviti sensitif dan meliberalisasikan 27 subsektor perkhidmatan bagi menggalakkan pertumbuhan dan pelaburan di dalam sektor perkhidmatan pada April 2009;

Memperkenalkan pelbagai program bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara termasuk Program Transformasi Kerajaan (GTP), Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang mengandungi sistem pemantauan pertumbuhan ekonomi yang kukuh;

Memperkenalkan pakej-pakej insentif tambahan untuk pengecualian cukai korporat kepada industri yang strategik dan bidang-bidang baru dan berteknologi tinggi seperti sektor sumber tenaga alternatif, 'advanced electronics', bioteknologi, photonik, peralatan perubatan, ICT, aero-angkasa dan petrokimia;

Mewujudkan Perkhidmatan Juru Runding (*Special Business Advisors*) yang terdiri daripada personaliti terkemuka di dalam industri-industri yang digalakkan termasuk daripada universiti-universiti dan institusi-institusi penyelidikan luar negara untuk membantu dan membuka peluang bekerjasama dengan svarikat-svarikat utama di dalam industri-industri yang

digalakkan;

- Memastikan penvelarasan yang lebih baik di antara semua agensi Kerajaan dan swasta berkaitan bidang pelaburan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah ETP melalui penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang dipengerusikan bersama oleh Menteri MITI dan Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU;
- Penambahbaikan sistem penyampaian Kerajaan oleh Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan atau (PEMUDAH). Antara inisiatif PEMUDAH pada tahun 2010 adalah:

tempoh memulakan perniagaan dikurangkan kepada tiga hari berbanding 11 hari sebelum ini; pengenalan kepada Nombor Identiti Korporat Malaysia (MYCoID) di lima buah agensi Kerajaan; dan menghapuskan had umur pegawai dagang.

- Menjadikan MIDA sebagai agensi penggalakan pelaburan utama bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan. MIDA juga akan dikorporatkan dan diberi kuasa untuk membuat keputusan secara “real time” ketika berunding dengan para pelabur yang berpotensi.

**NO. AUM : 26**

**NO. AUP : 45**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**  
**PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA TAN SRI DATUK SERI PANG LIMA JOSEPH PAIRIN  
KITINGAN [ KENINGAU ]**

**TARIKH 21 JUN 2011**

**RUJUKAN 3879**

**SOALAN:**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ]**  
minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah tangkapan setakat ini terhadap mereka yang disyaki atau didapati terlibat dalam sindiket pemalsuan dokumen Kerajaan untuk tujuan memungkinkan pendatang asing memiliki kad pengenalan Malaysia yang sah.



## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Keningau yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, statistik tangkapan untuk pemalsuan dokumen adalah merangkumi pemalsuan pasport, kad pengenalan palsu, *chip* palsu dan tandatangan palsu. Bagi tahun 2009 sebanyak lima puluh (50) tangkapan telah dibuat, tahun 2010 sebanyak sembilan puluh empat (94) tangkapan telah dibuat dan 2011 ialah sebanyak tiga puluh tiga (33) tangkapan.

Lain-lain kes tangkapan adalah dilakukan di bawah Akta Imigresen dan Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Bagi tahun 2009 sebanyak empat puluh dua (42) tangkapan telah dibuat, tahun 2010 enam puluh (60) tangkapan telah dibuat dan 2011 empat puluh tujuh (47) tangkapan telah dibuat.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>TUAN KARPAL SINGH BUKIT GELUGOR</b>
<b>KAWASAN</b>	<b>21.6.2011 (Selasa)</b>
<b>TARIKH NO.</b>	<b>46</b>
<b>SOALAN</b>	

Y.B. TUAN KARPAL SINGH minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan berkenaan dengan kemasukan pelaburan asing ke dalam negara rentetan lawatan rasmi Perdana Menteri di luar negara termasuk Australia, Britain dan Amerika Syarikat pada tahun ini.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Sebagai usaha untuk menggalakkan lagi pelaburan asing ke Malaysia, Y.A.B Perdana Menteri telah melakukan beberapa lawatan rasmi ke luar negara termasuklah Australia, Britain dan Amerika Svarikat. Lawatan ini bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan diplomasi dan juga untuk meningkatkan lagi hubungan perdagangan dan pelaburan dua hala diantara Malaysia dengan negara-negara tersebut.

Selain periumpaan rasmi antara kedua-dua pemimpin negara tersebut diadakan, rombongan Y.A.B Perdana Menteri juga mengadakan pertemuan bersama para pengusaha/pelabur dari negara tersebut. Antara program yang telah dianjurkan adalah:

- periumpaan khas dengan svarikat yang telah dikenalpasti untuk membincangkan cadangan pelaburan baru serta projek pembesaran bagi pelabur sedia ada: dan
- Mesvuarat Meia Bulat (RTM) dan sesi dialog yang bertujuan memaklumkan para pelabur tentang peluang pelaburan terkini di Malaysia selaras dengan polisi dan program yang baru diperkenalkan di Malaysia.

Pada Mac 2011 pula, Y.A.B Perdana Menteri telah mengetuai lawatan rasmi ke Melbourne, Australia. Satu Mesvuarat Meia Bulat bersama bakal pelabur di Australia telah dianjurkan untuk memaklumkan perkembangan terkini peluanq pelaburan di Malaysia disamping peluanq pelaburan dalam bidang tertentu selaras dengan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan baru-baru ini.

Mesvuarat Meia Bulat yang dihadiri oleh 30 peserta dari 22 firma terkemuka di Australia ini memberi kesan yang positif. di mana kebanyakan mereka telah menvatakan minat untuk terus melabur di Malaysia dan memberikan sokongan terhadap ETP dan Model Baru Ekonomi (NEM) yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia.

Pada 17 hingga 19 Mei 2011 pula, Y.A.B Perdana Menteri telah melakukan lawatan rasmi ke New York. Amerika Svarikat. Beberapa program penqualakan pelaburan telah diadakan termasuk:

- Persidangan Invest Malaysia (IMNY 2011) yang telah dihadiri oleh 270 peserta yang terdiri daripada broker. pengurus wang. indeks pembekal. svarikat-svarikat multinasional dan pengurus dana dari Amerika Syarikat.



Lebih daripada 10 buah syarikat dari Malaysia juga turut hadir ke persidangan tersebut dan sebanyak 101 mesvuarat perniaqaan telah diadakan:

- perbincangan antara kapten-kapten industri dari Amerika Syarikat bersama Y.A.B Perdana Menteri serta dialog bersama Penquerusi Suruhaiava Sekuriti, Penqarah Khazanah Malaysia dan Ketua Penqarah MI DA; dan
- Sesi “One-on-One Business Meeting” di antara Y.A.B Perdana Menteri dengan syarikat-syarikat multinasional dari Amerika Syarikat.

Tuan Yang Dipertua,

Syarikat-syarikat dari Amerika Syarikat telah memberi sokongan terhadap ETP dan reformasi struktural yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia. Ini menunjukkan bahawa para pelabur dan pelabur berportfolio dari Amerika Syarikat berminat untuk terus melabur di Malaysia.

Secara keseluruhannya, majoriti pelabur dari syarikat-syarikat terkemuka dari Australia, Britain dan Amerika Syarikat telah memberikan reaksi yang positif kepada lawatan tersebut. Y.A.B Perdana Menteri juga begitu optimistik bahawa siri lawatan

tersebut mampu menarik minat para pelabur dan pelabur baru untuk melabur di sektor-sektor yang difokuskan oleh Kerajaan. Lawatan ini juga bakal meloniakkan ekonomi Malaysia selain mewuiudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia pada ianqka masa panianq.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO<sup>1</sup> RASHID BIN DIN  
(MERBOK)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 21.06.2011**

**Y.B. DATO' RASHID BIN DIN [ MERBOK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** apakah prinsip yang diguna pakai dalam menguatkuasakan '*Risk Based Capital*' untuk syarikat-syarikat insurans tempatan, di mana ianya akan mengakibatkan banyak syarikat insurans di Malaysia tidak akan memenuhi keperluan modal berbayar minima dan '*margin of solvency*', mengakibatkan syarikat insurans ini mudah dibeli oleh syarikat insurans luar yang lebih besar. KEWANGAN menyatakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Rangka Kerja Modal Berdasarkan

Risiko (*Risk-Based Capital Framework* - RBC) untuk industri insurans telah dilaksanakan di Malaysia sejak 1 Januari 2009 bagi menggantikan keperluan kecukupan modal terdahulu yang berdasarkan rangka kerja margin kesolvenan (*Margin of Solvency Framework*).

2. Pelaksanaan rangka kerja RBC adalah selaras dengan usaha Bank Negara Malaysia untuk mengukuhkan kestabilan sektor kewangan secara keseluruhan serta perlindungan yang diberikan kepada pemegang polisi insurans dengan memastikan penanggung-penanggung insurans mempunyai tahap modal yang

mencukupi selaras dengan tahap risiko yang diambil serta mampu mengurus risiko tersebut dengan lebih baik. Rangka kerja keperluan modal ini lebih komprehensif dan mengguna pakai metodologi yang berupaya menggambarkan risiko yang diambil oleh penanggung-penanggung insurans dengan lebih tepat berdasarkan strategi perniagaan dan bentuk pelaburan masing-masing. Ini adalah berbeza jika dibandingkan dengan rangka kerja margin kesolvenan terdahulu yang tidak membezakan profil risiko di kalangan penanggung insurans.

3. Sejak rangka kerja RBC dilaksanakan, penanggung-penanggung insurans telah mengukuhkan kedudukan modal mereka secara beransur-ansur dan nisbah kecukupan modal industri insurans secara agregat pada akhir suku pertama 2011 telah mencecah paras 225.7%, jauh melebihi keperluan modal pengawalseliaan minimum sebanyak 130%. Amalan pengurusan risiko penanggung insurans juga kini bertambah kukuh, dengan pendekatan menilai dan menguruskan dedahan risiko yang lebih sistematik yang diguna pakai secara lebih meluas.

4. Pelaksanaan rangka kerja RBC ini bukan hanya memperkuuhkan kedudukan modal penanggung-penanggung insurans, malah telah meningkatkan tahap daya saing mereka dalam persekitaran yang lebih kompetitif hasil daripada pelaksanaan sistem pengurusan risiko yang lebih

**NO SOALAN :4P**

baik. Ini diperkuuhkan lagi dengan penyatuan pengetahuan pasaran domestik dan kepakaran teknikal melalui usaha sama di antara penanggung-penanggung insurans domestik dan luar negara. Usaha sama ini didorong oleh pertimbangan komersil bagi mempertingkatkan sinergi perniagaan masing-masing dan bukannya disebabkan keperluan untuk mematuhi rangka kerja RBC.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                  TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH    [SUBANG]**

**TARIKH                  21 JUN 2011**

**SOALAN**

**Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah minta PERDANA MENTERI**

menyatakan keputusan dan tindakan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) berhubung desakan Persatuan Pengusaha-pengusaha Bas Se-Malaysia (PPBSM) agar Kerajaan membeli syarikat bas berhenti-henti sedia ada bagi mengurangkan kerugian mereka.

**JAWAPAN:                  YB DATO' SERI MOHAMEP NAZR1 ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid Bin Syed Jaafar Albar telah mengambil inisiatif untuk

## **SOALAN NO.48**

berjumpa dan berbincang secara dekat bersama Presiden juga ahli-ahli Persatuan Pengusaha-pengusaha Bas Se-Malaysia (PPBSM) bagi membincangkan permasalahan yang mereka alami dan desakan mereka agar Kerajaan membeli syarikat bas berhenti-henti sedia ada bagi mengurangkan kerugian mereka.

SPAD berpendapat bahawa keputusan untuk membeli atau tidak syarikat bas berhenti-henti akan bergantung kepada kesan jangka masa panjangnya.

Oleh itu, cadangan daripada pihak Persatuan untuk Kerajaan membeli syarikat bas berhenti-henti akan dikaji terlebih dahulu oleh pihak SPAD secara terperinci sebelum sebarang keputusan dibuat. Sehubungan itu, SPAD telah pun meminta kerjasama daripada pengusaha-pengusaha syarikat bas yang berkenaan untuk menyerah dan membekalkan dokumen-dokumen dan maklumat-maklumat kepada pihak SPAD bagi

## **SOALAN NO.48**

membantu pihak SPAD dalam pertimbangannya untuk membuat keputusan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 49**

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN**  
**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	Lisan
<b>DARIPADA</b>	Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang)
<b>TARIKH</b>	21 Jun 2011 (Selasa)
<b>SOALAN</b>	Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) <b>minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah beliau sedar tentang ancaman krisis makanan global. Berapakah jumlah stok simpanan makanan utama dan apakah langkah-langkah Kerajaan dalam menghadapi situasi tersebut</b>
<b>JAWAPAN</b>	Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang DI Pertua,

Pihak Kerajaan sememangnya sedar mengenai ancaman krisis makanan global. Untuk makluman, pada masa ini pihak Kerajaan mempunyai stok simpanan atau stok penimbang bagi komoditi beras yang telah ditetapkan pada tahap 292,000 tan metrik bagi menampung keperluan apabila berlaku kekurangan bekalan. Paras stok penimbang ini dapat menampung keperluan rakyat selama 45 hari. Namun begitu, jika mengambil kira pegangan stok beras iaitu stok penimbang, stok dagangan BERNAS, stok pengilang, pemborong dan peruncit dalam satu-satu masa, jumlah beras dalam negara adalah melebihi 800,000 tan metrik dan keperluan beras ini mampu

**bertahan selama 4 hingga 5 bulan.**

**SOALAN NO: 51**

**PERTANYAAN**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menggubal Dasar Agromakanan bagi tempoh 2011-2020 di mana beberapa strategi dan langkah

telah dikenal pasti dalam mengatasi kekurangan bekalan makanan seperti:

- (i) meneruskan pelaksanaan Projek Berimpak Besar iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Pusat Fidlot Nasional, Ladang kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani serta projek-projek di bawah NKEA Pertanian bagi meningkatkan pengeluaran sektor tanaman, ternakan dan perikanan;
- (ii) membangunkan tanah pertanian secara optimum dengan tanaman selingan singkat masa;
- (iii) membangunkan sistem rantai bekalan makanan yang lebih terangkum dan kukuh dengan penglibatan Kerajaan, swasta serta petani, penternak dan nelayan;
- (iv) menumpukan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) kepada pengeluaran makanan secara mampan termasuklah pembangunan varieti dan baka; dan
- (v) meningkatkan penglibatan pihak swasta menerusi galakan pelaburan untuk menambah kapasiti pengeluaran dan sistem pengeluaran

berteknologi tinggi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN                            LISAN**

**DARIPADA                            TUAN NGA KOR MING**

**[ TAIPING ]**

**TARIKH                            21 JUN 2011 (SELASA)**

**SOALAN**

Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kos perbelanjaan yang perlu untuk *First Lady Division* dan pelantikan pegawai-pegawai penyelaras kawasan Pilihan raya masing-masing di Jabatan Perdana Menteri.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Telah dinyatakan sebelum ini bahawa tiada perbelanjaan khusus diperuntukkan kepada *First Lady Division* malahan unit itu sendiri tidak pernah wujud.

Bagi menjawab pertanyaan mengenai pelantikan pegawai penyelaras kawasan pilihan raya di Jabatan Perdana Menteri, ingin dinyatakan bahawa pelantikan ini dibuat oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) berdasarkan kepada kelayakan dan kebolehan pegawai-pegawai berkenaan. SPR bebas menentukan mana-mana pegawai untuk menyelaras kawasan pilihan raya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI**

## **SOALAN NO.52**

# [GOMBAK]

**TARIKH** **21 JUN 2011 (SELASA)**

**SOALAN**

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk menerbitkan bon-bon di luar Negara bagi menampung kos pembinaan projek MRT yang dijangka bernilai RM53 bilion. Jika ya, sila jelaskan nilai bon yang dicadangkan tersebut.

**SOALAN NO.51**

**JAWAPAN:** **YB DATO' SERI MOHAMEP NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PENGATUR PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek MRT Lembah Kelang Jajaran Sungai Buloh-Kajang adalah satu sistem transit aliran massa yang merupakan fasa pertama jaringan MRT Lembah Kelang yang akan menjadi tulang belakang sistem pengangkutan awam Kuala Lumpur dan Lembah Kelang.**

**Kerajaan telah menubuhkan Danalnfa Nasional Berhad yang berperanan untuk membantu kerajaan dalam memperoleh dana yang mencukupi bagi membiayai projek MRT melalui terbitan bon atau instrumen-instrumen kewangan lain. Dengan ini perolehan dana akan dibuat secara strategik di pasaran tempatan dan antarabangsa berdasarkan keperluan dan kedudukan pasaran modal semasa. Bon dijangka akan dikeluarkan pada 2012.**

**Sekian, terima kasih.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH [DUNGUN]**

**TARIKH : 21JUN2011**

**SOALAN:**

**TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH [DUNGUN] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi menambah baik Sistem Saraan Malaysia (SSM) khususnya bagi kakitangan yang telah mencapai gaji maksimum.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ  
MENTERI PI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kajian semakan semula Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang berteraskan perkhidmatan awam kejat ke arah negara maju berpendapatan tinggi dengan produktiviti yang dihasilkan akan melihat kepada struktur perkhidmatan, syarat-syarat perkhidmatan, struktur gaji termasuk gaji maksimum penjawat awam, elaun dan kemudahan.**

**Sekian, terima kasih.**

**No: 53**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN**                   **LISAN**

**DARIPADA**                   **YB DATUK JUSLIE BIN  
AJIROL(LIBARAN)**

**TARIKH**                   **21.6.2011**

**SOALAN**                   **53**

**Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan**

- a) berapa buah dan di mana jalan luar bandar yang akan dilaksanakan di Sabah dalam RMK-10; dan
- b) bilakah pembinaan Jalan Fasa 2 SPS 3 dan Jalan Sg. Tiram Fasa 2 akan dilaksanakan.

**JAWAPAN**                   **:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rolling Plan Pertama RMK-10, sebanyak 187 projek jalan luar bandar di seluruh negeri Sabah telah disenarai untuk dilaksanakan. Sehingga kini, 48 projek telah siap sepenuhnya, 68 projek dalam peringkat pelaksanaan dan 71 projek dalam peringkat tawaran.

Bagi pelaksanaan Jalan Fasa 2 SPS 3 dan Jalan Sg. Tiram Fasa 2, Kementerian akan senaraikan untuk pertimbangan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) pada Rolling Plan Kedua (2013-2015).

NO. AUM : 43

NO. AUP : 54

LISAN

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

21 JUN 2011

## **PERTANYAAN**

3735

DARIPADA T

## **ARIKH SO ALAN:**

## **RUJUKAN**

Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berkenaan dengan video seks yang didakwa menyerupai Ketua Parti Pembangkang

- (a) Mengapakah sehingga kini “Dato’ Trio” tidak didakwa di Mahkamah di bawah Seksyen 292 Kanun Keseksaan dan juga Akta Penapisan Filem 2002 di atas kesalahan menayangkan filem pornografi secara terbuka kepada umum; dan;

(b) Apakah hasil siasatan bagaimana video tersebut dimuat naik ke internet sedangkan salinan asal berada di pihak Polis.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Seremban yang mengemukakan pertanyaan.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pihak polis telah membuka kertas siasatan berkenaan dakwaan penayangan video seks di bawah Seksyen 292 Kanun Keseksaan dan Seksyen 5 Akta Penapisan Filem. Sehingga kini pihak polis masih lagi menjalankan siasatan terhadap laporan berkenaan dan laporan analisa video oleh pakar dari luar negara telah pun diperolehi. Kertas siasatan telah pun dirujuk kepada pihak Jabatan Peguam Negara untuk mendapatkan pandangan dan nasihat.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Salinan video yang dirampas oleh pihak polis telah disimpan di dalam peti keselamatan untuk menjamin keselamatan dan untuk mengelakkan dari diceroboh. Laporan polis berkenaan muat naik video tersebut ke internet telah dirujuk ke pada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk tindakan selanjutnya.**

No. SOALAN: 55

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [ Alor Gajah ]

TARIKH : 21JUN 2011 (SELASA)

SOALAN : Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [ Alor Gajah ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sebab untuk terjemahan salah "Istiadat Sambutan Rasmi Sempena Lawatan Rasmi TYT Wen Jiabao Ke Malaysia" ke "

^W ^ ( r i l i n g

s h ! huan yfwg yf itij yu ti yl qT win Jti bio g# xii de ihlrg sh] f&ng v#n mi lii xT y&f

SGmpGna.

lawatan Perdana Menteri China ke Malaysia pada bulan April lepas.

JAWAPAN : (YB SENATOR TAN SRI DR KOH TSU KOON)

Lawatan rasmi Perdana Menteri Republik Rakyat China (RRC), TYT Wen Jiabao ke Malaysia pada 27-28 April tahun ini pada keseluruhannya merupakan satu kejayaan yang cemerlang bagi pucuk pimpinan dan rakyat kedua-dua negara kerana telah merapatkan hubungan dua hala serta mencapai perjanjian dan persetujuan dalam beberapa bidang yang penting.

Memandangkan lawatan ini adalah amat penting, pegawai-pegawai yang berkenaan dari pelbagai kementerian, khasnya Kementerian Luar Negeri dan Jabatan Perdana Menteri (JPM), telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan beberapa langkah tambahan, misalnya dari segi hiasan semasa sambutan rasmi, pemasangan banting secara lebih banyak sepanjang jalan-jalan protokol, liputan media yang meluas, persembahan semasa jamuan makan tengah hari dan sebagainya. Ini adalah selaras dengan keputusan Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 8 April supaya sambutan kepada semua Tetamu Negara diadakan dengan

meriah dan lebih bersifat *personalised*, dengan mengambil contoh layanan yang diterima oleh YAB Perdana Menteri kita semasa lawatan rasmi beliau ke Negara Korea pada awal bulan April.

Di antara hiasan istimewa untuk sambutan rasmi di Dataran Putra pada pagi 28 April ialah pemasangan buat kali pertamanya satu papan tanda (*billboard*) yang besar dan berwarna-warni dengan perkataan "Istiadat Sambutan Rasmi Sempena Lawatan Rasmi TYT Wen Jiabao Ke Malaysia", dengan terjemahan dalam tulisan bahasa Cina. Ini merupakan inisiatif para pegawai Jabatan Perdana Menteri, mengikut apa yang diamalkan di Negara Korea. Papan tanda itu dipasang pada lewat malam 27 April.

Walau bagaimanapun, sebelum ketibaan Tetamu Negara pada pagi 28 April, telah diperhatikan bahawa terdapat kesilapan dalam tulisan Cina yang berbentuk:

Penterjemahan semula ayat ini ke dalam Bahasa Malaysia berbunyi "Istiadat sambutan rasmi, bersama beliau TYT Wen Jiabao rasmi melawat Malaysia". Susunan perkataan dan ayat sedemikian sebenarnya adalah kurang tepat mengikut struktur ayat dan nahu bagi bahasa Cina tetapi, tidak membawa maksud yang berunsur kasar atau lucuh.

YB Menteri Pengiring telah dengan segera memaklumkan kesilapan ini kepada YAB Perdana Menteri dan mengarahkan supaya siasatan dibuat dengan segera. Di mesyuarat dua hala selanjutnya, YAB Perdana Menteri sendiri telah meminta maaf kepada TYT Perdana Menteri Republik Rakyat China atas kesilapan tersebut. Permintaan maaf ini diterima dengan baiknya oleh pihak tetamu. Insiden seumpama itu tidak sama sekali menjegas hubungan baik di antara dua negara.

Siasatan dalaman mendapati bahawa pegawai-pegawai yang terlibat memang berhasrat baik kerana ingin memasukkan kata-kata aluan dalam bahasa Cina. Akan tetapi, oleh kerana kesuntukan masa, maka penterjemahan telah dibuat melalui "Google Translate", tanpa merujuk kepada anggota pentadbiran atau pegawai JPM yang fasih dalam bahasa Cina. Pegawai kanan bahagian yang berkenaan telah menulis laporan kepada YAB Perdana Menteri melalui Y.Bhg. Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan meminta maaf.

Satu laporan mengenai perkara ini telah dibentangkan di mesyuarat Jemaah Menteri selanjutnya. Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa, untuk memastikan kesilapan seumpama ini tidak berulang lagi pada masa depan, khidmat pakar dalam bahasa yang berkenaan hendaklah digunakan apabila melibatkan sebarang terjemahan dalam bentuk penulisan atau percakapan.

**Soalan No : 56**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARI PADA</b>	<b>Y.B. DR. TAN SENG GIAW</b>
	<b>(KEPONG)</b>

<b>TARIKH</b>	<b>21.06.2011</b>
---------------	-------------------

**SOALAN:**

Y.B. DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ] minta Menteri Pelajaran menyatakan kaedah baru kenaikan pangkat sebagai lanjutan transformasi kecemerlangan negara. Apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk membolehkan lebih ramai hampir 400,000 guru dapat peluang yang adil.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Pada sambutan Hari Guru yang telah diadakan pada 16 Mei 2011, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan kenaikan pangkat dalam pelbagai gred jawatan perkhidmatan perguruan khusus bagi guru pengajaran dan pembelajaran. Pengumuman tersebut merupakan sebahagian penghargaan kerajaan terhadap jasa dan pengorbanan guru yang dicurahkan dalam membangunkan modal insan di negara ini.

Berdasarkan pengumuman tersebut, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang menghalusi kaedah baru kenaikan pangkat dalam sektor perkhidmatan pendidikan negara.

Rjm 59

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**NO. SOALAN : 57**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATO' ISMAIL BIN KASIM (ARAU )</b>
<b>TARIKH</b>	<b>21.06.2011 (SELASA)</b>

**DATO' ISMAIL BIN KASIM ( ARAU )** minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian terhadap alat ganti tiruan terutamanya yang melibatkan brek, alat-alat ganti lain dan minyak pelincir kenderaan yang menjadi antara penyebab utama kemalangan jalan raya.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, bagi tempoh 2006 hingga April 2011, Kementerian ini telah mengambil sebanyak 111 kes berkaitan pengedaran alat ganti tiruan di bawah Akta Perihal Dagangan 1972. Antara alat ganti tiruan yang disita ialah, brek, shock absorber, spark plug, oil filter dan juga minyak pelincir, minyak gear, automotive transmission fluid tiruan dengan jumlah nilai rampasan kira-kira RM10.34 juta. Tindakan-tindakan tersebut diambil berdasarkan aduan pemilik cap dagangan dan juga hasil pemeriksaan biasa yang dijalankan. Walau bagaimanapun, Kementerian ini

tidak mempunyai rekod atau bukti yang menunjukkan kemalangan kenderaan disebabkan oleh penggunaan alat ganti tiruan.

Kementerian sentiasa memantau dan mengambil langkah untuk menentukan barang alat gantian kenderaan dan minyak pelincir yang dijual adalah yang tulen dan mengikut spesifikasi pengeluar demi untuk keselamatan pengguna.

#### **SOALAN NO:58**

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARI PADA : TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM**

**[ BANDAR TUN RAZAK ]**

**TARIKH : 21JUN2011**

**SOALAN**

**TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM [ BANDAR TUN RAZAK ] minta PERDANA MENTERI menyatakan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) menyatakan bahawa kebanyakannya kes penyelewengan wang di negara ini terjadi di kalangan ahli politik. Berapakah kes politik wang yang berjaya didakwa SPRM dan berjaya di mahkamah dari tahun 2006 hingga**

sekarang.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan sebuah agensi penguatkuasaan pencegahan rasuah yang bebas dan profesional yang menjalankan siasatan berdasarkan peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan serta menjalankan penyiasatan tanpa dipengaruhi atau menerima arahan mana-mana pihak. Setiap maklumat atau aduan yang diterima dan mempunyai asas berlakunya perlakuan rasuah akan disiasat SPRM tanpa mengira latar belakang, jawatan, keturunan dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, daripada rekod Badan Pencegah Rasuah (BPR)/Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sejak tahun 2006 hingga kini seramai 11 orang ahli politik telah dituduh di Mahkamah berkaitan kes politik wang.

Sekian, terima kasih.

**NO. AUM : 36 ^**

**NO. AUP :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR [ JERAI ]**

**TARIKH : 21 JUN 2011**

**RUJUKAN : 3736**

**SOALAN:**

**Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [ Jerai ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah permit ceramah politik (mengikut parti-parti politik) yang diluluskan oleh Ketua Polis Daerah Kuala Muda dan Ketua Polis Daerah Yan bagi tahun 2010 dan setakat Mei 2011. Tuan Yang di-Pertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Jerai yang mengemukakan pertanyaan.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Sepanjang tahun 2010 sehingga Mei 2011 sebanyak 68 permit ceramah**

**politik dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Muda, Kedah. Bagi tempoh yang sama juga sebanyak 15 permit ceramah politik telah dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Polis Daerah Yan, Kedah.**

Pecahan mengikut parti pula bagi daerah Kuala Muda 38 permit dikeluarkan untuk Parti PAS, 21 permit dikeluarkan untuk Parti UMNO dan 9 permit untuk Parti PKR. Manakala bagi daerah Yan pula sebanyak sebanyak 9 permit ceramah politik dikeluarkan kepada Parti UMNO dan sebanyak 6 permit dikeluarkan kepada Parti PAS.

**NO. SOALAN : 60**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN  
DARI PADA**

**LISAN  
YB. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI  
[LEDANG]**

**TARIKH JAWAPAN**

**21 JUN 2011 (SELASA)**

**DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan tentang langkah menyeluruh untuk berdepan dengan krisis bekalan air pada masa akan datang sekaligus mempertimbangkan langkah-langkah termasuk peruntukan undang-undang yang menyeluruh bagi mengadakan '*Water Supply Security*'. **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Secara umumnya, purata taburan hujan di negara kita adalah sebanyak 3000 milimeter dan mempunyai sumber air mentah semula jadi daripada sungai yang mencukupi bagi menampung keperluan air terawat kepada pengguna. Walau bagaimanapun, permasalahan sumber air akibat musim kemarau, banjir, pencemaran dan fenomena perubahan iklim, boleh menyebabkan sumber air mentah tersebut tidak sesuai untuk proses rawatan dan menimbulkan keadaan kekurangan bekalan air pada masa tertentu. Justeru itu, Kementerian ini dengan kerjasama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah melaksanakan pelbagai usaha secara berterusan bagi memastikan pengurusan

**sumber air yang mapan serta sentiasa menambah baik pengurusan bekalan air di seluruh negara.**

**Berdasarkan kajian semula terhadap Kajian Sumber Air Negara (NWRS) 2000- 2050 yang sedang dijalankan oleh Kerajaan, permintaan terhadap bekalan air pada 2010 diunjurkan sebanyak 19,876 juta liter sehari (JLH) dan akan meningkat sebanyak 26.1 peratus kepada 26,893 JLH pada tahun 2020 dan seterusnya sebanyak 39,849 JLH menjelang tahun 2050. Trend peningkatan tersebut adalah didorong oleh pertambahan penduduk dan juga pertumbuhan kegiatan ekonomi bagi sektor perindustrian dan pertanian. Dalam tempoh 2010 sehingga 2050, dianggarkan sejumlah RM 40 bilion diperlukan bagi menjalankan kerja-kerja kemudahan sumber dan bekalan air. Kerajaan telah merancang untuk membina kemudahan-kemudahan bekalan air bagi menampung permintaan pengguna semakin meningkat secara berperingkat mengikut keutamaan.**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Pada masa yang sama juga, Kementerian ini bersama NRE juga telah merancang dan mengambil langkah-langkah secara menyeluruh bagi memastikan kelestarian sumber dan bekalan air sekali gus mengelakkan terjadinya krisis bekalan air pada masa hadapan. Di antaranya termasuk perlindungan sumber air, peningkatan kecekapan penggunaan sumber air dan perkhidmatan air serta penyediaan pelan kecemasan.**

**Di samping langkah-langkah ini, penubuhan Majlis Sumber Air Negara yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri memainkan peranan terpenting dalam merumus dan mengurus Dasar Air Negara di samping menyelaras fungsi agensi-agensi yang terlibat dan mempertingkatkan kecekapan sistem pengurusan air.**

Tuan Yang Dipertua,

Buat masa ini, terdapat dua perundangan utama seperti Akta Industri Perkhidmatan Air, 2006 [Akta 655] dan enakmen-enakmen sumber air di setiap negeri yang mempunyai peruntukan dan pelan tindakan tertentu yang telah mengambil kira keperluan terhadap “water supply security”. Oleh itu, kerangka perundangan sedia ada ini telah memadai untuk melindungi sumber dan bekalan air di negara kita.

Namun begitu, saya ingin menekankan sekali lagi dan menyeru kepada semua pihak terutamanya kepada kerajaan negeri supaya memelihara dan mewartakan kawasan tадahan air dan empangan agar sumber air mentah yang menjadi sumber bekalan air di negara kita sentiasa berkekalan untuk terus dinikmati oleh generasi akan datang.

\*\*\*\*\*

**NO. AUM NO.**

**AUP : £ |**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA** PUAN CHONG ENG [ BUKIT MERTAJAM ]

**TARIKH** 21 JUN 2011

**RUJUKAN** : 3737

**SOALAN:**

**Puan Chong Eng [ Bukit Mertajam ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah kes penipuan melalui telefon yang berlaku di negara ini bagi tiga tahun kebelakangan. Apakah usaha yang telah dilaksanakan untuk mengurangkan jenayah penipuan jenis ini.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Mertajam yang mengemukakan pertanyaan.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, secara keseluruhannya sejak tahun 2008 hingga 2010, terdapat sebanyak 3,477 kes membabitkan kes penipuan melalui telefon dengan melibatkan kerugian sebanyak RM 40,392,727.90. Ini termasuk 611 kes pada tahun 2008 dengan kerugian sebanyak RM 1,817,686.67, 829 pada tahun 2009 dengan kerugian sebanyak RM 8,093,022.11, dan 2,037 pada tahun 2010 dengan kerugian sebanyak RM 30,482,019.12.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan memandang serius dan komited dalam membanteras jenayah ini dari berleluasa. Antara langkah-langkah yang telah**

**diambil adalah seperti berikut:**

- (i) penguatkuasaan akta-akta berkaitan seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Kanun Keseksaan;**
- (ii) penubuhan Bahagian Siasatan Jenayah Siber & Multimedia di bawah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Polis DiRaja Malaysia;**
- (iii) menjalankan kerjasama antara agensi penguatkuasaan yang lain seperti Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia; dan**
- (iv) menyalurkan kempen-kempen dan mesej kesedaran melalui media cetak dan elektronik mengenai trend jenayah telekomunikasi terkini. Kempen-kempen kesedaran ini juga telah disalurkan di semua golongan dan peringkat masyarakat samada di peringkat sekolah, institusi pengajian tinggi mahupun masyarakat umum.**

NO. AUM iJJe-ST

**NO. AUP :** *tV*

# **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

# DARIPADA PERTAN YAAN LISAN

TARIKH TUAN CHOW KON YEOW [ TANJONG ]

**RUJUKAN** **21 JUN 2011**

3738

## **SOALAN:**

**Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah perkembangan terkini untuk pindaan Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN 1960).**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tanjong yang mengemukakan pertanyaan.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pada masa ini, Kementerian sedang mengkaji dan meneliti secara mendalam terhadap semua undang- undang pencegahan termasuklah Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) 1960.**

**Dalam proses kajian ini dibuat, Kementerian telah turut mengadakan sesi-sesi Pertemuan Awam (*Public Engagement*) bagi mendengar pandangan serta mendapatkan buah fikiran dari semua pihak dan stakeholders di dalam usaha penambahbaikan dan pindaan kepada undang-undang pencegahan ini.**

**Sehubungan itu, Kerajaan akan membentangkannya di dewan yang mulia ini apabila siap kajian tersebut.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARI PADA</b>	<b>TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI</b>
<b>TARIKH</b>	<b>SAMSURI [ Bagan Serai ]</b>
<b>SOALAN</b>	<b>20 Jun 2011 (Selasa)</b>
	<b>Tuan Mohsin Fadzli bin Haji</b>
	<b>Samsuri [ Bagan Serai ]</b>

minta PERDANA MENTERI menyatakan  
adakah Kerajaan bercadang

- (a) untuk menggubal undang-undang  
mencegah individu daripada menyamar  
sebagai Datuk; dan
- (b) membezakan gender Datuk untuk lelaki  
dan Datin untuk perempuan.

**JAWAPAN:** **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menggubal undang-undang bagi mencegah individu daripada menyamar dengan menggunakan gelaran Datuk. Sekiranya wujud keraguan ke atas

penggunaan gelaran tersebut oleh individu tertentu, pihak yang berkaitan boleh membuat semakan untuk tujuan pengesahan dengan menghubungi Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri selaku urusetia tetap Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang berkaitan bagi Darjah Kebesaran Negeri. Laporan polis boleh dibuat oleh pihak berkenaan sekiranya penyamaran gelaran tersebut disalahgunakan untuk tujuan penipuan. Individu yang didapati menyamar dengan menggunakan gelaran Datuk boleh didakwa mengikut Seksyen 416 Kanun Keseksaan yang mana hukuman bagi kesalahan tersebut adalah penjara maksimum lima (5) tahun, atau denda, atau dengan kedua-duanya sekiranya disabit kesalahan.

Darjah Kebesaran Persekutuan yang membawa gelaran Datuk tidak terhad terhadap sesuatu gender penerima sama ada penerima tersebut lelaki mahupun wanita. Namun begitu, isteri bagi penerima lelaki akan secara automatik mendapat gelaran Datin. Dalam hubungan ini, adalah tidak perlu penetapan gender untuk pengurniaan Darjah Kebesaran yang membawa gelaran.

**SOALAN NO.: 64**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA TAN TEE BENG  
[ NIBONG TEBAL ]**

**TARIKH 21 JUN 2011**

**SOALAN:**

Tuan Tan Tee Beng [ Nibong Tebal ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan strategi Kementerian di dalam menangani masalah jerebu berterusan yang berpunca dari negara jiran dan apakah syarat- syarat yang dikenakan oleh pihak Kementerian terhadap unsur sulfur yang terkandung di dalam arang batu yang diimport oleh TNB dan pembekal- pembekal elektrik yang ada bagi menjana tenaga elektrik.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam menangani masalah jerebu yang berpunca dari negara jiran, Kementerian ini telah mengambil langkah pendekatan secara dua hala dengan pihak Kerajaan Indonesia, di samping memainkan peranan yang aktif di peringkat ASEAN dan sub-serantau.

Di peringkat dua hala, Kerajaan Malaysia telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Kerajaan Indonesia pada 3 Jun 2008 bagi mencegah kebakaran tanah dan hutan serta jerebu di Daerah Rokan Hilir, Wilayah Riau, Sumatera, Indonesia.

Di antara aktiviti dan kerjasama yang telah dijalankan dengan jayanya ialah mengadakan bengkel latihan amalan pembakaran sifar kepada ketua komuniti dan peladang-peladang dari Wilayah Riau, latihan pemadam kebakaran kepada "Masyarakat Peduli Api" dari Wilayah Riau dan pemasangan sebuah stesen pengawasan kualiti udara di Bagan Siapi-api, Daerah Rokan Hilir, Riau. Program kerjasama tersebut juga melibatkan projek perintis bagi mencegah kebakaran dan jerebu melalui pemuliharaan dan menambahbaik pengurusan tanah gambut di lima (5) buah kampung terpilih di daerah Rokan Hilir, Riau. Di antara pencapaian signifikan projek ini ialah pengenalan kepada konsep sekatan terusan dan sekatan saliran (di mana 7 buah terusan dibina) dan pembinaan 15 buah telaga takungan air di Desa Mumugo, Rokan Hilir, Riau.

Di peringkat ASEAN pula, pada tahun 2006 negara-negara sub-serantau yang dianggotai oleh 5 buah negara iaitu, Malaysia, Brunei, Indonesia, Thailand dan Singapura telah bersepakat menukuhkan satu jawatankuasa tertinggi di peringkat Menteri Alam Sekitar yang dikenali sebagai "Ministerial Steering Committee (MSC) on Transboundary Haze Pollution" (dengan izin). Tujuannya ialah bagi menyelaras dan membuat tindakan susulan secara berterusan ke atas program-program Pencegahan dan Kawalan jerebu merentas sempadan. Forum MSC ini telah mula menunjukkan keberkesanannya apabila pihak Indonesia komited untuk melaksanakan pelan tindakan "Indonesia Plan of Action (PoA) in Dealing with Transboundary Haze Pollution".

Sehingga kini, komitmen Kerajaan Indonesia untuk mengurangkan bilangan titik panas telah menunjukkan pencapaian yang positif di mana untuk tahun ini sehingga 10 Februari 2011 sebanyak 25% bilangan titik panas berjaya dikurangkan berbanding tempoh yang sama pada tahun 2010.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelepasan sulfur dioksida dari stesen-stesen janakuasa adalah bergantung kepada kandungan sulfur di dalam arang batu dan juga alat kawalan pencemaran yang digunakan. Apa yang penting adalah pelepasan sulfur dioksida tidak menjaskan kualiti udara dan kesihatan orang awam di persekitaran janakuasa tersebut. Kementerian Sumber Asli dan

Alam Sekitar akan menetapkan standard pelepasan sulfur dioksida sebagai salah satu syarat kelulusan penilaian kesan kepada alam sekeliling (EIA). Pada masa kini standard pelepasan sulfur dioksida bagi janakuasa yang menggunakan arang batu adalah 500 mg/Nm<sup>3</sup>. Secara umum kandungan sulfur dalam arang batu yang disyaratkan adalah 0.2-1.0 peratus.

Sekian, terima kasih.

**NO.**

**AUM**

**NO. AUP**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DATO' ZULKIFLI BIN NOORDIN**

**[ KULIM BANDAR BARU ]**

**TARIKH 21 JUN 2011**

**RUJUKAN 3739**

**SOALAN:**

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan**

- (a) apakah status dan hasil siasatan berkaitan isu Negara Kristian yang dibangkitkan oleh akhbar Utusan Malaysia; dan**
  
- (b) apakah tindakan dan langkah selanjutnya yang sedang dan akan diambil berkaitan isu ini.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kulim Bandar Baru yang mengemukakan pertanyaan.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pihak polis telah menjalankan siasatan terhadap laporan yang dimaksudkan. Sehingga kini sebanyak enam puluh tiga (63) laporan polis telah dibuat berhubung isu berkenaan dan sebanyak enam puluh (60) rakaman percakapan telah diambil. Pihak polis masih sedang mengesan beberapa orang saksi bagi mendapatkan keterangan yang kukuh dan melengkapkan siasatan kes ini. Siasatan bagi kes ini dijalankan di bawah Seksyen 4 (1) (C) Akta Hasutan. Setelah siasatan selesai dijalankan, kertas siasatan yang telah lengkap akan dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara untuk mendapatkan nasihat dan pandangan.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA**

**TARIKH**

**21.06.2011 (SELAS A)**

**TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA [ PADANG TERAP ] minta MENTERI**

**PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

**menyatakan:**

- (a) keluasan ladang tebu yang ada di Malaysia dan kapasiti pengeluaran**
  
- (b) apakah langkah-langkah Kerajaan Malaysia untuk mengurangkan harga gula di pasaran**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

- (a) Untuk makluman ahli dewan yang mulia, Malaysia hanya mempunyai ladang tebu untuk pengeluaran gula di Chuping, Perlis. Keluasan ladang tebu ini ialah 5,000 hektar dan ladang tebu ini dapat mengeluarkan sebanyak 17,000 tan metrik gula atau bersamaa 1.4 peratus sahaja untuk kegunaan tempatan sahaja. Pengeluaran ini tidak mencukupi untuk menampung penggunaan gula domestik seluruh rakyat Malaysia.**

**Bagi menampung kekurangan bekalan gula di Malaysia, 98 peratus bekalan gula mentah di import daripada negara pengeluar seperti Australia, Perancis, Switzerland dan Amerika Syarikat. Oleh itu, perubahan harga gula mentah dunia secara langsung mempengaruhi harga gula di Malaysia.**

**Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengawal kenaikan harga barang ialah:**

- i. Mewartakan harga gula putih bertapis kasar dan halus di peringkat borong dan runcit secara undang-undang di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.
- ii. Menandatangani Kontrak Jangka Panjang (LTC) dengan pembekal-pembekal gula mentah bagi menjamin kestabilan bekalan dan harga gula mentah negara. LTC gula mentah bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah sebanyak 70% manakala bekalan selebihnya sebanyak 30% dibeli pada harga pasaran bebas.



## **SOALAN NO: 67**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOWTIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA :**

**TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN**

**[PADANG SERAI]**

**TARIKH**

**21 JUN 2011**

**SOALAN**

Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [ Padang Serai ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sama ada wujud inisiatif yang diambil bagi mengukur keberkesanan pengurusan di hospital Kerajaan berbanding dengan pengurusan di hospital swasta. Apakah usaha-usaha yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengurangkan jurang perbezaan dari segi kualiti perkhidmatan di antara hospital Kerajaan dan hospital swasta untuk memastikan golongan yang kurang berada mendapat kualiti perkhidmatan yang setanding dengan perkhidmatan yang disediakan di hospital swasta.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa memberikan penekanan kepada kecemerlangan kualiti perkhidmatan dan keselamatan pesakit "quality and safety" di dalam perkhidmatan rawatan pesakit yang diberikan. Ia bukan saja diukur supaya setanding dengan perkhidmatan yang disediakan di hospital swasta negara malah juga di peringkat antarabangsa.

Oleh itu, penetapan serta kepatuhan terhadap piawaian-piawaian tertentu untuk setiap perkhidmatan yang diberikan oleh pihak hospital adalah amat perlu di dalam usaha murni Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat. Di dalam dunia yang serba mencabar ini, pelanggan-

pelanggan serta pesakit-pesakit mahukan kepastian atau “assurance” bahawa perkhidmatan yang diberikan telah menetapi piawaian, sama ada piawaian nasional atau piawaian antarabangsa. Program Akreditasi Hospital serta ISO merupakan program-program Kepastian Kualiti yang bertaraf antarabangsa yang dijalankan oleh hospital-hospital di Malaysia.

Dengan tercapainya status Akreditasi atau ISO, pelanggan-pelanggan boleh merasa yakin terhadap kualiti perkhidmatan kesihatan yang diberikan oleh institusi yang telah mendapatkan pengiktirafan antarabangsa tersebut. Ini amat penting terutama di dalam usaha Kementerian Kesihatan untuk mempertingkatkan lagi ”Health Tourism” atau Pelancongan Kesihatan, terutamanya di hospital swasta, di mana pesakit-pesakit dari luar negara menginginkan penilaian objektif mengenai kualiti institusi yang menyediakan perkhidmatan untuk mereka.

Sehingga 31 Mei 2011, hospital Kementerian Kesihatan yang telah menjalani penilaian akreditasi adalah 103 hospital. Dari bilangan ini, 41 hospital mengekalkan pensijilan akreditasi manakala 62 hospital dalam proses penilaian semula bagi mengekalkan pensijilan akreditasi.

Selain itu, usaha-usaha atau initiatif lain untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan secara berterusan di hospital-hospital Kementerian Kesihatan adalah melalui;

- i. “Indicator Approach” dengan menggunakan indikator prestasi pencapaian kualiti perkhidmatan klinikal di peringkat hospital “Hospital Specific Approach”, indikator peringkat kebangsaan “National Indicator Approach” dan “Key Performance Indicator”.
- ii. “Clinical Governance and Risk Management” bagi menentukan pengurusan kualiti, risiko dan keselamatan bersepadu.
- iii. “Patient Safety Programme” yang melibatkan kaedah “Incident Reporting and Learning serta Root Cause Analysis”, “Medication Error Reporting System (MERS)”, “Program Hemovigilance” oleh Pusat Darah Negara, “Hospital Infection Control”, “Occupational

- Safety and Health” dan Kempen “Safe Surgery, Saves Lives”. Pengurusan Aduan dan Kajian Kepuasan Pelanggan diberi penekanan berterusan oleh Kementerian Kesihatan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan mengikut keperluan pelanggan.
- iv. Selain itu, kita juga menjalankan “Clinical Audit” melalui program “Peri- Operative Mortality Review”, “Adult Intensive Care Unit Audit” dan “Maternal and Perinatal Mortality Review”.
  - v. Bagi meningkatkan tahap kecekapan anggota kesihatan di dalam prosedur-prosedur tertentu, program CUSUM “Cumulative Summation” dari kaedah “Statistical Process Control” diperkenalkan dan “Continuing Professional Development” bagi mengukur dan meningkatkan kompetensi anggota kesihatan.

Penglibatan aktif berbagai peringkat anggota KKM dalam program peningkatan kualiti amatlah menggalakkan serta dijangka akan meningkatkan lagi kualiti rawatan perkhidmatan yang diberikan demi meningkatkan kesihatan rakyat Malaysia.

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA** Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL  
[MACHANG]

**TARIKH** 21 JUN 2011 (SELASA)

**SOALAN**

**Y.B. Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah aktiviti dan program yang dikendalikan oleh pejabat ECER di Kota Bharu.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9), aktiviti dan program yang dikendalikan oleh pejabat ECER di Kelantan adalah sebanyak 21 projek termasuk projek merentasi sempadan ECER negeri Kelantan. Projek-projek ini telah mula dilaksanakan dan juga sedang berada di dalam pelbagai peringkat pelaksanaan seperti Kajian Strategi Perniagaan dan Pelaksanaan, kerja-kerja reka bentuk dan pelaksanaan fizikal.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) *Rolling Plan* Pertama, sebanyak 6 projek telah diluluskan untuk dilaksanakan di Negeri Kelantan dan kesemua 6 projek akan dimulakan sebelum Ogos 2011 iaitu Pembangunan Kota Bharu City Centre, Taman Industri Makanan Halal Pasir Mas (Fasa II), Taman Perikanan Bersepadu Tok Bali, Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan Produk Berasaskan Ikan, Pengkalan Kubor, Agropolitan Kelantan Selatan (Fasa II) dan Program Pembangunan Modal Insan (Fasa II).

Pejabat ECER di Kelantan membuat pemantauan bagi memastikan semua projek-projek ini dilaksanakan seperti yang dijadualkan dan juga memastikan isu-isu pelaksanaan semasa diatasi supaya projek-

projek ini dapat dijayakan dengan lancar. Sebagai contohnya projek Agropolitan, program Pembangunan Modal Insan dan Suri@Home yang dilaksanakan oleh ECER telah berjaya membuka peluang pekerjaan di kalangan belia, kaum suri rumah dan graduan baru di samping membasmi kemiskinan.

Soalan No : 69

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARI PADA</b>	<b>Y.B. TUAN LIM KIT SIANG</b>
	<b>(IPOH TIMUR)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>21.06.2011</b>

**SOALAN:**

Y.B. TUAN LIM KIT SIANG [ IPOH TIMUR ] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan kurikulum sejarah di sekolah-sekolah awam memaparkan apa yang benar dan tidak bersifat '*value-judgement*'.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Proses penggubalan kurikulum Sejarah memang melibatkan pakar-pakar Sejarah dalam pelbagai bidang dan pengamal kurikulum. Kebiasaananya, individu dan pakar adalah terdiri dari pelbagai kaum di Malaysia. Proses penggubalan ini

**mengambil tempoh masa yang sesuai di samping mengawal mutu kandungannya. Kementerian juga mengambil kira pandangan daripada pelbagai pihak termasuk NGO seperti Persatuan Sejarah Malaysia dan Persatuan *Interfaith* untuk mendapatkan pandangan serta pengesahan.**

**Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Kurikulum Sejarah yang telah dinilai dan disahkan oleh pihak-pihak bekepentingan seterusnya akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat untuk mendapatkan kelulusan sebelum digunakan.**

Rjm 61



**SOALAN NO: 70**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN:** LISAN

**DARIPADA:** Y.B. TUAN JOHN A/L FERNANDEZ

**TARIKH:** 21 JUN 2010

**SOALAN:**

Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan :-

- (a) senaraikan statistik kes kemalangan pekerja di negara ini yang di dalam perjalanan atau hendak ke tempat kerja dari tahun 2005 hingga tahun 2010; dan
- (b) apakah bentuk bantuan yang boleh dipohon atau yang diberikan oleh pihak SOCSO kepada pekerja-pekerja yang terlibat di dalam kemalangan di atas.

**PR-1242-L43337**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Bilangan kemalangan yang membabitkan pekerja di negara ini semasa di dalam perjalanan hendak ke tempat kerja dan pulang dari bekerja untuk tempoh 2005 hingga 2010 adalah seramai 114,570 orang.

**2. Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:**

Tahun Butiran	2005	2006	2007	2008	2009	2010
Kemalangan perjalanan <sup>1</sup>	17,297	17,704	17,682	19,041	20,810	22,036

Nota:

<sup>1</sup> termasuk kemalangan dalam perjalanan semasa pergi dan balik dari/ke tempat kerja, waktu rehat yang dibenarkan serta lain-lain kemalangan perjalanan yang berkaitan dengan pekerjaan.

**2. Berdasarkan jumlah kemalangan bagi tempoh 6 tahun tersebut, ianya menunjukkan peningkatan sebanyak 27.4% pada tahun 2010 berbanding tahun 2005.**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**3. Kementerian Sumber Manusia menerusi PERKESO memberi bantuan kepada pekerja-pekerja yang terlibat di dalam kemalangan semasa perjalanan pergi dan balik kerja melalui faedah yang disediakan di bawah Skim Insurans Bencana Pekerjaan. Faedah di bawah skim insurans ini, termasuk faedah tunai, perubatan dan pemulihan, adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Senarai faedah yang layak di bawah skim yang tersebut adalah seperti berikut:-**

- a. Faedah Perubatan.**
- b. Faedah Hilang Upaya Sementara**

- c. Faedah Hilang Upaya Kekal.
- d. Elaun Layanan Sentiasa.
- e. Faedah Pemulihan.
- f. Faedah Orang Tanggungan.
- g. Faedah Pengurusan Mayat.
- h. Faedah Pendidikan

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARI PADA** TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN  
IBRAHIM  
[ BANDAR TUN RAZAK ]

**TARIKH** 21 JUN 2011

**SOALAN:**

TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM minta PERDANA  
MENTERI menyatakan mengikut Global Corruption Barometer (GCB)  
2009, 42% rakyat Malaysia berpendapat parti-parti politik adalah  
institusi yang paling korup. Adakah Kerajaan bersetuju dengan  
penubuhan Tabung Amanah Pilihan Raya yang menyalurkan  
peruntukan tetap kepada calon pilihan raya untuk mengelakkan

**rasuah dan politik naungan.**

**SOALAN NO.71**

**JAWAPAN:      YB DATO\* SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang Di Pertua.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk memperkenalkan tabung amanah bagi tujuan berkenaan. Ini kerana mengikut amalan yang dilaksanakan di Malaysia, Kerajaan tidak pernah mewujudkan sebarang tabung atau memperuntukkan dana kepada parti-parti politik dan calon-calon bebas bagi tujuan untuk berkempen dalam pilihan raya atau pun tujuan-tujuan politik yang lain. Sebaliknya dana tersebut diuruskan sendiri oleh mereka atau parti, yang mana akaun parti-parti politik yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1976 ini, diaudit sendiri oleh badan tersebut (Pendaftar Pertubuhan).**

**Tambahan pula, Undang-undang Pilihan Raya yang sedia ada seperti Perlembagaan Persekutuan, Akta Kesalahan Pilihan Raya**

**SOALAN NO.71**

**1954 (Akta 5), Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 dan seumpamanya, sudah mencukupi untuk memastikan pilihan raya telus, adil dan bersih daripada sebarang penyelewengan dan rasuah.**

**Sekian, terima kasih.**

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

### **JAWAB LISAN**

**PERTANYAAN DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL 21 JUN 2011**

**DARI PADA (SELASA)**

**TARIKH NO. 72**

**SOALAN**

**Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan silibus mata pelajaran di universiti didapati tidak mengikut kehendak industri yang bergerak terlalu pantas khususnya bidang IT dan teknologi:**

- (a) apakah usaha pihak universiti dalam merombak silibus mata pelajaran IT dan teknologi agar selari dengan pasaran kerja ; dan**
  
- (b) setakat manakah graduan didedahkan dengan pengalaman kerja semasa di universiti**

### **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

- (a) Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa peka dengan perubahan teknologi dan industri terutamanya bidang ICT dalam memastikan**

graduan yang dihasilkan memenuhi kehendak industri. Antara usaha yang diambil ialah:

- i. Memastikan penglibatan pihak industri dalam merangka kurikulum sesebuah program pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT). Mereka turut dilibatkan dalam semakan kurikulum sesebuah program untuk memastikan kurikulum program sentiasa relevan dan memenuhi kehendak pasaran.
- ii. Langkah terkini yang diambil Kerajaan adalah dengan menubuhkan sebuah Badan Profesional Pengkomputeran Malaysia untuk mengawalselia profesion dan kualiti program akademik ICT agar ianya setanding dengan program-program lain dari universiti terkemuka dunia.
- iii. Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Majlis Dekan ICT juga telah bekerjasama untuk mewartakan satu program standard bagi program ICT dalam memastikan kualiti program menepati kehendak pasaran antarabangsa.
- iv. Pelajar-pelajar ICT di IPT juga turut didedahkan dengan pelbagai program-program pensijilan profesional dalam usaha menambah kemahiran pelajar supaya mereka lebih bersedia menghadapi cabaran kerja kelak. Malah latihan industri turut diwajibkan kepada para pelajar ICT sebagai usaha untuk mendedahkan pelajar dengan suasana kerja sebelum tamat pengajian.

(b) Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha bagi memastikan pelajar dapat merasai alam pekerjaan semasa masih berada di universiti bagi memastikan mereka bersedia sebelum melangkah ke alam pekerjaan yang sebenarnya. Kementerian telah melancarkan Dasar Latihan Industri bagi memastikan semua pelajar di IPTA didedahkan dengan pengalaman kerja semasa di universiti. Para petajar akan mengikuti latihan industri bagi mendedahkan mereka dengan pengalaman kerja sebelum menamatkan pengajian. Latihan industri adalah satu syarat wajib bagi pelajar dalam program-program tertentu di semua peringkat pengajian tinggi iaitu peringkat sijil, diploma dan sarjana muda bagi memenuhi syarat penganugerahan Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda masing-masing. Tempoh latihan industri yang dijalani oleh pelajar adalah dari 10 minggu hingga 6 bulan.

Pelajar yang mengikuti latihan industri akan didedahkan kepada alam pekerjaan yang sebenar, teknologi terkini, pengetahuan yang terbaru di pasaran, amalan spesifik dalam bidang pengkhususan masing-masing, kemahiran (terutamanya kemahiran insaniah) dan pengalaman bekerja di dalam organisasi. Dengan latihan ini, para pelajar akan dapat mempertingkatkan kompetensi dan daya saing serta menghubungkaitkan pengalaman di tempat kerja dengan ilmu yang dipelajari di IPT. Kementerian juga melaksanakan program latihan industri berstruktur bagi memberi pendedahan yang lebih spesifik dan lebih mendalam dalam industri tertentu seperti Program

**Latihan Industri Berstruktur 1C Design, MIMOS CODE 8, dan Program Infosys Foundation.**

**NO. SOALAN : 73**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARI PADA</b>	<b>Y.B. TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR [ KOTA TINGGI ]</b>
<b>TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT</b>	<b>21 JUN</b>
	<b>2011 (SELASA)</b>

**SOALAN**

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan apakah kajian terhadap alam sekitar telah dibuat di kawasan-kawasan yang telah dipilih untuk tujuan rancangan membina loji geothermal negara yang pertama dijangka beroperasi pada tahun 2016.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi cadangan pembangunan loji *geothermal*, pemaju-pemaju perlu mengemukakan laporan Penilaian Awal Tapak (PAT) kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk menentukan sama ada Laporan '*Environment Impact Assessment*' (EIA) atau lain-lain jenis laporan alam sekitar diperlukan sebelum memulakan pembangunan loji berkenaan di bawah pembangunan sumber tenaga berdasarkan Tenaga Boleh Baharu (TBB).

Pada masa sekarang, masih tiada lagi loji jana kuasa berdasarkan *geothermal* yang beroperasi di negara ini. Walau bagaimanapun, Kementerian ini pada 22 April 2011 telah meluluskan cadangan pembangunan sebuah loji jana kuasa *geothermal* di bawah

program Small Renewable Energy Power (SREP). Antara syarat kelulusan yang dikenakan adalah pemaju berkenaan dikehendaki memastikan kesan pembangunan projek kepada alam sekitar adalah minima. Projek ini juga mendapat sokongan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Jabatan Perhutanan Sabah serta kebenaran daripada Taman-Taman Sabah untuk menjalankan kerja-kerja ‘survey’ dan penerokaan projek.

\*\*\*\*\*

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA Y.B. TUAN TAN TEE BENG (NIBONG TEBAL)**

**TARIKH 21 JUN 2011**

#### **SOALAN:**

**Y.B. PUAN TEO NIE CHING (SERDANG) minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan pengundi berdaftar dan pecahan-pecahannya sejak Pilihan Raya Umum ke 12, dan apakah**

**SOALAN NO. 74**

rancangan Kementerian untuk mendaftarkan mereka yang berada di kawasan pendalaman Sabah dan Sarawak.  
**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemilih biasa dan pengundi pos yang berdaftar semasa Pilihan Raya Umum Ke-12 (8 Mac 2008) berbanding dengan jumlah pemilih biasa dan pengundi pos dalam daftar pemilih terkini sehingga Suku Tahun Pertama Tahun 2011 (ST1/2011), mengikut bahagian pilihan raya Parlimen adalah seperti di Lampiran 1.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia sentiasa berusaha untuk menggalakkan

**JAWAPAN:**

**pendaftaran pemilih di kalangan warganegara yang telah memenuhi syarat-syarat kelayakan sebagai pemilih, mendaftar sebagai pemilih dan urusan pendaftaran pemilih kini dibuat sepanjang tahun. Bagi melaksanakan urusan pendaftaran pemilih, SPR menyediakan pelbagai saluran pendaftaran untuk memudahkan orang ramai mendaftar sebagai pemilih, menyemak maklumat pendaftaran mereka dan memaklumkan SPR berhubung maklumat kematian pemilih. Bagi mereka yang berada di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak, SPR telah melantik seramai 1,955 orang Penolong**

## **SOALAN NO. 74**

**Pendaftar Pemilih daripada wakil pelbagai parti politik, wakil di jabatan-jabatan kerajaan dan wakil pelbagai pertubuhan bukan kerajaan bagi membantu SPR dalam urusan pendaftaran pemilih.**

**Kehadiran Penolong-penolong Pendaftar Pemilih ini yang lebih mobil, khususnya di kawasan-kawasan pedalaman, diharapkan dapat memberikan lebih kemudahan kepada warganegara Malaysia yang berkelayakan, untuk mendaftar sebagai pemilih, di samping Program- Program Outreach yang dilaksanakan oleh Pejabat- Pejabat Pilihan Raya Negeri (PPN) di tempat-tempat tumpuan orang ramai.**

**Sekian, terima kasih.**

**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**

**STATISTIK PERBANDINGAN ANTARA DAFTAR PEMILIH SEWAKTU PRU KE-12 DAN  
DPI TERKINI SEHINGGA ST1/2011**

PARLIMEN	PRU KE-12			DPI TERKINI SEHINGGA SUKU 1/2011		
	PEMILIH BIAS A	PENGUNDI POS	JUMLAH	PEMILIH BIAS A	PENGUNDI POS	JUMLAH
P.001 PADANG BESAR	34,952	1,661	36,613	37,784	1,624	39,408
P.002 KANGAR	42,745	846	43,591	45,963	780	46,743
P.003 ARAU	39,774	103	39,877	41,172	126	41,298
P.004 LANGKAWI	29,137	430	29,567	30,760	600	31,360
P.005 JERLUN	45,465	48	45,513	48,475	41	48,516
P.006 KUBANGPASU	52,024	1,299	53,323	56,886	1,396	58,282
P.007 PADANG TERAP	35,216	187	35,403	37,711	208	37,919
P.008 POKOKSENA	66,506	3,125	69,631	72,177	3,369	75,546
P.009 ALORSTAR	58,433	524	58,957	63,631	516	64,147
P.010 KUALA KEDAH	83,058	74	83,132	89,339	63	89,402
P.011 PENDANG	61,189	157	61,346	66,045	156	66,201
P.012 JERAI	65,501	238	65,739	68,116	225	68,341
P.013 SIK	39,198	1,141	40,339	43,729	188	43,917
P.014 MERBOK	60,601	3,842	64,443	66,275	4,543	70,818
P.015 SUNGAI PETANI	75,822	462	76,284	82,515	392	82,907
P.016 BALING	78,505	279	78,784	87,078	293	87,371
P.017 PADANG SERAI	59,115	103	59,218	66,256	100	66,356
P.018 KULIM-BANDAR BAHARU	50,171	1,824	51,995	54,464	1,840	56,304
P.019 TUMPAT	79,752	320	80,072	87,340	370	87,710
P.020 PENGKALAN CHEPA	49,844	2,506	52,350	56,354	2,649	59,003
P.021 KOTABHARU	67,506	755	68,261	71,421	753	72,174
P.022 PASIR MAS	59,385	255	59,640	66,738	322	67,060
P.023 RANTAU PANJANG	45,277	107	45,384	48,529	114	48,643
P.024 KUBANG KERIAN	53,442	54	53,496	60,547	83	60,630
P.025 BACHOK	64,650	158	64,808	71,180	148	71,328
P.026 KETEREH	48,783	3,457	52,240	53,954	3,045	56,999
P.027 TANAHMERAH	44,144	203	44,347	47,723	277	48,000
P.028 PASIR PUTEH	64,219	174	64,393	70,220	254	70,474
P.029 MACHANG	49,005	152	49,157	52,680	117	52,797
P.030 JELI	33,575	2,723	36,298	36,564	2,626	39,190
P.031 KUALA KRAI	52,036	214	52,250	55,706	163	55,869
P.032 GUAMUSANG	28,823	163	28,986	35,409	175	35,584
P.033 BESUT	57,241	1,112	58,353	65,620	882	66,502
P.034 SETIU	54,363	157	54,520	62,541	186	62,727
P.035 KUALA NERUS	59,735	1,479	61,214	67,222	1,562	68,784
P.036 KUALA TERENGGANU	79,281	1,044	80,325	88,093	1,128	89,221
P.037 MARANG	74,302	511	74,813	84,110	434	84,544
P.038 HULU TERENGGANU	52,310	205	52,515	57,120	174	57,294

PARLIMEN	PRU KE-12			DPI TERKINI SEHINGGA SUKU 1/2011		
	PEMILIH BIAZA	PENGUNDI POS	JUMLAH	PEMILIH BIASA	PENGUNDI POS	JUMLAH
P.039 DUNGUN	64,519	332	64,851	70,293	358	70,651
P.040 KEMAMAN	74,507	499	75,006	85,145	498	85,643
P.041 KEPALA BATAS	42,593	426	43,019	46,618	539	47,157
P.042 TASEKGELUGOR	42,330	2,136	44,466	46,731	2,040	48,771
P.043 BAGAN	59,212	173	59,385	63,708	120	63,828
P.044 PERMATANG PAUH	57,957	492	58,449	65,022	491	65,513
P.045 BUKIT MERTAJAM	63,984	96	64,080	71,352	86	71,438
P.046 BATUKAWAN	47,244	134	47,378	51,310	131	51,441
P.047 NIBONGTEBAL	47,181	359	47,540	52,405	379	52,784
P.048 BUKIT BENDERA	63,641	904	64,545	66,909	823	67,732
P.049 TANJONG	51,751	1,437	53,188	51,573	856	52,429
P.050 JELUTONG	60,388	793	61,181	65,743	716	66,459
P.051 BUKIT GELUGOR	65,474	140	65,614	74,249	116	74,365
P.052 BAYAN BARU	59,144	1,569	60,713	68,051	1,927	69,978
P.053 BALIK PULAU	39,265	500	39,765	44,294	604	44,898
P.054 GERIK	23,370	2,859	26,229	26,829	3,656	30,485
P.055 LENGGONG	23,153	70	23,223	26,328	74	26,402
P.056 LARUT	39,516	181	39,697	44,292	192	44,484
P.057 PARIT BUNTAR	45,136	83	45,219	49,093	84	49,177
P.058 BAGAN SERAI	46,927	184	47,111	51,863	203	52,066
P.059 BUKIT GANTANG	55,337	134	55,471	66,174	141	66,315
P.060 TAIPING	62,191	3,698	65,889	68,986	5,258	74,244
P.061 PADANG RENGAS	24,352	45	24,397	27,299	39	27,338
P.062 SUNGAI SIPUT	47,202	222	47,424	50,614	205	50,819
P.063 TAMBUN	66,011	2,955	68,966	77,681	2,456	80,137
P.064 IPOH TIMOR	74,091	2,556	76,647	76,853	2,644	79,497
P.065 IPOH BARAT	67,633	2,140	69,773	71,745	2,039	73,784
P.066 BATUGAJAH	76,690	623	77,313	82,144	648	82,792
P.067 KUALA KANGSAR	27,962	363	28,325	31,271	301	31,572
P.068 BERUAS	43,173	100	43,273	46,754	117	46,871
P.069 PARIT	28,535	324	28,859	31,588	416	32,004
P.070 KAMPAR	59,471	313	59,784	61,810	302	62,112
P.071 GOPENG	73,616	728	74,344	87,322	1,167	88,489
P.072 TAPAH	36,219	2,017	38,236	41,559	2,070	43,629
P.073 PASIR SALAK	42,605	107	42,712	48,091	84	48,175
P.074 LUMUT	59,775	12,988	72,763	67,514	16,792	84,306
P.075 BAGAN DATOK	34,596	74	34,670	37,385	70	37,455
P.076 TELOK INTAN	52,035	319	52,354	56,350	377	56,727
P.077 TANJONG MALIM	53,080	401	53,481	60,230	374	60,604
P.078 CAMERON HIGHLANDS	23,194	267	23,461	26,700	244	26,944
P.079 LIPIS	27,453	972	28,425	29,597	1,067	30,664
P.080 RAUB	46,211	243	46,454	50,889	280	51,169
P.081 JERANTUT	48,534	278	48,812	53,606	322	53,928

PARLIMEN	PRU KE-12			DPI TERKINI SEHINGGA SUKU 1/2011		
	PEMILIH BIAZA	PENGUNDI POS	JUMLAH	PEMILIH BIASA	PENGUNDI POS	JUMLAH
P.082 INDERA MAHKOTA	48,511	2,724	51,235	55,280	2,475	57,755
P.083 KUANTAN	46,768	977	47,745	50,759	1,263	52,022
P.084 PAYABESAR	39,819	63	39,882	44,840	67	44,907
P.085 PEKAN	53,080	5,137	58,217	69,343	5,697	75,040
P.086 MARAN	32,354	163	32,517	35,758	163	35,921
P.087 KUALA KRAU	34,080	59	34,139	39,303	49	39,352
P.088 TEMERLOH	51,761	2,249	54,010	57,875	2,417	60,292
P.089 BENTONG	52,716	935	53,651	57,654	906	58,560
P.090 BERA	42,804	189	42,993	47,877	180	48,057
P.091 ROMPIN	41,143	558	41,701	47,259	635	47,894
P.092 SABAKBERNAM	31,322	59	31,381	32,651	48	32,699
P.093 SUNGAI BESAR	33,793	280	34,073	39,621	335	39,956
P.094 HULU SELANGOR	62,731	862	63,593	75,530	1,038	76,568
P.095 TANJONG KARANG	36,360	31	36,391	40,629	26	40,655
P.096 KUALA SELANGOR	46,872	331	47,203	52,822	292	53,114
P.097 SELAYANG	78,951	606	79,557	92,406	1,045	93,451
P.098 GOMBAK	98,719	434	99,153	107,273	418	107,691
P.099 AMPANG	68,672	460	69,132	75,934	542	76,476
P. 100 PANDAN	64,404	93	64,497	72,204	125	72,329
P.101 HULULANGAT	87,048	3,271	90,319	100,315	4,009	104,324
P. 102 SERDANG	94,668	209	94,877	108,196	338	108,534
P. 103 PUCHONG	75,182	443	75,625	86,952	596	87,548
P. 104 KELANAJAYA	79,269	379	79,648	89,513	353	89,866
P.105 PETALING JAYASELATAN	72,649	543	73,192	75,840	755	76,595
P. 106 PETALING JAYA UTARA	76,478	140	76,618	80,872	454	81,326
P. 107 SUBANG	80,512	3,902	84,414	97,051	4,229	101,280
P. 108 SHAH ALAM	74,140	1,194	75,334	82,527	1,107	83,634
P. 109 KAPAR	112,045	179	112,224	121,882	129	122,011
P.110 KLANG	77,260	556	77,816	87,064	1,205	88,269
P.111 KOTA RAJA	71,879	8	71,887	83,854	8	83,862
P.112 KUALA LANGAT	65,685	830	66,515	73,556	805	74,361
P.113 SEPANG	61,331	713	62,044	69,837	863	70,700
P.114 KEPONG	60,716	59	60,775	64,150	80	64,230
P.115 BATU	67,349	3,195	70,544	74,452	3,194	77,646
P.116 WANGSA MAJU	52,597	1,912	54,509	59,065	1,950	61,015
P.117 SEGAMBUT	55,193	4,497	59,690	62,127	4,465	66,592
P.118 SETIAWANGSA	42,167	14,994	57,161	45,716	15,087	60,803
P.119 TITIWANGSA	49,493	399	49,892	51,802	301	52,103
P. 120 BUKIT BINTANG	54,460	5,526	59,986	52,883	5,522	58,405
P. 121 LEMBAH PANTAI	56,465	185	56,650	63,419	351	63,770
P. 122 SEPUTEH	76,765	126	76,891	81,128	133	81,261
P. 123 CHERAS	68,250	475	68,725	70,519	398	70,917
P. 124 BANDAR TUN RAZAK	68,280	4,348	72,628	76,730	4,694	81,424

PARLIMEN	PRU KE-12			DPI TERKINI SEHINGGA SUKU 1/2011		
	PEMILIH BIAZA	PENGUNDI POS	JUMLAH	PEMILIH BIASA	PENGUNDI POS	JUMLAH
P. 125 PUTRAJAYA	6,387	221	6,608	8,471	369	8,840
P. 126 JELEBU	37,261	1,421	38,682	40,160	1,129	41,289
P. 127 JEMPOL	53,188	290	53,478	59,851	350	60,201
P. 128 SEREMBAN	83,144	1,531	84,675	90,484	1,653	92,137
P. 129 KUALA PILAH	42,023	305	42,328	45,278	319	45,597
P. 130 RASAH	69,986	2,129	72,115	76,895	2,290	79,185
P. 131 REMBAU	62,002	894	62,896	69,605	1,157	70,762
P. 132 TELOKKEMANG	53,448	6,738	60,186	57,487	8,456	65,943
P. 133 TAMPIN	44,239	3,416	47,655	47,879	4,969	52,848
P. 134 MASJIDTANAH	40,241	365	40,606	42,082	551	42,633
P. 135 ALORGAJAH	53,768	329	54,097	57,571	345	57,916
P. 136 TANGGABATU	49,665	10,523	60,188	55,709	12,524	68,233
P. 137 BUKIT KATIL	75,059	718	75,777	86,000	689	86,689
P. 138 KOTA MELAKA	84,328	477	84,805	88,307	536	88,843
P. 139 JASIN	55,853	268	56,121	60,015	395	60,410
P. 140 SEGAMAT	40,511	197	40,708	42,745	203	42,948
P.141 SEKIJANG	35,123	15	35,138	38,141	14	38,155
P. 142 LABIS	33,409	59	33,468	35,525	74	35,599
P. 143 PAGOH	39,945	97	40,042	42,764	120	42,884
P. 144 LEDANG	58,369	132	58,501	64,774	109	64,883
P. 145 BAKRI	55,073	1,299	56,372	60,586	1,145	61,731
P. 146 MUAR	40,607	412	41,019	44,786	547	45,333
P. 147 PARIT SULONG	50,222	11	50,233	53,597	9	53,606
P. 148 AYER HITAM	34,731	74	34,805	40,298	71	40,369
P. 149 SRIGADING	36,803	42	36,845	40,699	45	40,744
P. 150 BATUPAHAT	69,734	335	70,069	80,219	355	80,574
P.151 SIMPANG RENGGAM	33,983	876	34,859	36,125	682	36,807
P. 152 KLUANG	66,082	5,151	71,233	71,932	5,250	77,182
P. 153 SEMBRONG	33,143	38	33,181	38,231	31	38,262
P. 154 MERSING	34,342	2,103	36,445	38,260	2,137	40,397
P. 155 TENGGARA	30,818	1,479	32,297	34,126	1,350	35,476
P. 156 KOTA TINGGI	34,017	173	34,190	37,265	153	37,418
P. 157 PENGERANG	31,825	1,177	33,002	33,751	1,194	34,945
P. 158 TEBRAU	62,488	17	62,505	76,396	17	76,413
P. 159 PASIR GUDANG	71,616	1,246	72,862	86,555	1,275	87,830
P. 160 JOHOR BAHRU	87,484	2,241	89,725	90,127	2,307	92,434
P. 161 PULAI	78,991	631	79,622	89,028	752	89,780
P.162 GELANGPATAH	78,457	219	78,676	91,555	239	91,794
P. 163 KULAI	67,271	87	67,358	74,719	190	74,909
P. 164 PONTIAN	43,010	254	43,264	46,231	232	46,463
P. 165 TANJONG PIAI	45,617	84	45,701	48,543	120	48,663
P. 166 LABUAN	19,159	1,624	20,783	20,723	1,682	22,405
P. 167 KUDAT	39,248	395	39,643	41,952	395	42,347

PARLIMEN	PRUKE-12			DPI TERKINI SEHINGGA SUKU 1/2011		
	PEMILIH BIAZA	PENGUNDI POS	JUMLAH	PEMILIH BIASA	PENGUNDI POS	JUMLAH
P. 168 KOTAMARUDU	31,865	73	31,938	35,580	69	35,649
P. 169 KOTA BELUD	42,888	183	43,071	44,986	180	45,166
P. 170 TUARAN	40,683	78	40,761	43,276	85	43,361
P. 171 SEPANGGAR	38,667	584	39,251	43,488	802	44,290
P. 172 KOTA KINABALU	43,159	555	43,714	44,170	603	44,773
P. 173 PUTATAN	31,662	3,273	34,935	32,854	3,322	36,176
P. 174 PENAMPANG	34,375	1,446	35,821	37,639	1,347	38,986
P. 175 PAPAR	32,190	89	32,279	33,605	183	33,788
P.176 KIMANIS	22,225	14	22,239	23,439	20	23,459
P. 177 BEAUFORT	26,701	87	26,788	27,218	104	27,322
P.178 SIPITANG	24,074	71	24,145	25,016	124	25,140
P. 179 RANAU	30,750	60	30,810	34,073	52	34,125
P.180 KENINGAU	35,423	155	35,578	37,150	136	37,286
P.181 TENOM	20,806	68	20,874	21,715	90	21,805
P. 182 PENSIANGAN	19,706	6	19,712	21,662	5	21,667
P. 183 BELURAN	19,082	99	19,181	21,176	85	21,261
P. 184 LIBARAN	30,882	553	31,435	35,218	611	35,829
P. 185 BATUSAPI	24,356	1,648	26,004	25,612	1,677	27,289
P. 186 SANDAKAN	32,543	304	32,847	34,217	275	34,492
P. 187 KINABATANGAN	19,485	69	19,554	21,344	84	21,428
P. 188 SILAM	42,689	799	43,488	45,156	745	45,901
P. 189 SEMPONA	34,539	677	35,216	37,215	620	37,835
P. 190 TAWAU	42,462	98	42,560	46,367	105	46,472
P. 191 KALABAKAN	33,988	2,030	36,018	37,068	2,026	39,094
P. 192 MASGADING	21,843	125	21,968	23,399	96	23,495
P. 193 SANTUBONG	30,721	115	30,836	33,091	108	33,199
P. 194 PETRA JAYA	39,927	606	40,533	44,149	592	44,741
P.195 BANDAR KUCHING	51,927	1,289	53,216	51,444	1,832	53,276
P. 196 STAMPIN	64,085	3,172	67,257	72,601	3,893	76,494
P. 197 KOTA SAMARAHAN	25,463	3,054	28,517	29,160	3,808	32,968
P. 198 MAMBONG	35,656	491	36,147	38,144	452	38,596
P. 199 SERIAN	27,744	157	27,901	30,285	129	30,414
P.200 BATANGSADONG	16,722	72	16,794	17,813	85	17,898
P.201 BATANGLUPAR	22,408	9	22,417	23,841	5	23,846
P.202 SRIAMAN	24,646	1,078	25,724	26,230	1,120	27,350
P.203 LUBOKANTU	17,145	45	17,190	18,296	38	18,334
P.204 BETONG	22,009	79	22,088	24,020	95	24,115
P.205 SARATOK	23,890	92	23,982	25,367	99	25,466
P.206 TANJONG MANIS	17,049	3	17,052	17,753	1	17,754
P.207 IGAN	15,686	49	15,735	16,157	36	16,193
P.208 SARIKEI	31,385	290	31,675	33,828	279	34,107
P.209 JULAU	20,252	54	20,306	21,026	55	21,081
P.210 KANOWIT	17,561	52	17,613	18,092	43	18,135

PARLIMEN	PRUKE-12			DPI TERKINI SEHINGGA SUKU i/2011		
	PEMILIH BIAZA	PENGUNDI POS	JUMLAH	PEMILIH BIASA	PENGUNDI POS	JUMLAH
P.211 LANANG	48,823	707	49,530	52,850	636	53,486
P.212 SIBU	51,061	2,618	53,679	57,242	3,042	60,284
P.213 MUKAH	22,758	93	22,851	23,893	126	24,019
P.214 SELANGAU	20,038	19	20,057	22,036	35	22,071
P.215 KAPIT	22,634	89	22,723	24,124	125	24,249
P.216 HULURAJANG	17,672	24	17,696	19,860	40	19,900
P.217 BINTULU	50,243	161	50,404	54,702	119	54,821
P.218 SIBUTI	22,130	13	22,143	25,067	12	25,079
P.219 MIRI	54,562	1,401	55,963	60,760	1,387	62,147
P.220 BARAM	24,376	49	24,425	26,978	45	27,023
P.221 LIMBANG	20,054	261	20,315	22,130	248	22,378
P.222 LAWAS	15,630	87	15,717	17,120	97	17,217
JUMLAH KESELURUHAN	10,701,054	221,085	10,922,139	240,433	11,792,034	12,032,467

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**LISAN  
Y.B. TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR  
(KETEREH)**

**TARIKH** **21.06.2011**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR [ KETEREH ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan Program PPSMI telah dimansuhkan pada tahun 2009, apakah kegunaan lain 200,563 buah komputer riba yang diberikan kepada guru-guru di bawah program tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Dari tahun 2003 hingga 2008, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah membekalkan sebanyak 200,562 buah komputer riba kepada guru-guru dibawah program PPSMI. Bagi memastikan berlakunya penjimatan, peralatan sedia ada yang dibekalkan disekolah digunakan bagi melaksanakan program MBMMBI. Peralatan ICT seperti komputer riba, komputer peribadi (PC), LCD, projector dan

skrin yang telah dibekalkan ke sekolah-sekolah dibawah program PPSMI dimanfaatkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa dalam kelas dan makmal komputer. KPM mengambil langkah menambah baik makmal komputer untuk berfungsi sebagai makmal bahasa bagi membantu pengajaran dan pembelajaran bahasa di sekolah.

KPM juga mengambil pendekatan penyelenggaraan peralatan-peralatan ICT yang telah dibekalkan di bawah program PPSMI, bagi memastikan kelestarian peralatan tersebut. Dari tahun 2009 hingga 2010, KPM telah membelanjakan hampir RM80juta bagi tujuan menyelenggara peralatan ICT di seluruh negara.

**NO. AUM NO.**

**AUP : ^**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN                    LISAN**

**DARIPADA    PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN [AMPANG]**

**TARIKH                        21 JUN 2011**  
**RUJUKAN                      3880**

**SOALAN:**

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [ Ampang ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah wujud suatu mekanisme perlaksanaan tertentu yang boleh membenarkan PATI mahupun warga asing di negara ini memohon kerakyatan seterusnya melayakkan mereka mengundi dalam pilihan raya.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Ampang yang mengemukakan pertanyaan.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) atau pendatang haram adalah sama sekali tidak layak untuk dianugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia.**

**Selaras dengan peruntukan seksyen 10(1) Akta Imigresen 1959/63, seseorang warga asing terlebih dahulu perlu memohon Permit Masuk sebelum layak memohon status Pemastautin Tetap. Sekiranya Pemastautin Tetap telah diluluskan, barulah mereka layak memohon Kad Pengenalan Merah (MyPR) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara dan seterusnya mereka boleh memohon Taraf Kewarganegaraan Malaysia yang bersesuaian berdasarkan kepada syarat-syarat dan kelayakan yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.**

**Penganugerahan Taraf Kewarganegaraan Malaysia kepada warga asing adalah berlandaskan kepada syarat dan kelayakan yang termaktub di dalam Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan, begitu juga dengan pengeluaran Kad Pengenalan Biru (MyKad), dimana**



**MyKad hanya dikeluarkan kepada mereka yang bertaraf warganegara Malaysia sahaja.**

**Warganegara Malaysia yang layak mengundi adalah bagi mereka yang berumur tidak kurang dari 21 tahun seperti mana yang diperuntukkan di bawah Perkara 119 (1), Perlembagaan**

**Persekutuan.**

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**LISAN  
TUAN DING KUONG HIING[ SARIKEI]**

**TARIKH JAWAPAN  
DI DEWAN RAKYAT**

**21 JUN 2011 (SELASA)**

**SOALAN**

**Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan**

- (a) Adakah Kementerian/Kerajaan bercadang menambah baik dan menaik taraf Loji Pembersihan di Bayong yang sedia ada berikutnya ketidakfungsian 3 mesin lama menyebabkan gangguan operasi bekalan air di seluruh kawasan Sarikei dan Tanjung Manis; dan
- (b) jika tidak, nyatakan sebab. Jika ya, nyatakan usaha-usaha Kementerian/Kerajaan dalam menangani masalah tersebut.

**JAWAPAN**

**NO. SOALAN : 77**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN** **RA**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian saya dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak akan melaksanakan usaha menaiktaraf Loji Rawatan Air Bayong di Sarikei, Sarawak di bawah program dan peruntukan untuk *Sarawak Corridor of Renewable Energy* (SCORE). Loji tersebut merupakan sebahagian daripada projek pembangunan sumber air untuk memenuhi keperluan Hab Halal Tanjung Manis.

Kerajaan Negeri juga telah menyatakan bahawa sebanyak RM25 juta telah diperuntukkan untuk pembangunan sumber air ini di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Ketika ini, projek berkenaan di peringkat penyediaan reka bentuk dan dijangka akan ditender pada tahun 2012.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARI PADA** **DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN**

**[SEPANGGAR]**

**TARIKH** : **21 JUN 2011 (SELASA)**

**SOALAN:**

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] meminta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan penduduk di setiap negeri dalam setiap tahun bagi bancian tahun 1970, 1980, 1990, 2000 dan 2010 serta jumlah penduduk mengikut kaum bagi Sabah dalam bancian pada tahun-tahun tersebut.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Band Penduduk dan Perumahan Malaysia telah dijalankan setiap 10 tahun sekali iaitu pada tahun 1970, 1980, 1991, 2000 dan 2010. Pada band tahun 1970, jumlah penduduk Malaysia adalah 10.3 juta orang penduduk di mana negeri Selangor dan Perak adalah yang tertinggi iaitu masing-masing berjumlah 1.6 juta orang. Pada tahun band berikutnya, jumlah penduduk adalah 13.1 juta orang yang mana Perak masih mencatat penduduk tertinggi; 1.7 juta orang dan diikuti negeri Johor sebanyak 1.6 juta orang. Pada tahun 1991 dan 2000, jumlah penduduk Malaysia masing-masing adalah 17.5 juta orang dan 22.2 juta orang di mana negeri Selangor dan Johor mempunyai penduduk tertinggi iaitu masing-masing sebanyak 2.3 juta orang dan 2.1 juta orang pada tahun 1991 dan 3.9 juta orang dan 2.6 juta orang pada tahun 2000.

Berdasarkan laporan awalan Band 2010, jumlah penduduk Malaysia adalah sebanyak 27.6 juta orang dengan Selangor mencatat bilangan penduduk tertinggi; 5.4 juta orang dan Johor sebanyak 3.2 juta orang.

Jumlah penduduk Sabah pada tahun band 1970, 1980, 1991 dan 2000 masing-masing berjumlah 651.3 ribu orang, 955.7 ribu orang, 1.7 juta orang dan 2.5 juta orang. Pecahan mengikut etnik bagi negeri Sabah pada tahun 1970 menunjukkan penduduk Kadazan adalah yang tertinggi (183.6 ribu orang) dan diikuti oleh Cina (138.5 ribu orang). Pada Band 1980, terdapat perbezaan

pelaporan kumpulan etnik yang mana semua kumpulan etnik Bumiputera telah dikategorikan sebagai “Pribumi” iaitu sebanyak 792 ribu orang. Pada dua tahun berikutnya iaitu 1991 dan 2000, trend komposisi penduduk bagi etnik Kadazan/Dusun dan Bajau di negeri tersebut adalah yang tertinggi berbanding etnik lain. Jumlah penduduk etnik Kadazan/Dusun dan Bajau adalah sebanyak 321.8 ribu orang dan 203.5 ribu orang pada tahun 1991, 458.8 ribu orang dan 331 ribu orang pada tahun 2000.

Berdasarkan laporan awalan Band 2010, jumlah penduduk Sabah adalah sebanyak 3.1 juta orang. Memandangkan data awalan Band 2010 yang berasaskan ringkasan kiraan yang dibuat selepas operasi kerja luar, taburan bilangan penduduk mengikut suku kaum etnik tidak dapat dikeluarkan. Laporan yang mengandungi dri-dri asas demografi dan sosial akan diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan selepas Julai 2011.



**PERTANYAAN  
DARIPADA  
TARIKH**

**LISAN  
Y.B. FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]  
21 JUN 2011 (SELASA)**

**SOALAN NO : 79**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**SOALAN:**

**Y.B. FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menyerap kenaikan kos sara hidup seperti kos barang keperluan harian rakyat.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai langkah telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menyerap kenaikan kos sara hidup termasuklah:**

- i. Mengkal harga runcit petrol terutamanya RON95 agar tidak memberi implikasi besar kepada kadar inflasi walaupun terpaksa menambah RM5.6 bilion kepada peruntukan RM10 bilion yang disediakan dalam Bajet 2011;
- ii. Tidak menaikkan kadar tol bagi tempoh 5 tahun di empat lebuhraya milik Plus Expressway Berhad;
- iii. Pemberian subsidi elektrik kepada rakyat miskin bagi menampung bil bulanan yang tidak melebihi RM20 sebulan. Sejak tahun 1997, Kerajaan juga tidak menaikkan tarif elektrik bagi pengguna domestik di bawah 200/kWh sebulan dan kenaikan minimal jika penggunaan melebihi 200/kWh sebulan, dan
- iv. Program penjelasan kepada rakyat mengenai perbelanjaan berhemat diadakan secara berterusan bagi meningkatkan lagi pemahaman rakyat.

**SOALAN NO. 80**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD [SIPITANG]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>21 JUN 2011</b>
<b>SOALAN</b>	

**Minta Perdana Menteri menyatakan jumlah aduan yang diterima mengenai rasa tidak puas hati terhadap sistem pendaftaran menerusi eKasih, sehingga ramai tampil meminta supaya ia dikaji semula.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**Sehingga 9 Jun 2011, secara rasminya Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM ) telah merekodkan sebanyak 31 aduan yang diterima melalui surat, call centre, emel dan sebagainya. Walau bagaimanapun, aduan yang diterima adalah berkenaan penyaluran bantuan yang diberikan oleh agensi pemberi bantuan, pengisian borang pendaftaran eKasih dan tiada aduan yang diterima berkenaan ketidakpuasan terhadap sistem pendaftaran menerusi eKasih.**

Walau bagaimanapun, bagi tujuan penambahbaikan terhadap sistem eKasih, beberapa tindakan telah dibuat. Antaranya ialah pendaftaran secara *online* melalui pengisian borang pendaftaran ringkas. Melalui pendaftaran ringkas ini, pelapor hanya perlu mengisi beberapa maklumat penting mengenai Ketua Isi Rumah (KIR) seperti nama, nombor kad pengenalan, alamat, nombor telefon untuk dihubungi dan maklumat pelapor. Selain itu, urusan pendaftaran eKasih juga boleh dilakukan secara manual atau *online* di jabatan/agensi kerajaan yang berdekatan.



**Seterusnya, bagi mempercepatkan lagi proses verifikasi maklumat eKasih di negeri, Kerajaan telah memutuskan supaya proses verifikasi dilaksanakan oleh Pejabat Daerah bagi memastikan ketelusan data dan data dapat diproses dengan segera.**

NO. AUM : 26 ?3-

NO. AUP : f\

**PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**TARIKH**

**TUAN  
MANICK  
AVASAG  
AM A/L**

**RUJUKAN**

**SUNDARAM [KAPAR]**

**21 JUN 2011**

**3740**

**SOALAN:**

Tuan Manickavasagam a/l Sundaram [ Kapar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan sijil kelahiran serta Kad Pengenalan yang telah dikeluarkan sejak tahun 2007 mengikut negeri, daripada jumlah tersebut berapa ramaikah warganegara Indonesia, Bangladesh, Filipina, Vietnam, India dan Pakistan yang berjaya mendapat Kad Pengenalan Biru.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kapar yang mengemukakan pertanyaan.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pendaftaran kelahiran dari tahun 2007 sehingga 2010 adalah seramai 2, 013,160 orang. Manakala jumlah Kad Pengenalan Biru (Mykad) yang telah dikeluarkan kepada orang asing yang berasal dari Indonesia, Bangladesh, Filipina, Vietnam, India dan Pakistan sejak tahun 2007 sehingga 2010 adalah sebanyak 7,777.**



**PERTANYAAN**

**BAGI JAWAB LISAN**

**No: 82**

**DARIPADA**

**Tuan Jeff Ooi Aun [Jelutong]**

**TARIKH**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
21 Jun 2011 (Selasa)**

**DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

**82**

**Tuan Jeff Ooi Aun [Jelutong] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan:-**

- i. Apakah perkembangan terkini mengenai rancangan mendalamkan dasar laut di Selat Butterworth-Pulau Pinang sebanyak 300 juta yang diamanahkan kepada Penang Port Sdn. Bhd. milikan *Minister of Finance Inc.* dan
- ii. Sejauh manakah kelewatan pelaksanaan rancangan tersebut menjaskan prestasi kewangan PPSB.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan sedang mengambil tindakan berhubung pelaksanaan projek pengurukan Pelabuhan Pulau Pinang.

Isu mengenai kelewatan pengurukan Pelabuhan Pulau Pinang yang dikatakan akan menjaskan prestasi kewangan Penang Port Sdn. Bhd. adalah tidak berbangkit kerana sememangnya isu ini telah diambil kira sejak dari awal perancangan projek lagi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**PERTANYAAN : LISAN**

**DARI PADA**                   **Y.B. DATO' HAJI WAN ABD.RAHIM BIN WAN  
ABDULLAH (KOTA BHARU)**

**TARIKH**                   **21 JUN 2011 (SELASA)**

**SOALAN:**

**Dato' Haji Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah minta PERDANA MENTERI menyatakan setakat mana tindakan yang telah diambil oleh SPR dalam urusan persempadanan semula bahagian Pilihan raya Parlimen dan Bahagian Pilihan raya Negeri sehingga Jun 2011.**



**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang melaksanakan kerja-kerja pentadbiran sebagai persiapan awal untuk memulakan kajian urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Kerja-kerja tersebut membabitkan pengumpulan maklumat-maklumat pembangunan, pertambahan penduduk, pertambahan bilangan pengundi semasa dan seterusnya menyediakan draf laporan awal urusan persempadanan sebelum ianya dikemukakan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Perdana Menteri berdasarkan peruntukan Seksyen 4 Bahagian II Jadual ke Tiga Belas Perlembagaan.**

**Mengikut peruntukan Perkara 113 (2) (iii) Perlembagaan Persekutuan selepas SPR mewartakan tempoh bermulanya urusan persempadanan, kajian persempadanan semula tersebut hendaklah disiapkan dalam tempoh yang tidak melebihi dua tahun dari tarikh bermulanya kajian semula itu.**

**Sekian, terima kasih.**

**NO. SOALAN: 84**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARI PADA</b>	<b>TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO</b>
	<b>[KLANG]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>21 JUN 2011 (SELASA)</b>

**SOALAN**

Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [ Klang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan kesediaan Kerajaan untuk *declassify* semua dokumen-dokumen termasuk laporan pakar-rujuk berkait dengan pembinaan loji nuklear untuk semakan *stakeholders*.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian-kajian terperinci yang akan dilaksanakan berkaitan projek loji janakuasa nuklear adalah seperti berikut:

- i) . Penyediaan Pelan Pembangunan Infrastruktur Kuasa Nuklear (*Nuclear Power Infrastructure Development Plan (NPIDP)*) yang merangkumi penilaian terhadap tahap kesediaan negara dalam kesemua sembilan belas (19) aspek infrastruktur seperti yang telah disebut di atas. Penilaian ini akan disemak oleh IAEA berdasarkan garis panduannya.
- ii) . Penyediaan program penyebaran maklumat mengenai pelbagai aspek penggunaan kuasa nuklear kepada kesemua pihak berkepentingan (*stakeholders*), termasuk tinjauan pendapat umum mengenainya;
- iii) . Kajian kesediaan rangka kerja perundangan dan kawalselian sebagai asas pembangunan sistem kawalseliaan nuklear yang komprehensif untuk menjamin keselamatan awam dan kesejahteraan alam sekitar negara, termasuk pematuhan terhadap sistem tadbir urus nuklear antarabangsa (*international nuclear governance*) yang berasaskan triti, konvensyen dan perjanjian antarabangsa yang berkenaan;

- iv) . Kajian kemungkinan (*feasibility study*) bagi projek loji janakuasa nuklear, termasuk dari segi kos dan pembiayaan; dan,
- v) . Kajian terperinci untuk mengenalpasti tapak yang sesuai untuk pembinaan loji janakuasa nuklear berdasarkan kriteria pemilihan yang disyorkan oleh IAEA dan lazim digunakan oleh negara-negara maju.

Kajian-kajian ini akan dilaksanakan oleh juruperunding-juruperunding antarabangsa yang berkenaan. Untuk melaksanakan sebahagian daripada kajian-kajian ini, juruperunding berkenaan mendapatkan maklumat komersil yang rahsia daripada pihak-pihak lain, dan ini melibatkan perjanjian melindungi hakmilik maklumat (*Non-Disclosure Agreement (NDA)*).

Oleh itu, sebahagian daripada hasil kajian ini tidak dapat disebarluaskan kepada umum kerana obligasi di bawah perjanjian berkenaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan meneliti kemungkinan untuk menyampaikan maklumat-maklumat berkenaan tertakluk kepada obligasi di bawah perjanjian tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA :** Y.B. DR. HIEW KING CHEU  
**KAWASAN :** KOTA KINABALU  
**TARIKH :** 21 JUN 2017 (SELASA)

**SOALAN:**

Y.B. DR. HIEW KING CHEU (KOTA KINABALU) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan bilakah jalan raya Persekutuan dari Kota Belud ke Kudat akan dibina semula kerana keadaan yang sangat buruk dan banyak kemalangan telah berlaku, dan mengapa tidak ada tindakan positif memperbaiki jalan raya yang buruk di Sabah. Adakah kerana tidak ada peruntukan.



**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua;**

**Kementerian Kerja Raya sememangnya mempunyai perancangan untuk menaik taraf Jalan Persekutuan dari Kota Kinabalu ke Kota Belud, Sabah sepanjang 70 kilometer. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini akan dibuat secara berperingkat-peringkat tertakluk kepada peruntukan semasa yang diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM).**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh RMKe- 9 yang lalu, kementerian ini telah siap melaksanakan Projek Menaik Taraf Jalan Kota Belud ke Langkon (Fasa 1) dengan kos projek sebanyak RM5.9 juta. Manakala dalam RMKe-10 ini, pelaksanaan Fasa 2 baru sahaja dimulakan pada 15 April 2011 yang lalu melibatkan skop menaik taraf jalan sedia ada kepada standard piawai JKR R3 dengan kos projek keseluruhan sebanyak RM35.5 juta. Projek fasa 2 ini dijangka akan siap dalam tempoh 24 bulan, iaitu pada 14 April 2013. Dalam Tempoh Separuh Kedua, RMKe-10 pula, Kementerian Kerja Raya berhasrat untuk melaksanakan fasa 3 dengan anggaran kos projek sebanyak RM60 juta, tertakluk kepada kelulusan UPE, JPM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan tidak pernah mengabaikan pembangunan infrastruktur di Negeri Sabah, khususnya berkaitan program pembinaan dan penyelenggaraan Jalan-

**Jalan Persekutuan di negeri tersebut. Ini terbukti menerusi pewujudan inisiatif Ichas Kerajaan menerusi Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di mana antara lain ialah untuk mempertingkatkan sistem rangkaian jalan raya di Negeri Sabah dan Sarawak. Program NKRA ini sedang giat dilaksanakan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) di mana ia mensasarkan pembinaan 1,500 kilometer jalan luar bandar dalam tempoh 2**

tahun (2010 dan 2011).

Di samping itu, Negeri Sabah juga merupakan negeri yang menerima peruntukan RMKe-10 yang tertinggi di bawah Kementerian Kerja Raya, iaitu RM1.212 bilion atau 21% dari peruntukan keseluruhan Tempoh Separuh Pertama RMKe-10 yang diterima kementerian ini. Manakala di bawah program penyelenggaraan jalan Persekutuan pula, Negeri Sabah menerima peruntukan sebanyak RM240 juta untuk tujuan penyelenggaraan Jalan-Jalan Persekutuan sepanjang 1,500 kilometer. Ini tidak termasuk peruntukan penyelenggaraan Jalan Negeri di bawah geran MARRIS atau Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia yang diterima oleh Kerajaan Negeri, iaitu dianggarkan melebihi RM390 juta setahun.

Sekian. Terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**PERTANYAAN**                           **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA**                              **DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR 21**  
**TARIKH**                                 **JUN 2011 (SELASA)**  
**SOALAN**

**NO. 86**

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan adakah Kementerian tidak mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi sehingga mengalami kesulitan untuk membayar cukai tanah pusat pengajian tinggi di bawah tanggungjawab Kementerian pada Kerajaan negeri dan nyatakan kadar cukai tanah yang dikenakan mengikut 1 meter persegi mengikut negeri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Institusi pengajian tinggi merupakan satu keperluan untuk rakyat dan ia perlu dipastikan agar terus beroperasi walau dengan apa cara sekalipun. Dalam kes cukai tanah UUM, Kerajaan Pusat sedaya upaya memberi bantuan supaya UUM dapat bergerak serta diuruskan dengan baik. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri juga sepatutnya turut berperanan dengan memberi sedikit bantuan melalui penyambungan pemberian rebat cukai tanah. Ini akan membantu UUM menggunakan peruntukan kewangan yang

ada untuk tujuan penyeiidikan dan penerbitan. Tindakan kerajaan negeri Kedah menolak enam kali rayuan UUM bagi menyambung semula pemberian rebat cukai tanah tidak membantu dalam memajukan sesebuah institusi pengajian tinggi awam di negara ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar cukai tanah IPTA adalah berbeza-beza mengikut negeri iaitu sekitar RM0.39 hingga RM2.60 setiap meter persegi.**

**SOALAN NO: 87**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN:** LISAN

**DARIPADA:** Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL  
HAMID

**TARIKH:** 21 JUN 2010

**SOALAN:**

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan jumlah kes yang dirujuk ke Mahkamah Perusahaan antara 1hb Januari 2008 sehingga 1hb Mei 2008 dan berapakah kes yang ditolak oleh Menteri ke Mahkamah Perusahaan dalam tempoh itu.**

**PR-1242-L44382**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

- 1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, pada 13 hb Februari 2008 Parlimen telah dibubar dan pilihanraya telah diadakan pada 8 hb Mac 2008. Seterusnya Menteri Sumber Manusia yang baru telah dilantik pada 18 Mac 2008, bagi menggantikan Y.B. Dato' Fong Chan Onn. Dalam tempoh Perlimen dibubar proses meneliti kewajaran kes samada dirujuk atau tidak ke Mahkamah Perusahaan ditangguhkan sementara pelantikan Menteri Sumber Manusia yang baru.**

**2. Berdasarkan statistik bagi tempoh 1 Januari 2008 hingga 1 Mei 2008 didapati sebanyak 400 kes Pemulihan Kerja dan Pertikaian Perusahaan telah dirujuk ke Mahkamah Perusahaan oleh Y.B Menteri Sumber Manusia. Manakala sebanyak 117 kes telah diputuskan tidak dirujuk oleh Y.B. Menteri Sumber Manusia seperti berikut;**

JENIS KES	TEMPOH 1.1.2008	I HINGGA 1.5.2008
	JUMLAH KES DIRUJUK	JUMLAH KES TIDAK DIRUJUK
Pertikaian Perusahaan	15	2
Pemulihan Kerja	385	115
Jumlah	400	117

**3. Seterusnya jumlah kes dirujuk oleh Y.B. Menteri Sumber Manusia ke Mahkamah Perusahaan bagi tahun 2008 sehingga 30 Mei 2011 adalah seperti berikut;**

Jenis Kes di Rujuk	2008	2009	2010	2011 Sehingga (31.5.2011)	Jumlah
Pertikaian Perusahaan	30	60	89	19	198
Pemulihan Kerja	458	442	1179	512	2591
Jumlah	488	502	1268	531	2789

PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

DARI PADA : Y.B. DATO' SERI HAJI ABD. HADI BIN AWANG  
(MARANG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.06.2011

Y.B. DATO' SERI HAJI ABD. HADI BIN AWANG [ MARANG ] minta MENTERI KEWANGAN sejauh manakah peranan Kerajaan untuk memastikan syarikat berstatus PLCs (Public Listed Companies) dan GLCs (Government-Linked Companies) menunaikan tanggungjawab sosial korporat mereka (CSR) secara yang maksima dan apakah hanya cukup dengan Putrajaya Committee on GLC High Performance (PCG).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada peranan yang ditetapkan melalui Buku Perak iaitu (Mencapai Nilai Melalui Tanggungjawab Korporat) di bawah Program Transformasi GLC, pelaporan sumbangan CR oleh syarikat tersenarai termasuk syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) adalah diwajibkan dalam laporan tahunan masing-masing.

2. Di samping itu, kesemua GLC utama menetapkan sasaran untuk memaksimumkan penunaian CR secara proaktif dan boleh dilihat di dalam laporan tahunan GLC. Di antaranya ialah Telekom Malaysia Bhd, Malaysia Airports Holdings Bhd, Malaysian Resources Corporation Bhd, UMW Holdings Bhd, Chemical Company of Malaysia Bhd dan CIMB Group Holdings Bhd.

3. Di antara fokus utama agenda CR GLC-GLC tersebut adalah tertumpu kepada bidang operasi dan perniagaan, aktiviti

kemasyarakatan dan kebajikan serta pemeliharaan/pemulihan alam sekitar. Beberapa contoh aktiviti CR yang dijalankan oleh GLC berkenaan menurut bidang-bidang utama adalah seperti berikut:

### / Operasi dan Perniagaan CIMB

#### **Group Holdings Bhd**

CIMB Cares melalui portal perbankan internet CIMB Clicks, menghubungkan organisasi kebajikan dengan pelanggan bagi memudahkan mereka menyalurkan derma atau sumbangan dengan selamat. Kini, terdapat 141 NGO yang berdaftar sebagai ahli CIMB Cares yang dikategorikan kepada empat kumpulan utama iaitu kebajikan, kesihatan, pendidikan dan alam sekitar.

#### **Telekom Malaysia Bhd**

Telekom Malaysia Bhd menyediakan perkhidmatan jalur lebar kepada golongan luar bandar melalui 168 Pusat Jalur Lebar Masyarakat, 99 Perpustakaan Jalur Lebar Masyarakat dan 15 TMpoint Bergerak (TMOW).

#### **ii. Aktiviti Kemasyarakatan dan Kebajikan**

##### **Bank Islam**

Bank Islam telah mengagihkan sejumlah RM11.5 juta wang zakat bagi tahun kewangan 2010 kepada pihak berkuasa Zakat negeri dan lapan asnaf yang layak menerima zakat.

##### **CIMB Group Holdings Bhd**

Di antara tahun 2008 sehingga tahun 2010, Kumpulan CIMB telah menyalurkan dana berjumlah RM100 juta kepada Yayasan CIMB yang seterusnya telah membayai sejumlah 529 projek kebajikan (yang tergolong di bawah pembangunan masyarakat, sukan dan pendidikan) di seluruh negara bernilai RM40.3 juta.

4. Selain daripada aktiviti-aktiviti khusus di peringkat syarikat, GLC serta

syarikat swasta lain turut menyokong inisiatif CR peringkat nasional seperti Program Pengambilan Sekolah Angkat PINTAR dan Program Pembasmian Kemiskinan Sejahtera. Di bawah Program PINTAR, sehingga kini, 34 buah syarikat (24 GLC dan 10 syarikat swasta) telah terlibat membantu kira-kira 110,000 orang murid di 221 buah sekolah seluruh negara. Manakala di bawah Program Sejahtera (sebuah program yang dilaksanakan untuk membasmi kemiskinan dan membantu meningkatkan tahap sosioekonomi golongan terjejas) sebanyak 15 buah syarikat (11 GLC dan 4 syarikat swasta) terlibat dalam program tersebut. Sehingga kini, sejumlah 2,352 keluarga di beberapa buah kampung di Pahang, Kelantan, Sabah dan Sarawak telah pun menerima manfaat menerusi program ini.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT  
KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARI PADA : Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
(PAYA BESAR)**

**TARIKH : 21 JUN 2011 (SELASA)**

**SOALAN:**

**Dato' Abdul Manan bin Ismail (Paya Besar) minta PERDANA ENTERI menyatakan sejak kebelakangan ini golongan bukan Islam memperkenalkan konsep makanan halal yang baru "pork-free",-**

- a. bagaimakah pemantauan pihak JAKIM terhadap konsep makanan "pork-free" di tempat hiburan kerana ia sering dikunjungi oleh orang Islam; dan**
- b. setakat manakah penguatkuasaan JAKIM terhadap pengusaha**

bukan islam di negara kita.

NO. SOALAN: ... ^

**JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dan Jabatan Agama Islam Negeri/Majlis Agama Islam Negeri(JAIN/MAIN) hanya boleh mengambil tindakan undang-undang, sekiranya pemilik restoran atau premis yang memperkenalkan konsep makanan “pork-free” itu memohon sijil halal atau menggunakan sijil halal JAKIM tanpa kebenaran. Selain itu, ia adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kepenggunaan dan Koperasi (KPDNKK).

Bagi mengelakkan umat Islam daripada berkunjung kepada premis tersebut, adalah diseru agar memilih premis dan restoran yang memiliki logo halal JAKIM dan JAIN. Maklumat lanjut dan senarai premis tersebut boleh di rujuk melalui laman web: [www.halal.gov.my](http://www.halal.gov.my).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH YB DATO'  
LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN SALLEH BIN KALBI

[ SILAM ]

TARIKH

21 JUN 2011

## **SOALAN**

Tuan Salleh bin Kalbi (Silam) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk mengekang peningkatan jumlah pesakit diabetes di negara ini memandangkan Hospital Universiti Sains Malaysia telah menganggarkan bahawa jumlah kes diabetes di negara ini akan mencecah 2.5 juta menjelang tahun 2030.

Tuan Yang DiPertua,

Penyakit diabetes boleh dicegah dengan amalan pemakanan yang sihat dan gaya hidup yang aktif. Kerajaan Malaysia adalah sangat komited untuk mencegah penyakit diabetes. Antara langkah-langkah awal yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan termasuklah promosi kesihatan bagi menggalakkan rakyat Malaysia mengamalkan gaya hidup yang sihat melalui siri Kempen Gaya Hidup Sihat yang telah dimulakan sejak tahun 1991 lagi.

Pengesanan penyakit diabetes pada peringkat awal mampu mengurangkan komplikasi akibat diabetes oleh kerana pesakit tersebut mendapat rawatan perubatan pada peringkat awal lagi. Kini, perkhidmatan saringan kesihatan, termasuklah ujian gula dalam darah, ditawarkan di semua klinik dan hospital kerajaan. Di samping itu juga, saringan kesihatan dalam komuniti turut dilaksanakan semasa kem-kem kesihatan atau ketika majlis-majlis rasmi kerajaan. Kawalan penyakit diabetes yang baik juga akan mengurangkan risiko mendapat komplikasi akibat diabetes, yang seterusnya akan memerlukan rawatan pakar di hospital. Bagi meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan diabetes yang disampaikan di peringkat kesihatan primer, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan beberapa inisiatif kualiti yang khusus di peringkat kebangsaan iaitu “Audit Klinikal Diabetes” dan “Program Kepastian Kualiti bagi Menjamin Kualiti Perkhidmatan Diabetes di Peringkat Kesihatan Primer” mulai tahun 2009.

Bagi mengukuhkan lagi program pencegahan penyakit diabetes dan penyakit

NCD yang lain, pada 17 Disember 2010, Jemaah Menteri telah meluluskan “Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit Tidak Berjangkit” (*National Strategic Plan for Non-Communicable Diseases* atau NSP-NCD). Melalui NSP-NCD, Kerajaan berharap untuk melaksanakan beberapa polisi bagi mewujudkan persekitaran hidup yang menyokong pemakanan yang sihat, hidup yang aktif dan bebas dari asap rokok bagi mencegah penyakit NCD, termasuklah diabetes. Ini adalah satu bentuk perlindungan kesihatan (*health protection*) oleh kerajaan untuk menjamin kesihatan dan kesejahteraan rakyat.



**NO. AUM : 9&**  
**NO. AUP : \*|**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>TUAN KARPAL SINGH [ BUKIT GELUGOR ]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>21 JUN 2011</b>
<b>RUJUKAN</b>	<b>3881</b>

**SOALAN:**

**Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berkenaan dengan bilangan banduan yang sedang menjalani hukuman sepanjang hayat [*natural life*] di bawah Akta Senjata Api [Penalti Lebih Berat] 1971 dan sama ada Kerajaan bersedia untuk memansuhkan hukuman penjara sepanjang hayat [*natural life*] terhadap kesalahan tersebut di negara ini.**

**Jawapan:**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor yang telah mengemukakan pertanyaan.**

Dimaklumkan statistik Jabatan Penjara pada 31 Mei 2011 menunjukkan terdapat seramai 81 banduan hukuman Seumur Hayat yang sedang ditahan di penjara seluruh Malaysia. Daripada jumlah ini, seramai 59 banduan melakukan kesalahan di bawah Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971.

**Setakat ini Jabatan Penjara dan juga Kementerian Dalam Negeri tidak bercadang untuk memansuhkan hukuman seumur hayat bagi mereka yang yang disabitkan bersalah oleh Mahkamah di bawah Akta Senjata Api [ Penalti Lebih Berat ] 1971.**

Kementerian dan Jabatan Penjara walau bagaimanapun tidak menafikan hak banduan berkenaan untuk mendapat pertimbangan pengampunan oleh Lembaga Pengampunan Negeri melalui petisyen (rayuan) atau Kajian Hukuman Empat Tahun Sekali. Peraturan- Peraturan Penjara 2000 memberikan hak kepada semua banduan sabitan (*convicted prisoner*) termasuklah banduan hukuman Seumur Hayat untuk mengemukakan petisyen (rayuan) atau dibuat kajian Hukuman Empat Tahun Sekali oleh Lembaga Pengampunan Negeri di mana kesalahan tersebut dilakukan.

**Berhubung perkara ini**

Jabatan Penjara akan membantu banduan, keluarga mereka atau lain-lain pihak yang berkaitan dengan banduan berkenaan bagi membolehkan petisyen (rayuan) atau laporan Kajian Hukuman Empat Tahun Sekali dikemukakan kepada Lembaga Pengampunan Negeri.

Semenjak tahun 1997 hingga sekarang sejumlah lebih dari 40 banduan hukuman Seumur Hayat telah diringankan hukuman mereka termasuklah dibebaskan oleh Lembaga Pengampunan Negeri melalui proses petisyen (rayuan) dan Kajian Hukuman Empat Tahun Sekali.

**SOALAN NO:92**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
[PERMATANG PAUH]**

**TARIKH : 21JUN2011**

**SOALAN**

**DATO<sup>1</sup> SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PERMATANG PAUH] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh mana tindakan dan**

penyiasatan lanjut Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia terhadap laporan US Securities and Exchange Commission dan Justice Department pada Isnin 27 Disember 2010 yang mendakwa bahawa Alcatel-Lucent SA didapati memberi rasuah kepada pegawai-pegawai Telekom Malaysia Berhad bagi memperolehi kontrak telekomunikasi.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Permatang Pauh, berhubung dakwaan Alcatel-Lucent SA memberi rasuah kepada pegawai-pegawai Telekom Malaysia Berhad bagi memperoleh kontrak telekomunikasi, isu ini masih dalam siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Namun begitu, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, hasil dan butir-butir lanjut mengenai siasatan tidak boleh didedahkan sebagaimana Seksyen 29(4) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO : 93**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN JAWAPAN LISAN**

**DARI PADA Y.B. TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN  
[ ALOR GAJAH ]  
TARIKH 21 JUN 2011 (SELASA)**

**SOALAN:**

**Y.B. TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN [ALOR GAJAH] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menangani kesan peningkatan kos saraan hidup dan mengurangkan beban yang dihadapi oleh golongan berpendapatan rendah.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai langkah telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menangani kesan peningkatan kos saraan hidup seperti:**

- i. **Mengekal harga runcit petrol terutamanya RON95 agar tidak memberi implikasi besar kepada kadar inflasi walaupun terpaksa menambah RM5.6 bilion kepada peruntukan RM10 bilion yang disediakan dalam Bajet 2011;**
- ii. **Meningkatkan pemantauan ke atas harga barang keperluan asas yang digunakan oleh isi rumah seperti tepung gandum, gula, minyak masak, petrol, diesel, gas, roti dan ayam supaya harga adalah stabil dan berpatutan;**
- iii. **Menjalankan pemeriksaan secara fizikal di premis perniagaan bagi menentukan tiada pengeluar atau peniaga yang mengambil kesempatan mengaut keuntungan berlebihan serta kegiatan menyorok barang. Ini termasuklah perbincangan dengan para pengeluar, pemborong dan peruncit**

bagi mendapatkan komitmen mereka untuk tidak menaikkan harga;

- iv. Tidak menaikkan kadar tol bagi tempoh 5 tahun di empat lebuhraya milik Plus Expressway Berhad;
- v. Pemberian subsidi elektrik kepada rakyat miskin bagi menampung bit bulanan yang tidak melebihi RM20 sebulan. Sejak tahun 1997, Kerajaan juga tidak menaikkan tarif elektrik bagi pengguna domestik di bawah 200/kWh sebulan dan kenaikan minimal jika penggunaan melebihi 200/kWh sebulan, dan
- vi. Program penjelasan kepada rakyat mengenai perbelanjaan berhemat diadakan secara berterusan bagi meningkatkan lagi pemahaman rakyat.

Kerajaan turut melaksanakan pelbagai program kepada rakyat berpendapatan rendah untuk meningkatkan pendapatan. Antaranya ialah Program Pembangunan Ekonomi, Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus, Program Pembasmian Kemiskinan Bandar, Program NKRA Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH) dan Projek Agropolitan.

Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat dan Program AZAM Tani juga dapat membantu pengusaha dan pekerja sektor industri asas tani meningkatkan pendapatan mereka. Manakala, Program AZAM Khidmat dan program usahawan anjuran Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan MARA akan mewujudkan enterpris baru dalam sektor perkhidmatan.

Di samping itu, Kerajaan juga menyediakan kemudahan kredit mikro untuk membantu usahawan kecil meningkatkan pendapatan dan seterusnya memperbesarkan entiti perniagaan mereka. Kemudahan berkenaan disusuli dengan sistem pemantauan bagi memastikan usahawan kekal konsisten dan mampu membayar balik pinjaman.

**SOALAN NO: 94**

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: Y.B. TUAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH  
PAIRIN KITINGAN**

**TARIKH: 21 JUN 2010**

**SOALAN:**

Tuan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan sama ada beliau sedar masih ramai graduan-graduan lepasan universiti yang mencari pekerjaan dan jika sedar, apakah langkah dan tindakan-tindakan Kerajaan Pusat bagi memastikan mereka dapat pekerjaan termasuklah mereka di Sabah dan Sarawak.

**PR-1242-L43448**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 20 Jun 2011, seramai 437,092 pencari kerja berdaftar dengan JobsMalaysia. Dari jumlah tersebut, seramai 248,837 atau 56.93% adalah terdiri daripada siswazah. Kerajaan sedar bahawa masih ramai siswazah yang memohon pekerjaan.



Walau bagaimanapun, itu tidak bermakna mereka tidak bekerja pada masa ini. Ini kerana sebahagian daripada mereka berdaftar dengan JobsMalaysia adalah semata-mata untuk mencari pekerjaan yang lebih baik.

2. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program bagi memberi kemahiran tambahan kepada graduan lepasan university bagi membantu memudahkan mendapat pekerjaan. Program-program yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

a. **Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M)**

Pada 1 Jun 2011, Kerajaan telah melancarkan Program Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M) yang bertujuan membantu para siswazah mendapat pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan mereka. Di bawah skim tersebut, siswazah yang tidak mendapat kerja dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian berpeluang menerima latihan dengan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) selama setahun. Mereka juga ditawarkan elaun berjumlah RM1.000 sebulan (purata) sepanjang tempoh latihan tersebut. Selain didedahkan dengan kemahiran seperti 'soft skills', siswazah berkenaan turut menerima latihan dalam kerja dan akan dibantu untuk mencari kerja tetap selepas tamat latihan. Bagi fasa pertama pelaksanaannya, seramai 3000 orang siswazah akan menyertai program di bawah Bank Negara dan 25 GLC yang turut serta dalam program ini.

b. **Program Specialised Training and Advanced Recruitment**

## **(STAR) PSMB**

- i. Kementerian Sumber Manusia melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah melaksanakan *Program Specialised Training and Advanced Recruitment (STAR)* untuk graduan lepasan diploma dan ijazah pertama mulai 1 Januari 2011. Tujuan program ini adalah untuk melengkap dan meningkatkan kebolehpekerjaan graduan dari golongan *vulnerable* di pasaran pekerjaan dengan kemahiran dan kompetensi khusus yang diperlukan oleh industri.
- ii. Program STAR ini mengandungi 3 komponen iaitu latihan secara teori selama 2 hingga 3 bulan di premis penyedia latihan, latihan praktikal selama 2 bulan di premis majikan swasta yang akan memberikan pendedahan suasana serta pengalaman kerja sebenar bagi meningkatkan kebolehpekerjaan mereka, dan penempatan pekerjaan dengan gaji minimum sebanyak RM1,500.00 untuk lepasan diploma dan RM2,000 untuk lepasan ijazah setelah menamatkan latihan sepenuhnya. Terdapat lima kursus yang ditawarkan di bawah program STAR ini iaitu *Executive Development Programme, ASP.net, J2EE, PHP MySQL dan Cisco Certified Network Professional (CCNP)*.
- iii. Sejak dilaksanakan, seramai 876 graduan telah diluluskan untuk mengikuti program latihan ini dengan bantuan kewangan berjumlah RM5.14 juta. Daripada bilangan graduan yang diluluskan itu, seramai 50 graduan adalah dari

**Sabah dan Sarawak yang telah mengikuti kursus Program Pembangunan Eksekutif (*Executive Development Programme*) dengan bantuan kewangan sebanyak RM275,000.00.**

**c) Program Penempatan Pekerjaan(3P)**

- i. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja mengadakan Program 3P bertujuan untuk memudahkan pencari kerja bertemu dengan bakal majikan, dan pengambilan serta merta di lokasi-lokasi yang telah ditetapkan oleh para majikan. Program 3P dilaksanakan dengan menjemput majikan dan penyedia latihan membuka tawaran kekosongan jawatan dan tawaran latihan kemahiran serta membuat temuduga terbuka. Program ini mendapat sambutan yang baik dari kalangan pencari kerja. Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung telah mengadakan sebanyak 178 program 3P pada tahun 2010 manakala pada tahun 2011 JTK merancang untuk mengadakan 109 program 3P. Sehingga sekarang JTK telah mengadakan 74 program dan berjaya membuat penempatan sebanyak 36,807 siswazah.
- ii. Sejak tahun 2009 hingga 2010 sebanyak lebih 80 program telah diadakan di seluruh Sabah. Seramai lebih 1,744 siswazah berjaya ditempatkan di dalam program berkenaan yang menawarkan kekosongan sejumlah lebih 5,000 kekosongan untuk siswazah.
- iii. Di Sarawak, Program 3P menawarkan jumlah pekerjaan yang

**banyak iaitu 6212 kekosongan jawatan pada tahun 2010 namun hanya 311 yang berjaya menerima tawaran kerja dari jumlah 1177 pencari kerja.**

**d. Temuduga terbuka di JMC/JMP**

**JTK juga bekerjasama dengan majikan untuk membuat temuduga terbuka di Pusat Jobsmalaysia dan Jobsmalaysia Point. Pusat ini mengkhususkan perkhidmatan pekerjaan dan bimbingan kerjaya kepada pencari kerja tanpa mengira tahap akademik bagi memastikan pencari kerja mendapat pekerjaan. Pusat ini juga bekerjasama dengan IPTA/IPTS dalam memberi bimbingan kerjaya melalui ceramah- ceramah kerjaya sebagai membantu bakal graduan di dalam hala tuju kerjaya apabila memasuki pasaran pekerjaan kelak.**

**e. Meningkatkan promosi pendaftaran di dalam portal**

**<http://www.iobsmalaysia.gov.my>**

Pencari kerja di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak digalakkan untuk mendaftar dalam portal jobsmalaysia kerana perkhidmatan yang disediakan adalah percuma, cepat dan murah dan boleh diakses dimana sahaja yang mempunyai talian internet.

**Sehingga 20 Jun**

2011 seramai 205,471 telah berdaftar dengan Jobsmalaysia di seluruh negara.

Kawasan	Bilangan Siswazah mencari pekerjaan sehingga 20 Jun 2011
JTK Semenanjung	182,497
JTK Sabah	12,078
JTK Sarawak	10,896
Jumlah	205,471

**f. Program Latihan Kemahiran 1 Malaysia**

- i. Program ini adalah program latihan dan kemahiran pra-pekerjaan bagi memastikan graduan ILJTM mendapat pekerjaan untuk memenuhi keperluan sektor perindustrian di Malaysia. Terdapat 27 Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia sedang melaksanakan Program Latihan Kemahiran 1 Malaysia seperti yang telah diumumkan oleh Y.A.B Perdana Menteri. Program ini dilaksanakan secara modular dan separuh masa yang juga terbuka kepada pekerja-pekerja industri dan orang awam yang ingin mendapatkan dan meningkatkan

kemahiran mereka. Bidang-bidang yang ditawarkan adalah Kimpalan, Pembuatan, Pengeluaran, Perkhidmatan, Percetakan, Penyelenggaraan Elektrik, Elektronik, Sivil dan ICT.

- ii. Silibus-silibus yang terdapat di Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) dibangunkan bersama dengan wakil industri untuk meningkatkan kemahiran bagi memenuhi keperluan dan kehendak industri. Sehubungan itu, graduan-graduan keluaran ILJTM akan diiktiraf dan diterima oleh pihak industri sekaligus mendapat peluang pekerjaan dengan mudah yang disediakan oleh industri berkaitan.

**g. *Community and Employment Support Service (CESS)***

ILJTM juga telah menubuhkan satu unit yang dikenali sebagai **CESS** (*Community and Employment Support Service*) yang berfungsi memasarkan pelatih yang tamat latihan kepada industri supaya dapat mencapai keseluruhan pelajar yang tamat latihan memperolehi pekerjaan. Penubuhan *Job Malaysia Point* juga sebagai pemudah cara dan penjodohan antara majikan dan graduan.

- 3. Kerajaan juga mengadakan program-program latihan, *apprenticeship* dan *internship* bagi meningkatkan kebolehpasaran siswazah. Program-program yang dilaksanakan bukan sahaja memberi penekanan kepada peningkatan kebolehpasaran siswazah,

tetapi juga memfokuskan kepada pendedahan kepada pengetahuan keusahawanan. Langkah ini bertujuan untuk menyediakan siswazah yang tidak hanya mengharap kepada pekerjaan sedia ada dalam sektor awam dan swasta, malah mampu untuk menceburi bidang keusahawanan sebagai bidang pilihan kerjaya dan sumber pencarian. Antara program yang dijalankan bagi meningkatkan kebolehpasaran siswazah adalah seperti berikut:

a. **MSC Malaysia Knowledge Worker Development**

*Initiative Oleh MOSTI*

**MSC Malaysia KDI** adalah inisiatif MDeC yang bertujuan melahirkan tenaga kerja yang mahir dan relevan untuk memenuhi permintaan pihak industri. Antara program yang disediakan di bawah MSC Malaysia KDI 2011 adalah Program Kemahiran Siswazah (USP), Program Apprentis dan Pembangunan Siswazah (UGRAD), Program Latihan Graduan (GTP), Program Kem Kerjaya (Job Camp), Program Kerjasama antara Industri dan Akademia (IAC). Program-program ini menyediakan kursus latihan serta latihan dalam kerjaya kepada golongan siswazah dan lepasan graduan. Antara fokus bidang dan kemahiran termasuklah Teknologi Maklumat, Shared Services and Outsourcing (SSO), Kejuruteraan Elektronik dan Multimedia Kreatif. Sehingga 31 Mac 2011, MDeC telah berjaya melatih seramai 36,318 graduan. Daripada jumlah graduan yang

**dilatih pada 2010, sekitar 93 peratus telah mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas menjalani latihan.**

**b. Program Latihan Graduan Industri pembinaan Oleh CIDB**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam pembangunan industri pembinaan di Malaysia telah menyediakan program “Latihan Graduan Industri pembinaan” khusus bagi melatih graduan-graduan IPTA dan IPTS bidang pembinaan yang masih menganggur. Program tersebut menawarkan kursus selama 2 bulan dibidang Pengurusan Projek, Keselamatan & Kesihatan Pembinaan dan Penyeliaan Tapak Bina di mana ianya dijalankan di 6 Akademi Binaan Malaysia milik CIDB. Segala perbelanjaan kursus tersebut ditanggung sepenuhnya oleh CIDB termasuk penginapan, makan minum dan pakaian kursus. Malah setiap peserta diberi elaun bulanan sebanyak RM500. Setelah tamat kursus adalah diharapkan setiap para peserta dapat menyertai sektor pembinaan dengan mendapatkan pekerjaan dengan kontraktor dan yang berkaitan. Sejak ianya dimulakan pada tahun 2007, sehingga Dis 2010 seramai 814 graduan telah menyertai program tersebut.

**c. Sektor perkhidmatan awam**

Melantik graduan menganggur untuk berkhidmat sebagai Pegawai di bawah Skim Perkhidmatan Singkat dan Guru

sandaran sehingga Disember 2011 yang diselaraskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Pelajaran;

**d. Program Keusahawanan**

Menempatkan siswazah terpilih di Perindustrian Kecil dan Sederhana melalui Program Perantisan Tunas Mekar selama setahun disamping menjalani kursus keusahawanan. Program ini dikendalikan oleh UiTM. Latihan-latihan juga disediakan oleh MDec melalui Malaysia Graduate Trainee Programme (GTP) dan FAMA melalui program Pembangunan Usahawan Siswazah .

**e. *Student Employment Experience Development (SEED)***

i. Program SEED terbahagi kepada tiga sub-program iaitu *Graduate Executive Training (GET)*, *Islamic Capital Market Graduate Training Scheme (ICMGTS)* dan *Graduate Development Programme (GDP)*. GET merupakan program khas bagi pengambilan pelatih pengurusan bagi agensi pengawalselia iaitu SC, Bursa Malaysia dan SIDC. ICMGTS pula merupakan program khas yang dibentuk bagi menyokong pertumbuhan pasaran modal Islam dan disasarkan untuk melatih 200 modal insan sehingga tahun 2011. Manakala GDP pula adalah program khas yang dibentuk bagi menyokong

pertumbuhan pasaran modal konvensional dan disasarkan untuk melatih 180 graduan dan seterusnya membuka peluang untuk mereka dilesenkan sebagai *dealer representative atau pun remisier*.

**iii. Setakat ini CMDF telah memperuntukan sejumlah RM12.9 juta untuk membiayai program latihan graduan bagi tujuan membuka peluang pekerjaan di dalam industri sekuriti. Jumlah ini merangkumi program *GDP* dan *ICMGTS* di mana masing-masing diberi peruntukan sebanyak RM8.2 juta dan RM4.2 juta dan peruntukan untuk Persatuan Remisier Bumiputera (**PRIBUMI**) sebanyak RM500 ribu.**

Tuan Yang di pertua,

4. Kesedaran di kalangan siswazah adalah penting bahawa pada masa ini mereka tidak boleh hanya menunggu pekerjaan dan bergantung kepada pekerjaan makan gaji sahaja. Sebaliknya, mereka boleh meneroka bidang keusahawanan sebagai pilihan pekerjaan yang bukan hanya memberikan pendapatan berganda, malah dapat membuka peluang pekerjaan kepada graduan-graduan menganggur yang lain.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**NO. SOALAN : 95**  
**YB. DATUK DR MARCUS MOJIGOH**  
**[PUTATAN ]**

**TARIKH JAWAPAN  
DI DEWAN RAKYAT**

**21 JUN 2011 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan

- (a) bila, di mana dan jumlah stesen jana kuasa berdasarkan LNG (*Liquid Natural Gas*) didirikan di negeri Sabah serta jumlah kos yang terlibat; dan
- (b) bagi mengatasi kekurangan tenaga di Sabah, apakah Kementerian akan mencari pendekatan lain misalnya "*decentralisation of power provider*" dan adakah Power Grid di Sabah mencukupi. Kalau tidak, apakah tindakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kajian ke atas sistem pembekalan elektrik menunjukkan bahawa Pantai Timur Sabah memerlukan loji jana kuasa yang berdaya harap bagi memenuhi keperluan *baseload*, dengan izin. Berdasarkan keperluan tersebut, Kerajaan telah memutuskan pelaksanaan projek loji jana kuasa berdasarkan arang batu

dengan kapasiti 300MW. Namun, projek tersebut telah dibatalkan pelaksanaannya dan digantikan dengan projek loji jana kuasa berasaskan *Liquefied Natural Gas* (LNG).

Pada masa ini, hanya sebuah loji jana kuasa berasaskan LNG dirancang untuk dibina di negeri Sabah iaitu di *Palm Oil Industrial Cluster (POIC)* Lahad Datu, Sabah. Kapasiti bagi projek tersebut adalah sebanyak 300MW yang mana dijangka akan mula beroperasi pada penghujung tahun 2015.

Sementara itu, kos sebenar yang akan terlibat bagi pelaksanaan projek tersebut belum dipastikan lagi. Walau bagaimanapun, saya ingin maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa kos yang terlibat sudah tentu lebih tinggi berbanding dengan kos projek loji jana kuasa berasaskan arang batu yang telah dibatalkan tersebut. Ini adalah kerana pelaksanaan projek tersebut bukan sahaja melibatkan pembinaan loji jana kuasa malah turut melibatkan pembinaan *regasification facility*, dengan izin.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Pada masa sekarang, Kerajaan tidak bercadang untuk menggunakan pendekatan *decentralisation power provider*, dengan izin, kerana pendekatan tersebut dilihat tidak memberi sumbangan yang signifikan dalam menyelesaikan masalah ketidakcukupan bekalan elektrik di Sabah pada masa ini. Punca utama masalah adalah kekurangan kapasiti penjanaan elektrik yang berdaya harap di Sabah.

Oleh yang demikian, Kerajaan telah mengambil langkah sementara bagi menangani masalah tersebut dengan menempatkan set-set generator mudah alih. Masalah ketidakcukupan bekalan elektrik di Sabah akan dapat ditangani secara berperingkat-peringkat kelak dengan siapnya beberapa projek loji jana kuasa yang lebih berdaya

harap dengan kapasiti sekitar 700MW seperti mana yang telah diputuskan oleh Kerajaan.

Sementara itu, Kerajaan turut merancang langkah jangka panjang bagi memastikan bekalan elektrik di Sabah sentiasa mencukupi dan berdaya harap. Antaranya adalah pembangunan sumber hidroelektrik yang merupakan sebahagian daripada strategi untuk mempelbagaikan bahan api penjanaan elektrik supaya tidak terlalu bergantung kepada sesuatu sumber sahaja. Sumber-sumber hidroelektrik yang berpotensi di Sabah sedang dikenal pasti kesesuaian pelaksanaannya termasuklah kemungkinan untuk menyalurkan elektrik daripada sumber hidroelektrik yang berpotensi di negeri Sarawak ke Sabah.

\*\*\*\*\*

**NO. AUP 1\*W**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                    TUAN GOB1ND SINGH DEO [ PUCHONG ]**

**TARIKH                    21 JUN 2011**

**RUJUKAN                    : 3741**

**SOALAN:**

**JAWAPAN:**

Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah syarat-syarat yang dikenakan semasa pengeluaran lesen penyiaran akhbar dan sama ada tindakan Utusan Malaysia menyiarkan berita palsu dan menghasut di muka surat hadapan iaitu 'Kristian Agama Rasmi' pada 7.5.2011 sepatutnya dikenakan tindakan tegas bukannya amaran sahaja dan sekiranya tidak, kenapa.

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Puchong yang mengemukakan soalan.

Semua penerbitan yang diluluskan permit penerbitan mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 adalah tertakluk kepada Syarat-syarat Permit dan Garis Panduan Penerbitan Kementerian iaitu, tidak menyiarkan bahan-bahan penerbitan yang:

- a. memudaratkan ketenteraman awam;
- b. memudaratkan kemoralan;
- c. memudaratkan keselamatan;
- d. menggemparkan fikiran orang ramai;
- e. berlawanan dengan mana-mana undang-undang;
- f. memudaratkan kepentingan awam; atau
- g. memudaratkan kepentingan negara.

Namun demikian, jika mana-mana penerbitan, termasuk akhbar Utusan Malaysia didapati menyiarkan artikel atau rencana yang berbaur sentimen perkauman sehingga mengancam keselamatan dan

ketenteraman awam, maka Kementerian akan mengambil tindakan sewajarnya mengikut peruntukan Akta berkenaan.

Antara tindakan yang boleh diambil terhadap penerbitan yang berbuat demikian ialah:

- a) Memberi nasihat, teguran dan amaran bertulis;
- b) Memberi surat tunjuk sebab;
- c) menggantung atau membatalkan permit penerbitan akhbar berkenaan.

Dalam kes Utusan Malaysia, Kementerian telah mengeluarkan surat teguran kepada akhbar tersebut pada 12 Mei 2011 kerana menyiaran berita yang menggemparkan fikiran orang ramai bertajuk ‘*Kristian Agama Rasmi?*’ pada keluaran 7 Mei 2011.

Pada masa ini PDRM telah selesai menjalankan siasatan berkenaan laporan oleh akhbar tersebut dan hasil siasatan telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk pandangan, nasihat dan arahan selanjutnya.

NO. AUM 12r<Yc  
NO.AUP

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :**

**LISAN**

**DARIPADA**

**DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN  
OSMAN [ LIPIS ]**

**TARIKH**

**21 JUN 2011**

**RUJUKAN**

**3882**

**SOALAN:**

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [ Lipis ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sejauh manakah siasatan dan tindakan terhadap laporan berhubung penganjuran pertemuan paderi dari seluruh negara yang didakwa membincangkan agenda menjadikan Kristian agama rasmi Persekutuan.**  
**Tuan Yang di-Pertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Lipis yang mengemukakan pertanyaan.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pihak polis telah menjalankan siasatan terhadap laporan yang dimaksudkan. Sehingga kini sebanyak enam puluh tiga (63) laporan**

polis telah dibuat berhubung isu berkenaan dan sebanyak enam JAWAPAN: puluh (60) rakaman percakapan telah diambil. Pihak polis masih sedang mengesan beberapa orang saksi bagi mendapatkan keterangan yang kukuh dan melengkapkan siasatan kes ini. Siasatan bagi kes ini dijalankan di bawah Seksyen 4 (1) (C) Akta Hasutan. Setelah siasatan selesai dijalankan, kertas siasatan yang telah lengkap akan dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara untuk mendapatkan nasihat dan pandangan.

**SOALAN NO: 98**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA:** Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L  
PANCHANATHAN

**TARIKH:** 21 JUN 2010

**SOALAN:**

Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [ Hulu Selangor ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu Suruhanjaya untuk menyelami apakah punca-puca dan sebab-sebab kadar jenayah meningkat di kalangan remaja kaum India dan pada masa yang sama mencari cara-cara mengatasi masalah ini.

**PR-1242-L44729**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

- 1. Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang menu buhkan suruhanjaya untuk menyelami punca-punca dan sebab-sebab kadar jenayah meningkat di kalangan remaja kaum India. Ini disebabkan Kerajaan telah mengenai pasti penyebab utama tingginya kadar**



**jenayah di kalangan masyarakat India. Berikut adalah faktor-faktor penyebab dan langkah-langkah untuk mengatasinya :**

**a) Keciciran dalam Persekolahan**

- i. Adalah diperhatikan iaitu ramai remaja India tidak menamatkan pengajian sehingga tingkatan lima dan ini menyebabkan mereka tidak memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Mereka ini tercicir samada diperingkat darjah enam (UPSR), Tingkatan 1(kelas peralihan), Tingkatan 3 (PMR) atau di tingkatan 4.
- ii. Ketiadaan kelulusan SPM menyukarkan mereka untuk memasuki institusi kemahiran kerajaan dan keadaan ekonomi keluarga membuatkan mereka tidak mampu untuk mengikuti kursus kemahiran di institusi swasta.
- iii. Kegagalan dalam pelajaran dan ketiadaan sijil kemahiran menyebabkan mereka terpaksa membuat kerja-kerja biasa yang tidak memerlukan kemahiran dan kelulusan. Jenis kerja seupama ini memberikan pendapatan yang paling rendah yang tidak dapat menyara hidup mereka. Akhirnya mereka terjebak dalam kegiatan Jenayah seperti samun, ragut dan mencuri yang dapat memberikan wang lumayan dalam masa yang singkat.
- iv. Untuk menangani masalah keciciran dalam persekolahan, Kerajaan telah menyediakan program di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) iaitu SLDN (Skim Latihan Dual Nasional)

bagi melatih pelajar-pelajar tercicir ini dan menempatkan mereka di tempat pekerjaan. Prestasi pelajar berkenaan dipantau oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) bersama syarikat yang mengambil menempatkan mereka.

v. Pelajar ini yang berumur 15 tahun ke atas dibenarkan untuk mengikuti Kursus latihan kemahiran di Pusat Bertauliah yang diiktiraf oleh kerajaan. Peluang untuk pelajar yang tidak pandai akademik untuk mengikuti latihan kemahiran adalah amat luas. Kerajaan ada menyediakan bantuan kewangan di mana pelajar-pelajar ini boleh memohon untuk pinjaman kewangan dari Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) bagi mengikuti Sijil Kemahiran.

**b) Latarbelakang Keluarga & Kemiskinan**

i. Keretakan dalam keluarga yang kucar-kacir seperti keluarga yang berpecah-belah, Ibu atau ayah melarikan diri meninggalkan keluarga ditambah dengan kemiskinan isirumah juga mempengaruhi penglibatan remaja dan belia India dalam kegiatan jenayah.

ii. Ibu bapa yang tidak memberi perhatian serius atau mengambil pendekatan keibubapaan yang betul dalam mengasuh anak-anak menjadi pendorong kepada kejadian ini. Mengutamakan kerja, kerana perlu mencari duit untuk menanggung keluarga yang hidup dalam kemiskinan, menyebabkan secara tidak langsung anak

terbiar dan tidak diasuh dengan baik.

iii. Emosi anak ini terganggu, mereka mencari teman dan ‘idola’ di luar dari keluarga. Mereka mengagumi ‘kumpulan gelap’ kerana mereka kononnya bergaya-'macho', memiliki kenderaan, mempunyai ramai pengikut dan berani.

iv. Bagi menangani isu latarbelakang keluarga yang bermasalah dan kemiskinan, beberapa program dijalankan Kerajaan untuk memulihkan belia-belia India yang terlibat dalam jenayah dengan mempergiatkan kerjasama dari Polis DiRaja Malaysia (PDRM), dibantu dengan Jobs Malaysia dan TEKUN. Pasukan Petugas Khas Pelaksanaan (SITF) dengan kerjasama agensi tersebut mengambil langkah untuk mengalihkan belia India yang mencari sara hidup dengan melakukan jenayah menceburि bidang perniagaan kecil melalui pinjaman perniagaan TEKUN dan membantu mendapatkan pekerjaan melalui Jobs Malaysia. Begitu juga berkerjasama dengan Jabatan Belia dan Sukan untuk membawa remaja-remaja ini menyertai aktiviti-aktiviti Rakan Muda.

v. SITF dengan kerjasama dari Ibu Pejabat Polis Daerah telah mengadakan beberapa Sesi Dialog mengenai isu-isu gangsterisme di kalangan pelajar-pelajar Sekolah. Objektif dialog ini adalah untuk mengenalpasti tahap tatatertib di Sekolah dan membincangkan kaedah-kaedah yang dapat digunakan untuk mengatasinya. Pengetua dan PIBG sekolah serta wakil-wakil NGO berkenaan telah hadir untuk berkongsi maklumat dan cadangan. Melalui sesi dialog ini beberapa

kawasan berisiko tinggi kejadian jenayah dikalangan masyarakat India di kejiraninan ‘neighborhoods’ dikenalpasti untuk tindakan pemulihan.

### c) Pengaruh Filem

- i. Kebanyakan filem yang gemar ditontoni oleh belia India adalah filem-filem dari Negara India yang banyak memaparkan aksi-aksi keganasan, gaduh dan kegiatan jenayah. Kebanyakan filem-filem ini tidak melalui tapisan yang ketat, yang mana secara langsung mengundang kumpulan gelap untuk meniru aksi gaya yang ditonjolkan oleh ‘hero’ atau ‘penjahat’ dalam filem-filem berkenaan. Contohnya; Aksi ‘hero’ memancung kepala ‘penjahat’ juga ada dipaparkan di filem ini yang mana membawa mesej yang songsang kepada remaja India bahawa adalah tidak salah sekiranya seorang ‘hero’ memancung kepala ‘penjahat’ kerana apa sahaja yang dilakukan oleh ‘hero’ adalah hakikatnya untuk kebaikan.
- ii. Tambahan pula kadang-kala filem dari India ini mempaparkan penjahat sebagai hero dan pihak polis sebagai kumpulan jahat.
- iii. Langkah diambil untuk memesrakan Polis dan Masyarakat India, SITF akan mengadakan program-program bertemu rakyat dimana pegawai dari Bukit Aman dan Ibu Pejabat Polis Daerah akan berjumpa dan mendengar sendiri permasalahan rakyat. Dalam program ini, remaja dan belia India didedahkan dengan bahaya penglibatan mereka dalam kumpulan gelap dan jenayah. Aktiviti- aktiviti yang

**telah dijalankan adalah seperti pameran narkotik pendaftaran Rakan Cop dan sebagainya.**

iv. Untuk memperbetulkan persepsi rakyat India terhadap polis, isu-isu buang daerah, tahanan di Simpang Rengam, Macang dan tahanan remaja dilokap diberi perhatian oleh SITF. Dengan kerjasama dari beberapa Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan dan pengalaman dari pegawai-pegawai Polis dan Penjara yang telah bersara, SITF mencadangkan supaya pesalah remaja diberi alternatif pemulihan berbanding dengan tindakan buang daerah ke kawasan pendalam yang kini dilaksanakan. Pesalah remaja ini dapat dipulihkan dalam satu Pusat Pemulihan yang dapat menyedarkan pesalah melalui kaunseling, perubahan minda dan penerapan nilai-nilai hidup disamping memberikan latihan kemahiran untuk mereka.

**NO. AUP :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR  
BIN HAJI SALLEH [ KALABAOKAN ]**

**TARIKH : 21 JUN 2011**

**RUJUKAN : 3743**

**JAWAPAN:  
SOALAN:**

**Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [ Kalabakan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan memandangkan keadaan pantai yang luas dan kekurangan tenaga kerja sudah dikenal pasti sebagai penyebab dan sudah terlalu lama digunakan sebagai alasan, apakah Kementerian mempunyai strategi dari pencerobohan pendatang asing dan perdagangan manusia melalui penyeludupan diberhentikan sama sekali.**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kalabakan yang telah mengemukakan pertanyaan.**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Tidak dapat dinafikan perairan negara yang luas dan kekurangan tenaga kerja merupakan penyumbang berlakunya aktiviti pemedagangan orang dan penyeludupan migran. Justeru itu, Kerajaan melalui agensi-agensi penguatkuasaan seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kastam DiRaja Malaysia (KDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah mengambil langkah-langkah untuk peningkatan pemantauan di kawasan perairan seperti berikut:**

- 1. Mempertingkatkan kehadiran dan pemantauan di semua**

- “hot-spots” yang digunakan untuk penyeludupan manusia khususnya sepanjang pantai Barat Semenanjung dari Selatan Perak hingga timur Johor.
2. Mengumpul maklumat mengenai tekong laut dan tekong darat dan bertindak sebaik sahaja pengumpulan maklumat selesai.
  3. Mewujudkan “*contact point*” dengan pihak berkuasa Australia bagi memudahkan perkongsian maklumat dan sumber risikan termasuk latihan.
  4. Mewujudkan kerjasama antara agensi dengan Australia “*Border Protection Command*” pada awal tahun ini dalam usaha membanteras kejadian penyeludupan manusia melalui Malaysia, Indonesia untuk ke Australia.
  5. Memperkuuhkan kerjasama antara agensi di Malaysia seperti PDRM, Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia, Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen, TLDM, Jabatan Laut, pihak berkuasa pelabuhan, kerajaan negeri dan juga pihak berkuasa tempatan.

Mempertingkatkan lagi keperluan logistik agensi-agensi penguatkuasaan terlibat seperti kapal dan bot ronda dan juga peralatan bagi menambah keberkesanan dalam tugas ini.

Kerjasama daripada penduduk-penduduk yang berada berhampiran kawasan perairan dan sempadan negara juga dapat membantu dengan penyaluran maklumat terutama jika terdapat individu yang mencurigakan berada di kawasan tersebut. Ini adalah supaya tindakan awal dapat diambil untuk menangani jenayah pemerdagangan orang.

Memperkuatkan kerjasama antara agensi penguatkuasaan di peringkat antarabangsa dan serantau untuk mewujudkan perkongsian dan pertukaran maklumat dan risikan. Ini dapat direalisasikan melalui forum seperti *General Border Committee (GBC)* yang melibatkan Malaysia, Thailand dan Indonesia serta mekanisme *Senior Officials Meeting on Transnational Crime*. Kuala Lumpur juga telah diberi kepercayaan untuk menjadi Sekretariat Aseanapol sebagai pusat sumber maklumat bagi pihak berkuasa negara-negara ASEAN mengenai jenayah.

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI [ KAPIT ]**

**NO. AUM : 100  
NO. AUP : 100**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**TARIKH                    21 JUN 2011**

**RUJUKAN                3744**

**SOALAN:**

**Datuk Alexander Nanta Linggi [ Kapit ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah yang perlu diambil terhadap visa atau permit masuk rakyat Afrika ke Malaysia memandangkan terlalu banyak kes jenayah seperti penyeludupan dadah, wang palsu, rompakan, aktiviti maksiat, penipuan dan sebagainya yang banyak melibatkan rakyat tersebut di Malaysia.**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada YB Kapit yang**

mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia merupakan sebuah negara yang mengalu-alukan kedatangan warganegara asing sama ada untuk tujuan bekerja ataupun melancong asalkan mereka tidak tergolong sebagai imigran larangan atau Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Ini adalah selaras dengan dasar-dasar negara seperti dasar menggalakkan pelancongan dan menjadikan negara hub pendidikan serantau.

Kerajaan, melalui Jabatan Imigresen Malaysia dan agensi-agensi penguat kuasa lain sentiasa komited dalam melaksanakan pemantauan, naziran serta operasi penguatkuasaan terhadap warganegara asing yang berada di negara ini agar mereka tidak menyalahgunakan kemudahan imigresen yang diberikan.

Sebagai langkah-langkah untuk membendung penyalahgunaan visa dan pas oleh warganegara asing, Kerajaan melaksanakan langkah-langkah pemantauan dan penguatkuasaan seperti berikut:

- i. mengawal kemasukan warganegara asing yang berisiko tinggi serta membuat semakan terperinci di pintu-pintu masuk negara sebagai penyaringan awal bagi memastikan hanya mereka yang benar-benar pelancong tulen dibenarkan memasuki Malaysia;

- ii. menjalankan operasi penguatkuasaan secara berterusan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM);
- iii. menjalankan operasi khas oleh pihak Polis Diraja Malaysia iaitu Ops Gagak sebagai usaha membendung penyalahgunaan pas oleh warga Afrika;
- iv. menjalankan operasi-operasi bersepadau oleh agensi-agensi penguat kuasa;
- v. meningkatkan kaedah penyaringan kemasukan warga asing di pintu-pintu masuk negara melalui kaedah pengambilan biometrik dalam *National Enforcement Registration (Biometric) System (NERS)* atau Sistem Penguatkuasaan dan Pendaftaran Warga Asing bermula pada 1 Jun 2011;
- vi. meningkatkan kecekapan untuk mengesan dan mengesahkan identiti serta status warga asing dari bermulanya kemasukan, pergerakan, keberadaan dan pelepasan dari negara ini; dan
- vii. menyimpan data biometrik PATI secara kekal bagi tujuan semakan untuk menjejak malah mengekang dan memantau kemasukan semula PATI.

SOAiJvto N0:101

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD**

**[SHAH ALAM]**

**TARIKH : 21 JUN 2011**

**SOALAN**

**TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD [ SHAH ALAM ] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah pihak Kementerian akan bertindak ke atas Peguam Negara berdasarkan laporan Dato' Mohd Zin mengenai peranan yang dimainkannya dalam kes melibatkan Dato<sup>1</sup> Seri Anwar Ibrahim.**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat Shah Alam, berhubung isu yang dibangkitkan, perkara ini telah pun diperjelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri pada 14 Disember 2010, Dewan Rakyat Parlimen Dua Belas Penggal Ketiga, Mesyuarat Ketiga yang lalu.**

**Ahli Panel Bebas yang terdiri daripada Datuk Abdul Kadir Sulaiman dan Datuk Wira Mohd. Noor Ahmad, mantan Hakim Mahkamah Persekutuan dan Datuk Mohd. Noor Abdullah, mantan Hakim**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

**Mahkamah Rayuan mendapati tiada kes ke atas Peguam Negara dengan majoriti 2 -1.**

**Sekian, terima kasih.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                  TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN**

**TARIKH                  21 JUN 2011 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN [PASIR PUTEH] minta PERDANA MENTERI menyatakan agensi yang bertanggungjawab memantau kehadiran bot dan nelayan asing di pelabuhan perikanan Tok Bali.**

**JAWAPAN**

**Y.B. DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Perdana Menteri telah mula melaksanakan operasi rondaan dan penguatkuasaan undang-undang maritim di perairan negara termasuk perairan Kelantan semenjak November 2005. Sehingga kini, jumlah keseluruhan tangkapan bot nelayan asing di perairan Malaysia berjumlah 477 buah yang mana tangkapan di perairan Kelantan sahaja berjumlah 115 buah. Bot nelayan Vietnam mendominasi tangkapan bot nelayan asing di perairan Kelantan iaitu sebanyak 95 kes sementara 20 kes melibatkan jumlah tangkapan bot nelayan Thailand. Bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan di laut, pemantauan udara oleh pesawat dan helikopter APMM juga dilaksanakan. Sesungguhnya APMM akan terus melaksanakan tugas yang diamanahkan Kerajaan bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan perairan maritim negara amnya dan perairan Kelantan khususnya bebas dari sebarang pencerobohan terutamanya dari bot nelayan asing demi kepentingan nelayan tempatan. APMM sentiasa membuat pemantaun sama ada kehadiran nelayan asing di Tok Bali mematuhi undang-undang Negara ini.

**Sekian, terima kasih.**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN LISAN PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO'NGEH KOO HAM**

**[BERUAS]**

**TARIKH : 21JUN 2011**

**SOALAN :**

Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan tahap pencemaran (berikan butir-butir) yang disebabkan oleh Jana kuasa Manjung (Jana kuasa Sultan Azlan Shah) di Teluk Rubiah, Manjung, Perak kepada kawasan persekitarannya.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Janakuasa Sultan Azlan Shah di Teluk Rubiah, Manjung mempunyai 3 unit turbin dengan kapasiti 700 MW setiap satu. Berdasarkan percontohan pelepasan dari cerobong-cerobong janakuasa tersebut setiap bulan pada tahun 2010 dan sukutahun pertama 2011 didapati ianya mematuhi standard-standard yang ditetapkan di bawah Peraturat-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978. Butiran pelepasan sulfur dioksida, total nitrogen, karbon monoksida dan habuk adalah seperti berikut:

P?Jepasan .Cer obong Tahun 2010

	<b>Unit 1 (mg/Nm<sup>3</sup>)</b>	<b>Unit 2 (mg/Nm<sup>3</sup>)</b>	<b>Unit 3 (mg/Nm<sup>3</sup>)</b>	<b>Standard Pelepasan (mg/Nm<sup>3</sup>)</b>
Sulfur dioksida	87.2	151.0	242.8	
Total Nitrogen	126.3	120.0	111.7	
Karbon monoksida	30.8	46.8	24.0	
Habuk	76.4	128.1	32.2	400

Pelepasari,Cerobong J^u^irMac 2011

	Unit 1 (mg/Nm <sup>3</sup> )	Unit 2 (mg/Nm <sup>3</sup> )	Unit 3 (mg/Nm <sup>3</sup> )	Standard Pelepasan (mg/Nm <sup>3</sup> )
Sulfur dioksida	449.3	971.0	926.3	
Total Nitrogen	190.7	134.0	159	
Karbon monoksida	2.0	1.0	1.0	
Habuk	3.4	8.1	69.4	400

Di samping itu, pengawasan ambien setiap bulan di 3 kawasan dipersekutaran janakuasa pada 2010 dan suku tahun pertama 2011 juga mendapati ianya mematuhi standard yang ditetapkan seperti berikut:

#### PS^&3w^j^.ambien 2010

	AQMS1 (ug/Nm <sup>3</sup> )	AQMS 2 (ug/Nm <sup>3</sup> )	AQMS 3 (ug/Nm <sup>3</sup> )	Standard Pelepasan (ug/Nm <sup>3</sup> )
Pepejal terampai	45.6	43.2	63.8	260
PM10	22.8	23.9	30.0	150
Nitrogen Dioksida	2.7	0	0	320
Sulfur Dioksida	0	0	0	105

AQMS1- Sekolah Menengah Teknik, Sri Manjung

AQMS 2- TNB Distribution Office, Sri Manjung

AQMS 3- Tapak Janakuasa Sultan Azlan Shah

Pengawasan ambien Janu^i-Mac 2011

	AQMS1 (ug/Nm <sup>3</sup> )	AQMS 2 (ug/Nm <sup>3</sup> )	AQMS 3 (ug/Nm <sup>3</sup> )	Standard Pelepasan (ug/Nm <sup>3</sup> )
Pepejal terampai	39.3	49.7	55.7	260
PM10	22.7	22.7	33.7	150
Nitrogen Dioksida	3.4	0	0	320
Sulfur Dioksida	0	0	0	105

AQMS 1- Sekolah Menengah Tenik, Sri Manjung

AQMS 2- TNB Distribution Office, Sri Manjung

AQMS 3- Tapak Janakuasa Sultan Azlan Shah

Sekian, terimakasih.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON**

**[ TANGGA BATU ]**

**TARIKH**

**21 JUN 2011 (SELASA)**

**SOALAN:**

**Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [ Tangga Batu ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah**

**Soalan No.: 104**

**peranan Kementerian bagi memantau filem - filem tahuul dan seram yang terlalu banyak disiarkan mahupun ditayangkan dalam industri perfileman negara pada masa kini.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan membenarkan filem-filem berunsurkan tahuul dan seram ditayangkan di negara ini memandangkan permintaan terhadap filem-filem tersebut amat memberangsangkan.**

**Tidak dinafikan sebagai menyokong usaha penambahbaikan kandungan tempatan, stesen televisyen juga ada menyiarkan rancangan berunsur seram tetapi ianya adalah dalam kadar yang minima dan dengan syarat kandungan tersebut mempunya unsur pengajaran yang berguna di pengakhiran cerita. Variasi program yang disiarkan ini menjelaskan bahawa adalah tidak benar bahawa cerita berunsur tahuul, seram atau hantu menjadi tayangan utama di stesen-stesen televisyen. Tambahan pula, jika ditelusuri filem-filem bercorak sedemikian tidak disiarkan pada waktu perdana atau kemuncak dan jumlah siarannya adalah terhad jika dibandingkan dengan kepelbagaian program lain yang telah disajikan kepada penonton.**

**Dalam memastikan kandungan yang ditayangkan oleh Pawagam dan stesen-stesen televisyen ini terkawal serta membawa kesan yang positif,**

**kesemua kandungan rancangan tersebut perlu melalui proses penapisan dari pihak Lembaga Penapisan Filem Malaysia (LPF) dan melalui proses penyuntingan dalaman yang teliti sebelum ianya boleh disiarkan di Pawagam atau stesen-stesen televisyen. Selain itu, pihak stesen televisyen juga perlu memastikan kesemua kandungan tersebut mematuhi peruntukan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998, mematuhi syarat-syarat lesen yang ditetapkan di bawahnya serta Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia.**

**SOALAN NO: 105**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID**

**TARIKH: 21JUN2010**

**SOALAN:**

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan kedudukan cuti umum 16 September yang diumumkan sebagai cuti, namun belum diwartakan serta tidak jelas.**

**PR-1242-L44327**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, cuti 16 September telah pun diwartakan di bawah seksyen 8 Akta Hari Kelepasan 1951. Manakala, berkenaan dengan pelaksanaan cuti ini di bawah Akta Kerja 1955, Kementerian Sumber Manusia sedang dalam proses meminda seksyen 60D akta tersebut sebagai salah satu cuti umum mandatori yang mesti diberikan oleh majikan kepada pekerjanya.

Pindaan ini dijangka akan dibentangkan di Parlimen dalam masa yang terdekat.

<m(13-28Jun 2011)/fMs...31.5.11/MduttakSani#44327

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH</b>
	<b>[JASIN]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>21 JUN 2011(SELASA)</b>
<b>SOALAN</b>	

**DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH [ JASIN ] minta PERDANA MENTERI**

menyatakan sejauh manakah Talent Corporation yakin terhadap status Asia sebagai pemacu ekonomi serta langkah Kerajaan meletakkan sektor swasta selaku penggerak ekonomi negara mampu menarik diaspora (pakar profesional tempatan yang berkhidmat di luar negara) untuk kembali berkhidmat di negara ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Menurut laporan Asia 2050 : Realizing the Asian Century oleh Asian Development Bank (ADB), “Asia’s rapid growth implies that by 2050 it could converge with average global living standards”. Menurut laporan tersebut juga, rantau Asia bakal menjadi kuasa ekonomi dan Malaysia khususnya berpotensi menjadi salah sebuah daripada tujuh negara yang dikatakan akan bangkit sebagai kuasa besar ekonomi di rantau Asia sebelum tahun 2050. Dengan semestinya akan menerima kesan positif kerana lokasinya yang strategik berada diantara negara India, China dan Indonesia.

Seperti mana yang telah dilakarkan melalui program transformasi ekonomi, sektor swasta berpotensi memainkan peranan pemacu utama ekonomi negara. Menurut YAB Perdana Menteri Kerajaan akan bertindak sebagai ‘enabler’, menerusi pelaksanaan pelbagai galakan serta insentif bagi membolehkan sektor swasta menjadi enjin pertumbuhan ekonomi negara. Seterusnya, ia akan mendorong kemasukan pelaburan yang besar dalam sektor-sektor utama. Ini pula semestinya akan menjana peluang ekonomi yang menarik terutamanya kepada individu berkepakaran tinggi Malaysia yang berada di luar negara.

Bagi tujuan tersebut, TalentCorp yang telah ditubuhkan pada Januari 2011 untuk memberi fokus kepada usaha menarik balik modal insan Malaysia yang berkepakaran tinggi akan

**SOALAN NO.: /G^**

bekerjasama dengan sektor swasta untuk meningkatkan tahap kesedaran Diaspora Malaysia terhadap peluang kerjaya yang semakin kompetitif dan kualiti hidup yang semakin bagi rakyat Malaysia yang berada di Malaysia dan yang berada di luar Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK**

**KAWASAN RASAH**

**TARIKH : 21 JUN 2011 (SELASA)**

**SOALAN:**

**SOALAN NO.: /G^**

**Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK (RASAH) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menurunkan kadar tol di Plaza Tol Ampangan Lebuh Raya Kajang Seremban (LEKAS) yang terlalu tinggi pada RM1.90 ketika ini.**

**Tuan Yang Di-Pertua;**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 2 jenis sistem kutipan tol yang dilaksanakan di Lebuh Raya Kajang - Seremban (LEKAS), iaitu sistem tol terbuka dan sistem tol tertutup.**

**Untuk sistem tol terbuka di LEKAS - iaitu di Plaza Tol Ampangan - kadar tol yang telah ditetapkan sebagaimana Perjanjian Konsesi ialah sebanyak 16.4 sen/km. Jarak perjalanan yang diambil kira bermula dari Persimpangan Bertingkat Setul ke Persimpangan Paroi sepanjang 11.6 kilometer, iaitu**

bersamaan dengan kadar tol sebanyak RM1.90. Kadar tersebut adalah dalam lingkungan kadar tol sistem terbuka di lebuh raya-lebuh raya lain yang sedang beroperasi seperti Lebuh Raya Cheras - Kajang (GRANDSAGA), iaitu 16.2 sen/km. dan Lebuh Raya Seremban - Port Dickson (SPDH) sebanyak 17.62 sen/km.

Sehubungan itu, Kerajaan berpandangan bahawa kadar tol di Lebuh Raya LEKAS ini adalah berpatutan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat konsesi lebuh raya berkenaan. Ini kerana Kerajaan sememangnya telah mengambil kira faktor-faktor yang berkaitan dengan daya maju projek ini, seperti unjuran trafik, tempoh konsesi dan ***Internal Rate of Return (IRR)*** sebelum memutuskan kadar tol yang munasabah dalam perjanjian konsesi.

Namun demikian

Kerajaan, Kerajaan sentiasa berbincang dari masa ke semasa dengan syarikat-syarikat konsesi lebuh raya bertol bagi mencari jalan dan kaedah terbaik untuk meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh pengguna lebuh raya di negara ini. Ini termasuk melaksanakan pelbagai insentif, seperti dasar pemberian rebat 20% kepada para pengguna lebuh raya yang membayar tol melebihi 80 kali sebulan dengan menggunakan Touch N<sup>1</sup> Go dan Smart Tag di semua lebuh raya yang sedang beroperasi.

Sekian. Terima kasih.

**SOALAN NO.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. DR. HIEW KING CHEU</b>
<b>KAWASAN</b>	<b>KOTA KINABALU 21 JUN</b>
<b>TARIKH</b>	<b>2011 (SELASA)</b>

**SOALAN:**

Y.B. DR. HIEW KING CHEU (KOTA KINABALU) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan mengenai kemungkinan apakah sebuah jabatan barn iaitu "Jabatan Jalan Raya" yang akan ditubuhkan untuk memperbaiki sistem jalan raya majlis-majlis, negeri atau persekutuan dan juga jalan raya swasta di Sabah untuk membetulkan kekeliruan dan gangguan bidang kuasa dan pembaikan.

## JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan setakat ini tidak berhasrat untuk menubuhkan sebuah jabatan khusus yang baru untuk memantau dan mengawal selia sektor perkhidmatan jalan raya di negara ini.

Ini kerana fungsi dan tanggungjawab tersebut sememangnya telah sedia dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan, seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri, Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk Jalan Raya Bertol dan Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan untuk Jalan Perbandaran. Di samping itu, terdapat juga, agensi-agensi Kerajaan lain yang turut terlibat membina jalan raya seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah (Jalan Luar Bandar), Kementerian Pertahanan (Program Jiwa Murni) dan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) untuk kategori Jalan dalam Kawasan Perindustrian.

Sehubungan itu, cadangan untuk mewujudkan sebuah jabatan khusus bagi sektor jalan raya di negara ini atau di Sabah khususnya, akan menimbulkan isu pertindihan dari segi fungsi, bidang kuasa dan perundangan dengan agensi-agensi Kerajaan yang sedia ada. Walaupun terdapat pelbagai agensi Kerajaan yang terlibat, namun Kerajaan sentiasa memantau dan menyelaras isu-isu yang berkaitan

perkara ini menerusi pelbagai platform seperti Mesyuarat Majlis Fizikal Negara dan Majlis Tindakan Negara/Negeri/Daerah. Di samping itu, Kementerian Kerja Raya juga sebagai agensi utama Kerajaan dalam sektor ini sentiasa memainkan peranan dengan mengadakan perbincangan bersama agensi-agensi yang terlibat dari masa ke semasa.

Sekian. Terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>JAWAB LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATO' SERI ONG KA CHUAN</b>
<b>TARIKH</b>	<b>21 JUN 2011 (SELASA)</b>
<b>SOALAN</b>	<b>Dato' Seri Ong Ka Chuang [ NO: 100 ] minta MENTERI</b>
<b>PENGAJIAN TINGGI menyatakan :</b>	

- (a) bilangan program yang ditawarkan di Politeknik Sultan Azlan Shah, Tanjung Malim, Perak dan enrolmen pelajar mengikut program; dan
- (b) adakah perancangan Kementerian untuk menyediakan kemudahan yang lebih kondusif seperti asrama dan sistem pengangkutan yang mencukupi untuk pelajar-pelajar. Memandangkan kadar kemalangan jalan raya telah meningkat yang melibatkan pelajar-pelajar dari Politeknik yang berkenaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada sesi pengajian Januari 2011, sebanyak 23 program pengajian peringkat diploma dan sijil dijalankan di Politeknik Sultan Azlan Shah, Tanjung Malim, Perak dengan enrolmen pelajar seramai 4,734 orang.

Bidang pengajian yang ditawarkan adalah Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan, Ukur Bahan, Kejuruteraan Elektronik Perhubungan, Kejuruteraan Elektronik Komunikasi, Kejuruteraan Elektronik Komputer, Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Reka Bentuk Dan Pembuatan Automotif, Kejuruteraan Mekanikal Automotif, Kejuruteraan Mekanikal Pembuatan, Kejuruteraan Mekatronik, Akauntansi, Pemasaran, Pengajian Perniagaan Dan Pengurusan Peruncitan.

- (b) Pada masa ini, Politeknik Sultan Azlan Shah telah mempunyai kemudahan asrama yang dapat menampung penghuni seramai 1,400 pelajar. Selebihnya, para pelajar menyewa rumah penginapan di kawasan perumahan berdekatan terutamanya di bandar Behrang 2020 dan Slim River. Kerajaan akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kapasiti kemudahan asrama dari semasa ke semasa bergantung kepada kemampuan kewangan Kerajaan. Namun, bagi memastikan kemudahan pelajar berulang alik untuk menghadiri aktiviti pengajian tidak terjejas, Politeknik Sultan Azlan Shah telah berkolaborasi dengan pengusaha kenderaan awam tempatan seperti MARA Liner dan Mega untuk menyediakan perkhidmatan bas dari Bandar Behrang 2020 dan Slim River ke Politeknik Sultan Azlan Shah. Sistem pengangkutan awam yang disediakan telah banyak membantu para pelajar untuk menghadiri kuliah dengan selesa. Pihak Politeknik Sultan Azlan Shah juga telah berkerjasama dengan Polis DiRaja Malaysia untuk memberi taklimat kesedaran keselamatan jalan raya pada setiap semester pengajian bagi memastikan para pelajar mematuhi peraturan lalu lintas dan seterusnya mengurangkan bilangan kes kemalangan jalan raya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**YB. DATO' IBRAHIM BIN ALI  
[PASIR MAS]**

**TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT**

**21.06.2011 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah pihak Kementerian bercadang untuk campur tangan secara langsung bagi membantu masalah air yang dihadapi oleh rakyat Kelantan yang sudah sampai ke tahap kritikal, di mana Kerajaan Negeri, jelas gagal menanganinya, demi kesejahteraan kehidupan rakyat Kelantan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan menyedari bahawa perkhidmatan bekalan air di negeri Kelantan menghadapi beberapa masalah seperti tekanan air rendah, kualiti air yang rendah dibekalkan kepada pengguna dan juga rezab bekalan air yang semakin menurun disebabkan peningkatan permintaan. Masalah ini berlaku disebabkan Syarikat Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) tidak mempunyai peruntukan perbelanjaan modal yang mencukupi untuk melaksanakan kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf loji-loji sedia ada dan sistem paip retikulasi usang bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan bekalan air kepada pengguna.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Persekutuan telah mengemukakan cadangan skim penstruktur semula industri perkhidmatan bekalan air negeri Kelantan kepada Kerajaan Negeri bertujuan bagi mewujudkan perkhidmatan bekalan air yang mampan, berdaya maju dan holistik seperti mana yang telah dilaksanakan di negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis dan baru-baru ini di Pulau Pinang. Namun begitu, pihak Kerajaan Negeri masih belum memberikan keputusan terhadap cadangan yang dikemukakan Kerajaan Persekutuan ini. Tuan Yang Dipertua,

Besarlah harapan Kementerian agar Kerajaan Negeri Kelantan dapat memberi perhatian serius untuk menangani masalah bekalan air yang dihadapi ini dan seterusnya bersetuju dengan cadangan penstruktur semula industri perkhidmatan bekalan air negeri Kelantan bagi memastikan rakyat Kelantan dapat menikmati bekalan air yang berkualiti, mencukupi dan berterusan.

\*\*\*\*\*

**PERTANYAAN  
DARIPADA  
TARIKH**

**LISAN**  
**DATUK RAIME BIN UNGGI (**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**TENOM, 22/6/2011 (SELASA)**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**NO. SOALAN : 111**

DATUK RAIME BIN UNGGI ( TENOM ) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan jumlah kedai runcit yang dinaik taraf menerusi Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) yang dilaksanakan Januari 2011 lalu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Program Transformasi Kedai Runcit atau TUKAR bertujuan untuk memodenkan kedai runcit tradisional sedia ada bagi meningkatkan tahap daya saing dalam persekitaran perniagaan peruncitan yang kompetitif. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama hypermarket tempatan dan asing sebagai tanggungjawab soial syarikat terbabit membangunkan peruncit-peruncit tempatan. Elemen- elemen yang diterapkan dalam program transformasi ini ialah perubahan fizikal kedai, peralatan dan mesin terutamanya memperkenalkan point of sale (POS) system dan latihan kepada peruncit berkaitan dengan pengurusan kedai yang lebih sistematik.

Pada tahun 2011, kerajaan memasarkan sebanyak 500 buah kedai runcit dimodenkan. Sehingga 1 Jun 2011, sebanyak 43 buah kedai runcit telah berjaya dimodenkan manakala 457 buah kedai lagi dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Pecahan jumlah kedai runcit yang telah dimodenkan mengikut bulan bagi tahun 2011 adalah seperti berikut:

Bulan	Jumlah Kedai Dimodenkan
Februari	5
Mac	10
April	13
Mei	15

Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima daripada peruncit yang menyertai program ini dan pemantauan oleh pihak pasar raya besar, semua kedai runcit yang dimodenkan telah mengalami peningkatan jualan yang amat memberangsangkan dengan purata jualan meningkat di antara 20% ke 30%. Perkara ini sejajar dengan matlamat projek antaranya adalah bagi meningkatkan jualan kedai runcit berkenaan dan dalam masa yang sama mereka juga dapat meningkatkan pengetahuan dalam pengurusan kedai runcit yang lebih sistematik.



**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**LISAN**

**PERTANYAAN DARI**

**YB. DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED  
HASHIM [ BAYAN BARU ]**

**SELASA, 21 JUN 2011**

**TARIKH RUJUKAN 09 [PR-1242-L433901]**

**SOALAN**

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan sama ada satu kajian terperinci untuk mengkaji masalah kemiskinan di bandar, supaya tindakan yang sesuai dan berkesan dapat dilaksanakan untuk membantu warga kota.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar menyambut baik cadangan untuk menjalankan kajian terperinci mengenai masalah kemiskinan di bandar.

Namun, adalah dimaklumkan bahawa satu kajian terhadap keberkesanan bantuan-bantuan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) telah pun dilaksanakan pada tahun 2008. Berdasarkan kajian-kajian akademik,



kemiskinan berlaku disebabkan oleh ketidak-cukupan wang untuk berbelanja. Keadaan ini terjadi apabila isi rumah tidak mempunyai pekerjaan yang menyebabkan isi rumah tidak mempunyai sumber pendapatan yang kukuh.

Hasil kajian ini akan diambil kira dalam perancangan bantuan dan projek yang dilaksanakan di bawah PPKB Kementerian ini untuk tahun-tahun seterusnya.

Sejak dari tahun 2011, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar turut memberi penekanan kepada program latihan kemahiran dan keusahawanan di mana peserta-peserta program bukan sahaja diberi kemahiran dan pengetahuan mengenai keusahawanan, tetapi turut dibantu dengan bantuan peralatan perniagaan. Melalui program latihan kemahiran, Kementerian ini mensasarkan agar peserta-peserta akan mempunyai peluang yang lebih baik untuk mendapat pekerjaan atau menjalankan aktiviti perniagaan bagi meningkatkan pendapatan isi rumah.

Seterusnya, Kementerian ini juga merancang untuk menggunakan kajian impak terhadap program latihan kemahiran dan keusahawanan yang dilaksanakan. Hasil kajian ini akan membolehkan Kementerian merancang penambahbaikan terhadap program-program latihan yang diadakan supaya penerima-penerima bantuan boleh mendapat manfaat sepenuhnya.

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN  
DARI PAD A  
T ARIKH  
SOALAN**

**JAWAPAN**

**LISAN**

Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam)

21 Jun 2011 (Selasa)

Tuan Liang Teck Meng minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan kedudukan penanaman padi ekoran daripada krisis makanan bermula pada tahun 2008.

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Ekoran daripada krisis harga dan bekalan makanan yang berlaku pada tahun 2008, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa subsidi dan insentif bagi membantu meningkatkan pengeluaran padi dan pendapatan pesawah serta memastikan bekalan beras mencukupi di pasaran.

Pengeluaran padi negara telah mencatatkan peningkatan dengan jumlah pengeluaran padi sebanyak 2.35 juta tan metrik pada tahun 2008 kepada 2.55 juta tan metrik pada tahun 2010. Tahap Sara Diri (SSL) dalam pengeluaran beras juga menunjukkan peningkatan iaitu daripada 70.2% pada tahun 2008 kepada 71.4% pada tahun 2010.

Kerajaan telah menetapkan SSL bagi beras berada pada tahap 70% untuk tempoh 10 tahun akan datang. Walau bagaimanapun, dengan mengambil kira faktor jaminan bekalan makanan dan perubahan iklim, Kementerian sedang merangka strategi ke arah pencapaian SSL 100% bagi mengurangkan kebergantungan kepada import.



SOALAN ( 114 )

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYA	LISAN
AN TARIKH	21 JUN2011 (SELASA)
DARI PADA	DATUK WEE JECK SENG [ TANJONG PIAI ]

SOALAN

DATUK WEE JECK SENG [ TANJONG PIAI ] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan bilakah tapak pelupusan sampah di Pekan Nenas akan ditutup secara mutlak tanpa ada

lagi aktiviti pelupusan sampah dilakukan di tapak berkenaan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan perancangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), tapak pelupusan sisa pepejal sedia ada di Pekan Nenas akan ditutup selamat pada akhir tahun 2013.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2011

**SOALAN NO. 115**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARI PAD A**

**TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR**

**[JERAI]**

**TARIKH**

**21 JUN 2011**

## **SOALAN**

**TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR [JERAI]** minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah yang dibelanjakan mengikut Kementerian bagi melaksanakan program-program Kerajaan di DUN Merlimau dan DUN Kerdau bagi tempoh Februari hingga Mac 2011 dan nyatakan apakah jumlah perbelanjaan itu terkandung di dalam Bajet.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Sepanjang tempoh Februari hingga Mac 2011, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak **RM35.36** juta bagi melaksanakan **268** program/projek di sekitar kawasan DUN Merlimau. Pecahan peruntukan mengikut kementerian/agensi adalah seperti berikut:

BIL.	KEMENTERIAN / AGENSI / JABATAN	JUMLAH	
		BIL.	NILAI (RM)
1	PERUNTUKAN KHAS YAB PERDANA MENTERI (ICU JPM)	46	13,806,454.00
2	PERUNTUKAN KEMENTERIAN KEWANGAN (PIA/PIAS)	168	7,784,300.00
3	JABATAN KERJA RAYA	7	9,600,000.00
4	JABATAN PENGAIKAN DAN SALIRAN	11	264,510.00
5	MAJLIS PERBANDARAN JASIN	19	2,930,000.00

6	MARDI	1	25,000.00
7	LEMBAGA GETAH MALAYSIA	3	40,269.40
8	JABATAN PELAJARAN MELAKA	13	910,000.00
<b>JUMLAH</b>		<b>268</b>	<b>35,360,533.40</b>

Bagi kawasan DUN Kerdau pula, sebanyak **RM41.12** juta telah dibelanjakan bagi melaksanakan **217** program/projek. Pecahan peruntukan mengikut kementerian/agensi adalah seperti berikut:

BIL.	KEMENTERIAN / AGENSI / JABATAN	JUMLAH	
		BIL.	NILAI (RM)
1	PERUNTUKAN KHAS YAB PERDANA MENTERI (ICU JPM)	94	24,364,800.00
2	PERUNTUKAN KEMENTERIAN KEWANGAN (PIA/PIAS)	72	5,182,000.00
3	KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR)	14	2,100,000.00
4	KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH (KKLW)	20	7,453,000.00
5	MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH (MPT)	2	15,800.00
6	MAJLIS PERBANDARAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR (ECERDC)	15	2,000,000.00
<b>JUMLAH</b>		<b>217</b>	<b>41,115,600.00</b>

Perbelanjaan bagi program/projek berkenaan telah dirancang lebih awal dan termasuk dalam bajet kementerian/agensi berkenaan sedia ada.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARI PAD A : Y.B. PUAN TEO NIE CHING

: [SERDANG]

SOALAN NO: 4^0

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21/06/2011

## SOALAN

Y.B. PUAN TEO NIE CHING [ SERDANG ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan kesan pemansuhan subsidi diesel khas (SKDS) untuk semua industri (melainkan bas ekspress, bomba dan kereta mayat) terhadap ekonomi dan inflasi, terutamanya kesan terhadap bidang pengangkutan.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM23.7 bilion atau 14.6% daripada perbelanjaan mengurus bagi jumlah keseluruhan subsidi untuk tahun 2011. Pecahan terperinci perbelanjaan tahunan subsidi mulai tahun 1999 hingga 2011 adalah seperti berikut (*sila lihat Lampiran 1*)■

Kenaikan harga komoditi utama dunia termasuk minyak mentah dan minyak sawit mempunyai kesan kepada kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan berikutan ia merupakan antara komponen terbesar dalam perbelanjaan subsidi. Sehubungan itu, Kerajaan telah mengapungkar secara terkawal harga runcit petrol RON97 supaya ia selaras dengan harga minyak mentah di pasaran dunia. Selain itu, untuk mengekalkan harga runcit RON95, Kerajaan juga terpaksa menambah peruntukan bagi subsidi petroleum, diesel dan LPG sebanyak RM5.6 bilion daripada RM10.3 bilion kepada RM15.9 bilion bagi tahun 2011. Peruntukan bagi subsidi minyak masak di bawah Skim Penstabilan Harga Minyak Masak juga ditambah sebanyak RM700 juta daripada RM928 juta kepada RM1.6 bilion bagi tahun 2011.

Pada bulan Mei 2011, subsidi gula telah dikurangkan 20 sen yang dijangka memberi penjimatan sebanyak RM117 juta. Walau bagaimanapun, Kerajaan masih lagi menanggung subsidi gula sebanyak RM283 juta. Selain itu, pemansuhan diesel super subsidi bagi pengangkutan darat tertentu seperti penggerak utama (*prime mover*), kargo am dan teksi limosin serta nelayan laut dalam (zon C2) mulai 1 Jun 2011 dijangka menghasilkan penjimatan sebanyak RM712 juta.

Langkah rasionalisasi subsidi adalah perlu dalam usaha untuk memastikan peruntukan sumber yang lebih cekap, mengurangkan herotan pasaran dan aktiviti penyeludupan serta meringankan beban fiskal Kerajaan. Subsidi ke atas barang dan perkhidmatan mendorong penggunaan secara berlebihan. Malahan, industri tidak mempunyai dorongan untuk menambah baik dan mempertingkatkan produktiviti memandangkan kos input diberi subsidi. Kesan subsidi yang tidak diingini

telah menjurus kepada peruntukan sumber yang tidak optimal, memberi kesan ke atas kecekapan pasaran dan persaingan serta membataskar potensi pertumbuhan ekonomi dalam jangka masa panjang. Sehubungan itu, apabila subsidi tidak menepati kumpulan sasaran, sejumlah besai dana awam tidak dapat disalurkan kepada program yang memberi faedah kepada rakyat. Rasionalisasi subsidi ini akan dilaksanakan secars teliti dan beransur-ansur agar ia memberi kesan yang minimum kepads pengguna dan perniagaan serta mengekang tekanan inflasi.

Kerajaan telah mengambil pelbagai usaha untuk membantu golongan yang mudah terjejas bagi mengurangkan beban kenaikan harga barang. Antara langkah yang diambil termasuk:

Meneruskan pemberian subsidi bagi petrol RON 95, diesel dan LPG serta barang makanan seperti beras ST15%, gula dan tepung gandum;

Menyeragamkan harga bagi Semenanjung, Sabah dan Sarawak bagi harga keperluan asas seperti beras, tepung gandum, gula dan gas masak. Bagi tahun ini, peruntukan sebanyak RM200 juta telah diluluskan di bawah Program Pengedaran Barang Perlu seperti beras, minyak masak, gula, tepung, gas, petrol dan diesel bagi menyeragamkan harga barang di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak serta kawasan tertentu di Semenanjung Malaysia;

Meningkatkan penguatkuasaan ke atas kawalan harga dan bekalan barang yang dikawal supaya para peniaga tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga. Sehubungan ini, Kerajaan telah menggubal Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2010 yang berkuat kuasa pada 1 April 2011. Akta ini

merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan mengekang syarikat atau individu menjual barang atau menawarkan perkhidmatan pada harga lebih tinggi daripada harga pasaran secara melampau;

Memantau bekalan barang keperluan supaya tidak berlaku kekurangan penawaran yang boleh memberi kesan kepada harga;

Memansuhkan duti import ke atas beberapa jenis barang makanan;

Memperuntukkan sebanyak RM974 juta sebagai pemberian subsidi harga padi, baja dan benih padi, RM230 juta untuk intensif pengeluaran dan peningkatan hasil padi serta RM170 juta bagi insentif hasil tangkapan ikan bagi tujuan meningkatkan pengeluaran makanan;

Memperuntukkan sebanyak RM235 juta bagi meningkatkan pengeluaran padi di Kawasan Pembangunan Pertanian Muda (MADA) dan kawasan lain dengan menaik taraf sistem pengairan dan penggunaan benih padi bermutu tinggi;

Mewujudkan portal interaktif “1 Malaysia Pengguna Bijak” bagi memudahkan rakyat mengikuti perkembangan harga terkini barang, meliputi hampir 7 ribu premis perniagaan seluruh negara;

Melanjutkan galakan potongan cukai pendapatan bagi pelabur dan pengecualian cukai pendapatan bagi syarikat yang menjalankan aktiviti pengeluaran bahan makanan selama 5 tahun sehingga 2015;

Siling kelayakan untuk golongan kurang upaya dinaikkan daripada pendapatan RM750 sebulan kepada RM1,200 sebulan dan siling pendapatan untuk isi rumah miskin menerima bantuan

dinaikkan daripada RM400 sebulan kepada RM700 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memantau pergerakan dan perkembanggar harga terkini dan mengambil langkah-langkah yang perlu supaya ia tidak menjelaskan kehidupan harian rakyat terutama golongan mudah terjejas.

**Jumlah Perbelanjaan Sebenar Subsidi (RM juta)**  
**1999-2011**

Komponen	1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011 <sup>b</sup>
Gas petroleum cecair (LPG), diesel dan petrol	458	3,170	2,881	1,651	1,006	3,343	10,984	7,558	7,473	17,55	6,190	9,605	10,256
Bantuan pendidikan <sup>1</sup>	396	455	635	477	709	921	982	1,018	1,176	8,974	6,698	5,987	6,756
Bantuan kebajikan lain <sup>2</sup>			7	9	11	12	14	12	15	37	1,605	2,376	1,879
Subsidi perbezaan kadarfaedah dan elektrik		353	38	795		519	628	522	741	815	1,085	1,367	1,581
Padi, beras, gula dan tepung	519	546	566	531	580	635	626	841	709	1,266	2,138	1,927	1,572
Skim penstabilan harga minyak masak										438		828	928
Insentif <sup>3</sup>										155	1,943	1,091	524
Lain-lain <sup>4</sup>	29	300	426	214	374	366	153	161	212	4,137	1,538	493	331
<b>Jumlah</b>	<b>1,402</b>	<b>4,824</b>	<b>4,553</b>	<b>3,677</b>	<b>2,680</b>	<b>5,796</b>	<b>13,38</b>	<b>10,112</b>	<b>10,481</b>	<b>35,16</b>	<b>20,345</b>	<b>23,107</b>	<b>23,704</b>

<sup>1</sup> Daripada tahun 2008, biasiswa dan bantuan pelajaran diklasifikasikan di bawah subsidi.

<sup>2</sup> Termasuk bantuan kepada golongan miskin, warga emas, Orang Asli, orang kelainan upaya dan golongan mudah terjejas. <sup>3</sup> Insentif untuk membantu petani, nelayan dan penternak bagi meningkatkan pengeluaran makanan.

<sup>4</sup> Termasuk rebat tunai dan lain-lain.

<sup>b</sup> Bajet 2011

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B. TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING (KULAI)

21.06.2011

TARIKH

SOALAN:

Y.B. TAN SRI DATO<sup>1</sup> SERI ONG KA TING [ KULAI ] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah projek-projek pembangunan dan penyelenggaraan sekolah rendah ketiga-tiga aliran di kawasan Parlimen Kulai bagi tahun 2011 dan 2012.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Terdapat dua projek pembangunan di kawasan Parlimen Kulai iaitu satu projek bagi aliran sekolah kebangsaan (dilaksanakan oleh JKR) dan satu lagi projek bagi aliran sekolah jenis kebangsaan cina. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

**1. Sekolah Kebangsaan**

Nama Projek	Catatan
Pembinaan blok tambahan 12 bilik darjah diisiap pada Februari 2011 Sekolah Kebangsaan (Felda) Bukit Permai, Johor	

**2. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina**

Nama Projek	Catatan
Pembinaan bangunan baru 30 bilik darjah dan kemudahan lain di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kulai 2	Dalam pembinaan dijangka siap pada tahun 2011 ini.

NO. SOALAN: 118

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA              Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]

TARIKH              21 JUN 2011

SOALAN:

Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah bentuk rancangan pembangunan semula tanah setinggan Jalan Peel / Jalan Nakhoda Yusof dan tanah bekas Kuarters Kerajaan di Jalan Peel dan Jalan Cochrane, jumlah keluarga yang dipindahkan dan tempatnya dan apakah perancangan supaya kawasan tersebut tidak menimbulkan kesesakan yang lazim berlaku di tempat lain.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pembangunan keseluruhan di kawasan tanah setinggan (milik Kerajaan Persekutuan) di Jalan Peel / Jalan Nakhoda Yusof dan tanah Kuarters Kerajaan di Jalan Peel / Jalan Cochrane dicadangkan secara pembangunan bercampur, yang terdiri daripada kawasan komersil dan kawasan kediaman. Kawasan tanah keseluruhan yang terlibat akan dibahagikan kepada tiga (3) plot iaitu

kompleks perniagaan (di Plot A), kediaman bercampur (di Plot B), dan penempatan semula Pusat Kecemerlangan Sukan Cochrane dan Kuarters Kerajaan (di Plot C). Lokasi asal Pusat Kecemerlangan Sukan Cochrane ini ialah di Plot A. Manakala jumlah Kuarters Kerajaan lama yang terlibat pada ketiga-tiga plot tersebut ialah 538 unit Kelas F dan Kelas G, yang akan diambil kira jumlahnya pada pembangunan Kuarters Kerajaan baru yang dimaksudkan di Plot C, dengan nilai *density* pembinaannya telah dinaikkan daripada 80 unit per ekar kepada 100 unit per ekar.

Pembangunan di Plot-plot berkenaan akan melibatkan kira-kira 30 buah keluarga setinggan yang akan ditempatkan di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Bukit Jalil 1, dan tertakluk kepada penyerahan PPR tersebut oleh pemaju kepada Kerajaan Persekutuan yang dijangka dilaksanakan seawal Ogos 2011. Manakala semua 538 keluarga penghuni Kuarters Kerajaan di ketiga-tiga Plot sedang dalam proses perpindahan keluar secara berperingkat dalam tempoh Mac hingga Jun 2011, sama ada terus berpindah keluar, berpindah ke Kuarters Kerajaan di lokasi lain, mendiami PPR berdekatan dan sebagainya.

Bagi rancangan pembangunan di Plot A dan Plot B, pihak pemaju telah bersedia untuk membangunkan tanah berkenaan dan sedang memuktamadkan proses perjanjian jual-beli dengan Kerajaan. Manakala rancangan pembangunan di Plot C oleh pemaju untuk Pusat Kecemerlangan Sukan Cochrane dan Kuarters Kerajaan yang baru sedang dimuktamadkan oleh pihak Kementerian Kewangan, dan turut tertakluk kepada perbincangan di antara pemaju dan agensi pengguna.

Bagi tujuan pembangunan di atas, langkah yang sewajarnya akan diambil kira dalam proses perancangan pembangunannya, dan turut mengambil kira aspek aliran trafik, selaras dengan Peraturan dan Garis Panduan sedia ada oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Selain itu, rancangan Projek *Mass Rapid Transit* (MRT) Lembah Kelang (Jajaran Sungai Buloh - Kajang) juga dilihat mampu menyokong penyuraian aliran trafik di kawasan tersebut, melalui Stesen Cochrane dan Stesen Maluri.

Sekian. Terima kasih.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [ Parit Buntar ]

**TARIKH**

**21 JUN 2011**

**SOALAN:**

**Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan tindakan yang diambil dari kesalahan siber dari sudut penguatkuasaan undang-undang kepada pesalah, berapakah kes yang telah diambil tindakan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) bersama-sama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memantau dan mengambil tindakan undang-undang di bawah seksyen 211 dan 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588), dimana tindakan boleh diambil terhadap individu yang menyalahgunakan Internet dan khidmat telefon bimbit sebagai platform bagi menyebarkan kandungan yang bersifat luah, sumbang, palsu, mengancam atau yang jelik. Jika disabitkan kesalahan, individu boleh

didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit (RM50,000) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali.

Selain daripada memberi amaran kepada pemilik blog ataupun menyiasat kes tersebut di bawah Akta 599 bagi suspek dalam negara, pihak SKMM juga mengambil tindakan membuat laporan penyalahgunaan kepada hos laman web ataupun meminta pihak pemberi perkhidmatan Internet (ISP) untuk menyekat akses kepada laman-laman web di bawah Seksyen 263(2), terutamanya yang berbentuk “phishing”, penipuan, pelaburan haram, pornografi blog-blog yang menyiarkan laporan berunsurkan perkauman dan menyentuh soal sensitiviti.

Sepanjang tahun 2010 hingga Mei 2011, sebanyak 2,286 laman web telah diambil tindakan, iaitu 1710 disekat, 240 diberi amaran dan 336 dilaporkan kepada pemilik hos mengenai kesalahan yang dilakukan oleh pemilik laman web.

SKMM juga telah mengambil tindakan ke atas 26 kes yang melibatkan penghinaan terhadap institusi Raja, lucah, hasutan dan lain-lain kes yang berkepentingan awam. Daripada jumlah tersebut sebanyak 11 kes telah dituduh di mahkamah, 1 kes dikenakan tindakan kompaun, 8 kes diputuskan tiada tindakan lanjut (NFA) oleh Jabatan Peguam Negara, dan 6 kes masih dalam siasatan.

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN MASIR ANAK KUJAT

TARIKH: 21JUN2010

SOALAN:

**Tuan Masir Anak Kujat [ Sri Aman ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian terhadap syarikat pekerjaan swasta untuk membendung masalah rakyat kita yang terperangkap di luar negara.

PR-1242-L43184

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Agensi Pekerjaan Swasta yang ingin melakukan penghantaran pekerja Malaysia ke luar negara perlu mendapatkan kebenaran atau endorse terlebih dahulu daripada Jabatan Tenaga Kerja (JTK). Mereka perlu menyatakan dengan jelas nombor lesen agensi pekerjaan mereka serta maklumat yang lengkap mengenai kekosongan jawatan yang ditawarkan seperti jumlah kekosongan dan syarat-syarat kelayakan yang perlu.



2. Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) telah mengambil tindakan pendakwaan terhadap satu (1) agensi pekerjaan swasta (APS) yang melanggar **Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981** dan agensi berkenaan telah dikenakan hukuman denda RM500.00 bagi setiap pengarah syarikat.

3. Bagi JTK Sarawak, dari tahun 2008 sehingga sekarang, tindakan pendakwaan telah dibuat terhadap 4 APS yang melanggar Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 di mana sebuah APS adalah tidak mendapat lesen daripada Ketua Pengarah Tenaga Kerja sebelum beroperasi manakala 3 APS lagi adalah tidak mempunyai lesen edorsan sebelum menghantar pekerja ke luar negara. Keempat - empat syarikat tersebut telah mengaku salah dan Mahkamah menjatuhkan hukuman denda berjumlah RM 8,500.00.

4. Manakala di Sabah Pula, JTK Sabah telah mengambil tindakan pendakwaan terhadap 2 APS yang tidak berdaftar dan telah dijatuhkan hukuman denda.

Tuan Yang Di Pertua,

5. Pendekatan yang diambil oleh JTK adalah lebih kepada mengelakkan masalah rakyat yang terperangkap di luar negara berlaku dengan memberi pendidikan awal dan khidmat nasihat sebelum pekerja hendak bekerja di luar negara. Antara langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

a. Mengadakan Program Kesedaran Masalah Pekerja yang terperangkap di luar negara melalui Ceramah-ceramah kepada Pelajar-pelajar Sekolah Menengah, menjemput Ketua-ketua

Kampung, Pemimpin Masyarakat semasa Program 3P dijalankan dan ke sekolah-sekolah di luar daerah.

- b. Memasukkan ke dalam teks ucapan ADUN dan Pemimpin yang merasmikan Program Jabatan Tenaga Kerja agar maklumat sampai kepada pengunjung dan peserta yang hadir semasa program.
- c. Menghebahkan melalui Radio dan Akhbar Tempatan melalui kenyataan akhbar dan iklan-iklan mengingatkan orang ramai terutama warganegara tempatan yang berniat untuk bekerja ke luar negara supaya melapor terlebih dahulu ke Jabatan Tenaga Kerja
- d. Membuat pemeriksaan dan pemantauan berkala ke atas agensi-agensi pekerjaan yang berdaftar dan yang belum berdaftar dan memberi peringatan dan tindakan pendakwaan sekiranya ingkar di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981.
- e. Mengadakan Dialog dan Perjumpaan berkala ke atas pengurusan Agensi Pekerjaan Swasta bagi mendapatkan maklumat dan memastikan pergerakan agensi sentiasa terkawal dan dalam pemantauan jabatan.
- f. Bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi-agensi kerajaan terutama memastikan kawalan iklan-iklan dan tawaran-tawaran kerja ke luar negara ini dipantau dan dikawal.
- g. Membuka Atase Buruh di Luar Negara seperti di

Singapura, Chennai, dan Jakarta bagi memastikan kebijakan dan maklumat pekerja Malaysia di luar negara dan membolehkan warganegara Malaysia berhubung dengan mudah sekiranya berlaku masalah pekerjaan di tempat berkenaan.



**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>PUAN FONG PO KUAN</b>
<b>TARIKH</b>	<b>[BATU GAJAH]</b>
	<b>21 JUN 2011</b>
<b>SOALAN</b>	<b>121</b>

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan perkembangan kerja-kerja pembubaran dan pelupusan sisa bahan yang mengandungi radioaktif *Asian Rare Earth* dan apakah benar ada rancangan meluaskan penstoran untuk pelupusan tambahan.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) bertanggungjawab untuk mengawal dan mengawalselia kerja-kerja pembubaran, nyahcemaran dan pelupusan yang dilakukan oleh Syarikat Asian Rare Earth (ARE) supaya ia dilaksanakan mengikut peraturan dan syarat yang ditetapkan. Keseluruhan proses ini dilaksanakan melalui dua fasa.

Fasa Pertama adalah melibatkan Pembubaran dan Nyahcemaran bahan tercemar di tapak kilang Syarikat Asian Rare Earth (ARE) di Ipoh, Perak dan telah dilaksanakan dengan baik serta disiapkan mengikut jadual pada penghujung tahun 2005. Dalam hal ini, semua bahan tercemar dari runtuhan kilang di dalam kawasan tapak kilang di Lahat telah berjaya dipindah dan dilupuskan di dalam *Engineered Cell 1 (EC1)* di Bukit Kledang Ipoh, Perak. Tapak kilang yang telah dinyahcemar ini kemudiannya diisytiharkan sebagai bebas dari pencemaran sisa

mengandungi bahan radioaktif semulajadi oleh LPTA pada 28 April 2006 dan dikembalikan kepada Kerajaan Negeri Perak setelah disahkan selamat.

Fasa Kedua pula melibatkan Pembubaran dan Pelupusan Sisa Thorium dan Bahan Tercemar yang distor di dalam *Long Term Storage Facility (LTSF)* di Bukit Kledang untuk dipindahkan ke dalam Struktur Khas (*Engineered Cell II, (EC II)*), di mana kerja-kerja penyediaan tapak dan kemudahan perawatan sisa telah dimulakan.

Sehingga awal bulan Mei 2011, kerja-kerja mengeluarkan sisa-sisa daripada kemudahan penstoran jangka panjang (LTSF) telah dijalankan untuk perawatan sebelum dilupuskan ke dalam Struktur Khas (*Engineered Cell II, (EC II)*). Kerja-kerja perawatan dan pelupusan ini dijangka akan mengambil masa tiga tahun untuk disiapkan. Dalam hubungan ini, LPTA sentiasa melakukan pemeriksaan dan pemonitoran radiologi alam sekitar bagi memastikan projek yang sedang dijalankan adalah terjamin (*secure*), selamat (*safe*) dan terkawal (*safeguarded*) serta tidak membahayakan orang awam, pekerja dan alam sekitar.

Tuan Yang Di Pertua,

Mengenai perluasan penstoran, ingin dimaklumkan bahawa pada masa ini LPTA tidak mempunyai sebarang rancangan atau keperluan untuk meluaskan tapak penstoran mahupun pelupusan tambahan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebarang pembangunan, contohnya seperti taman rekreasi di sekitar zon kawalan 1.7 km radius dari tapak pelupusan masih boleh dipertimbangkan dengan syarat mendapat kelulusan dan kebenaran LPTA dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak. Kesemua aktiviti yang dibangunkan akan dipantau oleh LPTA bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan alam sekitar walaupun tapak ini dijamin selamat.

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**NO. AUM  
NO. AUP : iv\***

DARIPADA : DATIN LINDA TSEN THAU LIN [ BATU  
SAPI ]

TARIKH                    21 JUN 2011

RUJUKAN                : 3747

**SOALAN:**

Datin Linda Tsen Thau Lin [ Batu Sapi ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah Kementerian sedar pada masa kini banyak berlaku kegiatan jenayah (misalnya rompakan) di Sabah, apakah langkah-langkah untuk mengurangkan atau mengelak kegiatan ini.

## **JAWAPAN**

*Tuan Yang Dipertua,*

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu Sapi yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pihak PDRM sedang melaksanakan pelbagai langkah pencegahan jenayah dan telah mengatur strategi bagi menangani masalah jenayah di seluruh negara. Antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- 2.1 Pelaksanaan konsep “*Community Policing*” yang bertujuan untuk merapatkan hubungan polis dengan masyarakat dan meningkatkan kerjasama dalam mencegah jenayah;
- 2.2 Meningkatkan rondaan jalan kaki dan bermotosikal di kawasan tumpuan orang ramai serta melaksanakan pendekatan '*stop and talk*', dengan izin bersesuaian dengan konsep '*Police Omnipresence*' bagi tujuan mencegah jenayah;
- 2.3 Meningkatkan rondaan kereta peronda (MPV) di kawasan yang kerap berlaku jenayah bagi membolehkan sebarang laporan melalui talian *Hotline* mendapat respon yang cepat daripada anggota MPV yang bertugas;

Menyelaras operasi secara berterusan dengan memberi tumpuan terhadap kes-kes seperti kes ragut , samun tepi jalan, curi kenderaan dan

pecah rumah curi sebagai sebahagian daripada usaha melaksanakan program NKRA di bawah inisiatif NKPI iaitu menurunkan kadar Jenayah Indeks sebanyak 5% berbanding tahun 2010 dan menurunkan kadar Jenayah Jalanan sebanyak 40% berbanding tahun 2009;

Memperluaskan penugasan khas “*Officer On Beat*” ke kawasan yang mempunyai kadar peningkatan jenayah yang ketara di mana terdapat sebanyak lapan orang pegawai dan lapan orang anggota dalam setiap penugasan yang bermula dari 10 pagi hingga 12 malam setiap hari;

Meningkatkan operasi bersepadu di antara PDRM dengan agensi-agensi penguatkuasa yang lain seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tujuan mencegah jenayah;

Pencegahan jenayah melalui platform “*Rakan Cop*” di mana orang awam boleh menyalurkan maklumat berkaitan kejadian jenayah melalui sistem pesanan ringkas (SMS) atau menghubungi talian *Hotline* supaya tindakan serta merta dapat diselaraskan;

Pemasangan CCTV di tempat-tempat strategik dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi membantu usaha pencegahan jenayah yang lebih berkesan;

Mewujudkan Unit Risikan Bersepadu (*Central Intelligence Unit*) sebagai pusat pengumpulan maklumat dan risikan jenayah yang akan digunakan bagi mengesan dan menangkap penjenayah atau merancang tindakan pencegahan jenayah yang lebih efektif.

NO. AUM : **XW1^4-**

NO. AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' JOHARI BIN ABDUL [ SUNGAI PETANI ]

TARIKH 21 JUN 2011

RUJUKAN : 3748

SOALAN:

Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

- (a) apakah tindakan yang telah diambil terhadap Utusan Malaysia yang menyiaran artikel kontroversi yang bersifat perkauman dan hasutan baru-baru ini; dan
- (b) jika ada tindakan yang telah diambil, adakah tindakan tersebut setara dengan tindakan yang pernah diambil terhadap Sarawak Tribune, Suara Keadilan dan China Press.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sungai Petani yang mengemukakan soalan.

Kementerian sentiasa memantau akhbar-akhbar berdasarkan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan akan mengambil tindakan terhadap mana-mana akhbar yang didapati melanggar akta tersebut. Antara tindakan yang boleh diambil terhadap penerbitan yang berbuat demikian ialah:

- a) Memberi nasihat, teguran dan amaran bertulis;
- b) Memberi surat tunjuk sebab; atau
- c) menggantung atau membatalkan permit penerbitan akhbar berkenaan.

Akhbar Utusan Malaysia telah dikeluarkan surat teguran pada 12 Mei 2011 kerana menyiaran berita yang menggemparkan fikiran orang ramai bertajuk '*Kristian Agama Rasmi?*' pada keluaran 7 Mei 2011. Pada masa ini PDRM telah selesai menjalankan siasatan berkenaan laporan oleh akhbar tersebut dan hasil siasatan telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk pandangan, nasihat dan arahan

selanjutnya.

Kementerian menggantung permit penerbitan akhbar Sarawak Tribune selama dua minggu adalah kerana menyiaran karikatur yang menghina Nabi Muhammad. Akhbar China Press telah didapati menyiaran berita tidak benar melibatkan perletakan jawatan Ketua Polis Negara dan Suara Keadilan telah menyiaran berita yang tidak benar bertajuk Felda Bankrap.

Soalan No : 124

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA                    LISA  
                                N Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI  
                                MOHAMED SAID  
                                (KUALA KRAU)

TARIKH                      21.06.2011

SOALAN:

Y.B. DATO\* HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [ KUALA KRAU ] minta Menteri Pelajaran menyatakan cadangan untuk mengharamkan jualan makanan ringan dan minuman bergas di kantin sekolah dalam usaha menangani masalah obesiti di kalangan pelajar sekolah di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang memperhalusi garis panduan untuk pemakanan sihat di semua kantin sekolah. Garis panduan tersebut turut mengambilkira impak penjualan makanan ringan dan minuman bergas dalam menyumbang obesiti dalam kalangan murid. KPM berkeyakinan dengan adanya garis panduan ini dapat memastikan makanan yang dijual di kantin sekolah adalah makanan yang berkhasiat. Sungguhpun begitu, peranan ibu bapa di rumah juga penting dalam menangani isu obesiti ini.

SOALAN NO: **1e**

**PEMBERITAHUAN**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN AZAN BIN ISMAIL**

**: [INDERA MAHKOTA]**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH :**

**21/06/2011**

**SOALAN**

**Y.B. TUAN AZAN BIN ISMAIL [ INDERA MAHKOTA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan Skim Rumah Pertamaku berjaya dilaksanakan dan apakah status pelaksanaannya sehingga sekarang serta apakah kesannya kepada pasaran.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penyediaan Skim Rumah Pertamaku telah diumumkan ketika pembentangan Bajet 2011 pada bulan Oktober 2010 yang lalu. Skim ini secara rasminya telah dilancarkan pada 8 Mac 2011 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Skim Rumah Pertamaku ini adalah bertujuan membantu golongan muda yang baru bekerja dan berpendapatan tidak lebih daripada RM3.000 sebulan untuk memiliki rumah pertama mereka. Skim ini membolehkan golongan muda untuk mendapat pembiayaan sehingga 100% daripada bank-bank

yang terlibat untuk membeli rumah pertama mereka. Langkah ini akar dapat membantu golongan muda dan berpendapatan sederhana memiliki rumah dan ini sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan pemilikan rumah di kalangan rakyat Malaysia.

Melalui skim ini, Kerajaan akan memberi jaminan sebanyak 10% daripada jumlah pemberian kepada institusi kewangan yang terlibat atas pemberian yang lebih dari 90%. Contohnya, jika sekiranya seorang peminjam mendapat pemberian 100%, Kerajaan akan menjamin sebanyak 10% daripada pemberian berkenaan. Selain itu, skim ini adalah terbuka kepada seluruh rakyat yang berusia dibawah umur 35 tahun dengan pendapatan kurang daripada RM3.000 sebulan. Pembeli bebas untuk memilih jenis dan lokasi kediaman yang ingin dimiliki dan layak untuk mendapat jaminan sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Skim ini juga bukanlah jaminan bahawa setiap pembeli kediaman yang berharga antara RM100,000 sehingga RM220,000 layak diberikan pemberian perumahan.

Bagi menjawab Pertanyaan Yang Berhormat Gelang Patah, adalah dimaklumkan bahawa Skim Rumah Pertamaku ini disediakan bagi pembelian rumah kediaman kali pertama di seluruh negara. Oleh itu, pembeli boleh memilih untuk membeli rumah termasuk di Iskandar Malaysia serta di Parlimen Gelang Patah.

Bagi menjawab pertanyaan oleh Yang Berhormat Bukit Katil mengenai mekanisme harga rumah mengikut kawasan, adalah dimakluman, nilai pinjaman perumahan di bawah Skim Rumah Pertamaku adalah antara RM100,000 hingga RM220,000 bagi memenuhi permintaan daripada

golongan yang berpendapatan kurang dari RM3,000 sebulan. Ini adalah kerana, bagi peminjam yang berpendapatan RM3,000 sebulan, kadar bayaran balik pinjaman yang ideal adalah sehingga RM1.000 sebulan berdasarkan syarat bahawa bayaran balik pinjaman perumahan adalah di hadkan tidak melebihi 1/3 daripada pendapatan. Berdasarkan kadar faedah semasa, dan tempoh bayaran balik sehingga 30 tahun, jumlah pembiayaan maksimum yang layak adalah dalam lingkungan harga sehingga RM220,000. Walau bagaimanapun, pembiayaan adalah bergantung kepada kemampuan peminjam dan penilaian kredit oleh bank-bank yang terlibat.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Indera Mahkota, bagi menjayakan skim ini serta membantu meningkatkan pemilikan rumah, Kerajaan turut mengambil inisiatif-inisiatif lain. Antaranya ialah mengecualikan duti setem sebanyak 50% ke atas surat cara perjanjian pinjaman untuk pembelian rumah pertama dan surat cara pindah milik bagi kediaman bernilai di bawah RM350 ribu.

Untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Sabak Bernam dan Yang Berhormat Mukah mengenai jumlah rumah yang disediakan dibawah Skim Rumah Pertamaku. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, memandangkan skim ini adalah merupakan skim jaminan, ianya dilaksanakan berdasarkan konsep "*first come, first serve*". Namun begitu, berdasarkan saiz dana berjumlah RM100 juta, dijangkakan sejumlah antara 11 ribu hingga 15 ribu peminjam akan menerima jaminan ini, bergantung kepada nilai rumah. Selain itu, bagi memastikan rumah berharga sehingga RM220,000 mencukupi terutamanya di kawasan-

kawasan bandar, Kerajaan menerusi syarikat milik penuh Kementerian Kewangan iaitu Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) sedang merangka strategi dan mengenal pasti tapak-tapak untuk membina lebih banyak rumah di bawah kategori Skim Rumah Pertamaku di Lembah Klang bagi memenuhi keperluan dan permintaan yang tinggi. SPNB telah mengenal pasti 7 lokasi di Lembah Klang yang berpotensi untuk pembinaan rumah-rumah di bawah kategori harga antara RM100,000 hingga RM220,000.

Kerajaan juga, melalui Syarikat Berkaitan Kerajaan akan membina lebih banyak rumah kediaman yang bernilai antara RM100.000 ke RM220,000 di kawasan bandar. Selain itu, penawaran rumah mampu milik juga telah meningkat dalam Suku Pertama 2011 dengan pembinaan unit rumah kos rendah, flat kos rendah serta kondominium dan apartmen, masing-masing meningkat sebanyak 180.6%, 265.9% dan 52.1%. Ini menunjukkan bahawa sentimen pemaju adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk memastikan penyediaan rumah mampu milik mencukupi.

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Indera Mahkota, Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Gelang Patah dan Yang Berhormat Parit Buntar mengenai status perlaksanaan dan sambutan skim ini, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga akhir Mei 2011, sejumlah 993 permohonan telah diterima untuk mendapatkan jaminan di bawah skim ini. Daripada jumlah itu, sejumlah 183

permohonan telah diluluskan. Sebahagian besar permohonan yang ditolak adalah disebabkan oleh jumlah pendapatan yang tidak mencukupi serta nisbah khidmat hutang (*debt service coverage ratio*) yang tinggi. Selain itu, terdapat juga permohonan yang ditolak disebabkan oleh pemohon didapati mempunyai keupayaan untuk meminjam tanpa bantuan skim serta terdapat juga pemohon yang tidak memenuhi kriteria asas skim iaitu umur melebihi 35 tahun dan pendapatan melebihi RM3,000 sebulan. Sebahagian besar pinjaman yang telah diberikan jaminan adalah bagi pembelian kediaman di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor.

NO SOALAN :

**126 PEMBERITAJJAN FTSRTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA [BACHOK]

TARIKH : 21JUN2011

SOALAN :

TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA [BACHOK] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan sepanjang tahun 2011 untuk meningkatkan kemahiran dan menambahkan pengetahuan kakitangan sokongan serta peruntukan yang telah digunakan dari tahun 2005-2010.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menyedari pentingnya usaha-usaha pembangunan sumber manusia dalam Perkhidmatan Awam. Sehubungan dengan itu, Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam telah digubal melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 yang menetapkan supaya semua Kementerian/Jabatan menyediakan peruntukan tahunan bersamaan sekurang-kurangnya satu peratus (1%) daripada peruntukan emolumen untuk tujuan latihan. Lanjutan daripada usaha tersebut, setiap Ketua Jabatan perlu memastikan setiap pegawai di semua peringkat di organisasi masing-masing mengikuti kursus sekurang-kurangnya tujuh (7) hari setahun.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan juga menyediakan kemudahan Pinjaman Boleh Ubah (PBU) untuk pegawai Kumpulan Sokongan yang mengikuti pengajian di peringkat Diploma atau Ijazah Pertama secara sepenuh masa atau separuh masa bagi meningkatkan kemahiran dan menambahkan pengetahuan mereka. Untuk pengajian sepenuh masa, kemudahan yang ditawarkan ialah Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG) dan PBU, manakala bagi pengajian separuh masa, hanya PBU ditawarkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang tahun 2011, Kerajaan terus melaksanakan pelbagai aktiviti pembangunan diri dan kemajuan kerjaya pegawai Kumpulan

Sokongan melalui kursus latihan yang dirancang selaras dengan keperluan dasar latihan sektor awam. Dalam tempoh yang sama, JPA telah menggubal Program Bersepadu Pembangunan Kompetensi (PROSPEK) bagi menggantikan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) sebagai satu usaha bersepadu dengan mengintegrasikan penilaian dengan pembangunan kompetensi dan potensi. Matlamat PROSPEK adalah ke arah melahirkan pegawai berprestasi tinggi yang bersedia untuk melaksanakan inisiatif transformasi yang dibangunkan oleh Kerajaan ke arah negara maju.

Sepanjang tempoh 2005 hingga 2010, seramai 80,445 orang pegawai dari Kumpulan Sokongan telah menghadiri kursus PTK yang dilaksanakan oleh kementerian/jabatan/agensi di seluruh negara. Pelaksanaan kursus-kursus tersebut telah melibatkan peruntukan sebanyak RM 9 juta.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, Kerajaan turut menyediakan kemudahan institusi pembelajaran iaitu Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). INTAN merupakan sebuah institusi pembelajaran sektor awam utama yang menjalankan latihan merangkumi semua peringkat dan gred jawatan dalam Perkhidmatan Awam. Matlamat latihan di INTAN ialah untuk melahirkan penjawat awam yang mempunyai sikap, kemahiran dan pengetahuan yang tinggi dalam bidang-bidang strategik yang diperlukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10), Model Baru Ekonomi,

Bidang Keberhasilan Utama (NKRA) dan sebagainya. Secara

khususnya, setiap program latihan yang direncanakan adalah berlandaskan teras strategik seperti dinyatakan dalam Teras Ke Empat RMK-10, iaitu membangun dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia. Bagi tujuan ini, INTAN berperanan menyediakan penjawat awam yang berkemampuan untuk membantu menjayakan hasrat Kerajaan dalam mencapai Wawasan 2020 Malaysia sebagai sebuah negara maju.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memenuhi aspirasi Kerajaan untuk melahirkan “*thinking civil servants*” yang beretika tinggi, inovatif, kreatif dan berdaya saing, INTAN melatih kakitangan Kumpulan Sokongan agar lebih berpengetahuan dan kompeten dalam bidang yang diperlukan serta berkemampuan untuk menterjemahkan pengetahuan kepada amalan berterusan. Selain itu, INTAN menekankan elemen latihan merangkumi keupayaan berkomunikasi dengan berkesan, kemahiran dalam bidang teknologi terkini, menghayati nilai-nilai murni sebagai asas kehidupan, dan mampu untuk memberikan sumbangan kepada masyarakat, negara dan dunia.

Antara kursus yang dilaksanakan di INTAN bagi Kumpulan Sokongan adalah seperti berikut:

- i) Kursus Perkhidmatan Pelanggan Berbudi Bahasa;
- ii) Kursus Peningkatan Penyampaian Petugas Barisan Hadapan;
- iii) Kursus Penyampaian Perkhidmatan Berkesan;

NO SOALAN : 126

- iv) Kursus Pengukuhan  
Integriti Sektor Awam;
- v) Kursus Pengurusan  
Organisasi;
- vi) Kursus Penyeliaan  
Berkesan; dan
- vii) Kursus Nilai dan  
Etika.

Sekian, terima kasih.

No. SOALAN: 127

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA Y.B. DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI (KAPIT)**

**TARIKH 21 JUN2011 (SELASA)**

**SOALAN** Y.B. DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI minta  
**PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah pencapaian Gagasan 1 Malaysia, Rakyat Didahului, Pencapaian Diutamakan dalam usaha dan objektifnya demi menyatupadukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama.

**JAWAPAN : (YB Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)**

Walaupun negara kita adalah lebih aman dan damai berbanding dengan kebanyakan negara majmuk yang lain, tetapi perbezaan dari segi kepelbagaian agama, budaya dan bahasa masih menyebabkan rakyat kita cenderung bergaul berkelompok sendiri, kurang ataupun tidak sama sekali bergaul dengan kelompok-kelompok lain secara rapat. Ini menjadi punca polarisasi sosial antara kaum.

Perbezaan dan polarisasi seumpama ini kadang-kala mencetuskan perselisihan serta sentimen perkauman atau agama yang mungkin menggugat ketenteraman dan kestabilan masyarakat, sekiranya tidak diuruskan dan ditangani dengan sesuainya.

Oleh itu, sejak kemerdekaan dan sepanjang proses pembinaan negara selama lebih daripada 53 tahun, pucuk pimpinan negara pada amnya memang sangat sedar dan peka akan cabaran-cabaran untuk terus memupuk persefahaman, mengekalkan keharmonian, menguruskan pelbagai jurang antara kaum serta meredakan sebarang sengketa yang timbul. Penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar dalam semua bidang sentiasa berpandukan kepada Pelembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas kenegaraan yang mengambil kira dan merangkumi hak-hak asas semua rakyat secara betapa seimbang yang mungkin.

Oleh itu, Gagasan 1 Malaysia yang diilhamkan dan dipacu oleh YAB Perdana Menteri adalah bertujuan untuk terus memupuk dan mempertingkatkan lagi muhibah

dan perpaduan masyarakat Malaysia yang majmuk ini. Gagasan ini yang berpaksikan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara menekankan perpaduan dalam kepelbagaian (*unity in diversity*). Semua rakyat perlu menerima dan menghormati kepelbagaian budaya dan keunikan kaum-kaum yang sedia ada, serta menegakkan keadilan sosial di mana semua rakyat Malaysia akan terbelah khasnya golongan-golongan yang memerlukan bantuan. YAB Perdana Menteri juga sering menekankan dan mengutarakan konsep “kesederhanaan” (*moderation*) dan “keterangkuman” (*inclusiveness*) serta nilai-nilai yang berkaitan dengannya.

Sejak dilancarkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada April 2009, gagasan 1 Malaysia telah secara langsung dan tidak langsung berjaya meningkatkan kesedaran dan komitmen rakyat terhadap betapa pentingnya untuk saling menghormati dan mengeratkan perhubungan kaum di Negara ini. Ini dapat dilihat dengan jelasnya dari populariti dan penggunaan lambang 1 Malaysia itu sendiri oleh rakyat sebagai simbol perpaduan dan keazaman untuk menjayakan transformasi negara. Lebih penting lagi, ramai rakyat, terutamanya generasi muda, begitu gemar menyahut dan melaung “1 Malaysia” secara spontan, dalam apa juga majlis perayaan atau perhimpunan.

Di samping itu, telah kian muncul kesedaran bahawa apa juga program atau aktiviti, yang dianjurkan sama ada oleh sektor awam atau sektor swasta, hendaklah seboleh-bolehnya merangkumi dan melibatkan peserta pelbagai kaum supaya mencerminkan gagasan 1 Malaysia. Begitu juga dalam penetapan jawatan perkhidmatan awam dan pengagihan biasiswa dan sebagainya. Adalah diharap bahawa usaha berterusan ke arah positif ini akan dapat memecahkan tembok dan membina jambatan antara kaum, dan seterusnya mengatasi sebarang polarisasi sosial. Dalam perkara ini, semua pemimpin masyarakat dan politik hendaklah terus memainkan peranan positif.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT MALAYSIA : LISAN**

NO: 128

**PERTANYAAN** YB DATO' LILAH BIN YASIN  
**DARIPADA** (JEMPOL)

TARIKH

21.6.201

SOALAN 12 1  
8

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan apakah perancangan istimewa Kerajaan bagi melonjakkan pendapatan masyarakat luar bandar agar menjadi kumpulan rakyat yang berpendapatan tinggi.

## Jawapan:

Tuan yang Dipertua,

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah menyediakan Model Baru Ekonomi Luar Bandar (MBELB) yang merupakan hasil penilaian semula strategi pertumbuhan ekonomi luar bandar melalui penyediaan dasar affirmatif yang diperbaharui supaya sektor ekonomi luar bandar mampu bersaing dengan bandar dalam memberi sumbangan kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) sebagaimana yang disasarkan di bawah Model Baru Ekonomi (MBE) dan Program Transformasi Kerajaan (Government Transformation Program - GTP).

Usaha untuk menggerakkan MBELB telah dimulakan dengan perancangan pelaksanaan inisiatif ekonomi terpilih iaitu cassava, industri burung walit dan tanaman rock melon. Pelaksanaan model-model terpilih bagi tahun 2011 ini tidak berasaskan peruntukan kewangan Kerajaan semata-mata tetapi turut merangka potensi inisiatif melalui dana yang dijana daripada sumber kewangan pihak swasta atau koperasi. Keadaan ini penting, terutamanya dalam persekitaran GTP di mana peralihan daripada

Kerajaan sebagai pelabur dan peneraju utama kepada sektor swasta sebagai jentera pertumbuhan ekonomi negara. Setiap pelaksanaan inisiatif ini disertai dengan pendekatan mengukuhkan atau mewujudkan rantaian nilai sebagai prasyarat daya maju dan keboleh pasaran inisiatif ekonomi yang diperkenalkan di bawah MBELB.

Bagi pelan perancangan di bawah RMKe-10 sebanyak RM31.3 juta dijangka diperlukan dan dikemukakan di bawah permohonan *2nd Rolling Plan* RMKe-10 bagi menggerakkan inisiatif-inisiatif ekonomi terpilih. Bagi pelan jangka panjang, kerangka MBELB tidak semata-mata berteraskan kepada penjanaan ekonomi yang berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan tetapi turut menekankan kepada keperluan pembangunan modal insan sektor luar bandar yang akan menjadi asas penting kepada transformasi pembangunan luar bandar.

SOALAN NO:129

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN : LISAN**

DARIPADA : **DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN [ BUKIT GANTANG ]**

TARIKH : **21JUN2011**

**SOALAN**

**DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN [ BUKIT GANTANG ]** minta PERDANA MENTERI menyatakan semenjak

penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, berapakah ahli politik dan juga bertaraf Menteri atau Timbalan Menteri serta Exco Kerajaan Negeri telah disiasat sehingga kini.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) adalah sebuah agensi penguatkuasaan pencegahan rasuah yang bebas dan profesional yang menjalankan siasatan berdasarkan peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan serta menjalankan penyiasatan tanpa dipengaruhi atau menerima arahan mana-mana pihak. Setiap maklumat atau aduan yang diterima dan mempunyai asas berlakunya perlakuan rasuah akan disiasat SPM tanpa mengira latar belakang, jawatan, keturunan serta memberi fokus yang sama kepada semua sektor yang terlibat.

Untuk makluman Y.B. Bukit Gantang juga, semenjak penubuhan SPRM terdapat beberapa kes yang disiasat dan yang dituduh yang melibatkan pelbagai peringkat jawatan politik. SPRM telah menjalankan siasatan berhubung dengan kes yang dibangkitkan dan telah mengumpul segala bukti dan keterangan untuk diputuskan oleh Bahagian Perundangan dan Pendakwaan SPRM. Dalam beberapa kes setelah dipertimbangkan segala bukti dan keterangan, Bahagian tersebut telah memutuskan

keterangan yang ada tidak kukuh dan telah diputuskan tiada pendakwaan oleh pihak Pendakwa Raya.

Keputusan Bahagian Perundangan dan Pendakwaan itu telah dirujuk kepada Panel Penilaian Operasi yang terdiri dari kalangan profesional dan Panel telah berpuashati dan bersetuju dengan keputusan yang telah dibuat itu. Antara kes-kes yang diumumkan tutup termasuk siasatan beberapa kes terhadap Ketua Menteri Melaka, Menteri Besar Kelantan, Menteri Besar Selangor dan beberapa individu lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN DARIPADA	LISAN PUAN TERESA KOK SUH SIM  [SEPUTEH]
TARIKH	21 JUN2011 (SELASA)

**SOALAN**

**PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta PERDANA MENTERI menyatakan nama projek dan nilai projek pembangunan yang telah diumumkan oleh setiap Kementerian dalam 2 bulan sebelum dan semasa kemenangan raya negeri Sarawak pada April 2011. Di antara projek yang telah diumumkan ini, berapakah akan dilaksanakan dalam tahun ini.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga 30 April 2011, sebanyak **62 program/projek** bernilai **RM1.18 bilion** telah diumum untuk dilaksanakan di seluruh Negeri Sarawak. Program/projek

yang diumumkan merupakan program/projek yang telah dirancang lebih awal. Sebanyak 52 projek dilaksanakan dalam tahun 2011 dan selebihnya akan dilaksanakan pada tahun-tahun hadapan.

Butiran mengenai bilangan projek dan kos mengikut kementerian/agensi adalah seperti berikut:

BIL.	KEMENTERIAN / AGENSI / JABATAN	JUMLAH	
		IHL	NILAI (RM)
1	PERUNTUKAN KHAS YAB PERDANA MENTERI (ICU JPM)	34	22,748,000.00
2	KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH (KKLW)	13	535,260,000.00
3	KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)	2	2,000,000.00
4	KEMENTERIAN PERTAHANAN (MINDEF)	1	48,000,000.00
5	KEMENTERIAN KESIHATAN (MOH)	3	212,528,000.00
6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)	1	20,000,000.00
7	KEMENTERIAN PELAJARAN (MOE)	5	65,640,000.00
8	KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR	1	70,000,000.00
9	KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR)	1	200,000,000.00
10	KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)	1	4,500,000.00
JUMLAH		62	1,180,676,000.00

Pecahan peruntukan yang diluluskan mengikut kategori projek adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA PROJEK	JUMLAH	
		BIL.	NILAI (RM)
1	BINA/NAIKTARAF MASJID/SURAU	3	3,114,000.00
2	BINA/NAIKTARAF DEWAN/BALAI RAYA	8	6,920,000.00
3	BINA/NAIKTARAF JALAN/LORONG	8	293,060,000.00
4	BAIKPULIH RUMAH PANJANG	4	3,223,000.00
5	BEKALAN AIR	6	334,600,000.00
6	BEKALAN ELEKTRIK	2	20,700,000.00
7	JETI/JAMBATAN	3	225,000,000.00
8	BINA/NAIKTARAF KLINIK/HOSPITAL	3	212,528,000.00
9	BINA/NAIKTARAF SEKOLAH	5	65,640,000.00
10	RANCANGAN TEBATAN BANJIR/PARIT/CULVERT	2	2,000,000.00
11	SUMBANGAN DAN BANTUAN	9	6,291,000.00
12	RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM	7	2,800,000.00
13	LAIN-LAIN	2	4,800,000.00
<b>JUMLAH</b>		<b>62</b>	<b>1,180,676,000,00</b>

NO. SOALAN:

**131 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA Y.B TUAN GOBIND SINGH (PUCHONG)**

**TARIKH 21 JUN 2011**

**SOALAN**

Minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci apakah gaji yang diterima oleh semua Majistret dan Hakim Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan termasuk Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim Besar Malaya dan sama ada wujud cadangan untuk meningkatkannya.

**YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

**JAWAPAN:**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pegawai Undang-Undang (Majistret dan Hakim Mahkamah Sesyen) adalah dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP) sementara urusan kenaikan gaji Majistret dan Hakim Mahkamah Sesyen adalah di bawah bidang kuasa Bahagian Saraan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Oleh yang demikian, urusan berkaitan cadangan kenaikan gaji bagi Majistret dan Hakim Mahkamah Sesyen adalah bergantung pada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Perincian gaji yang diterima oleh Majistret dan Hakim Mahkamah Sesyen adalah seperti di Lampiran A.

Sementara itu, bagi Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Rayuan, Hakim Mahkamah Persekutuan, Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim Besar Malaya pula, gaji mereka adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, Akta Saraan Hakim 1971. Kenaikan gaji Hakim-Hakim tersebut telah pun dibuat pada tahun 2009. Perincian gaji yang diterima oleh Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Rayuan, Hakim Mahkamah Persekutuan, Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim Besar Malaya adalah seperti di Lampiran B.

LAMPIRAN A

MAKLUMAT GAJI DAN ELAUN BAGI HAKIM MAHKAMAH SESYEN DAN MAJISTRET MENGIKUT GRED

BI L	Hakim	Gred	Gaji Sebulan	Imbuhan Tetap Perumahan Sebulan	Imbuhan Tetap Jawatan Utama Sebulan	COLA Sebulan	Elaun Pembantu Rumah Sebulan	Imbuhan Tetap Keraian Sebulan	Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) 5% dari Gaji Pokok Sebulan	Bantuan Menyelenggara Rumah Sekali setahun	Imbuhan Tetap Khidmat Awam
			RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
1	Hakim Mahkamah Sesyen	VU6 (Utama B)	8,195.91	1,600.00	1,500.00	-	500.00	3,050.00	-	2,000.00	-
2	Hakim Mahkamah Sesyen	VU7 (Utama C)	7,649.60	1,300.00	1,000.00	-	500.00	2,500.00	-	2,000.00	-
3	Hakim Mahkamah Sesyen	VK7 (Khas C)	7,649.60	1,300.00	1,000.00	-	500.00	2,500.00	-	2,000.00	-
4	Hakim Mahkamah Sesyen	L54	5,870.36	900.00	-	300.00	-	800.00	293.52	-	-
5	Hakim Mahkamah Sesyen	L52	5,553.08	700.00	-	300.00	-	600.00	277.65	-	-
6	Majistret	L48	5,004.83	700.00	-	300.00	-	550.00	250.24	-	-
7	Majistret	L44	3,929.18	400.00	-	300.00	-	400.00	196.45	-	-
8	Majistret	L41	1,989.45	250.00	-	300.00	-	-	99.47	-	300.00

elaniA, davi qajL /A.vdt HPW.W.

LAMPIRAN B

NO SOALAN :2\$7 [**\$2^**

**JADUAL GAJI YAAUMAH HAKIM & PESURUHJAYA KEHAKIMAN AKTA SARAAN HAKIM 1971 PERATURAN-PERATURAN  
SARAAN HAKIM (PINDAAN JADUAL PERTAMA, KEDUA DAN JADUAL KELIMA) 2009  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**  
Dibuat pada 18 Mei 2009 berkuatkuasa pada 1 Januari 2009 [PMT/UU/44-2(R); PN(PU2)91/III]

Bil.	Jawatan	Gaji (1.1.2009)	Elaun Khas Kehakiman (1.1.2009)	Elaun Keraian (1.1.2009)	Bantuan Sewa Rumah @ ITP (1.1.2009)	Elaun Pembantu Rumah (1.1.2009)	Penyelenggaraan Rumah Setahun Sekali (1.1.1996)
1	Ketua Hakim Negara	RM 25,000.00	RM 15,000.00	RM 6,000.00	RM 5,000.00	RM 3,000.00	RM 4,100.00
2	Presiden Mahkamah Rayuan	RM 22,000.00	RM 12,000.00	RM 5,800.00	RM 4,000.00	RM 2,800.00	RM 3,000.00
3	Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya	RM 21,687.06	RM 10,000.00	RM 5,600.00	RM 4,000.00	RM 2,800.00	RM 3,000.00
4	Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah & Sarawak	RM 21,129.50	RM 10,000.00	RM 5,600.00	RM 4,000.00	RM 2,800.00	RM 3,000.00
5	Hakim Mahkamah Persekutuan	RM 19,186.91	RM 8,000.00	RM 5,400.00	RM 3,500.00	RM 2,500.00	RM 3,000.00
6	Hakim Mahkamah Rayuan	RM 18,470.85	RM 7,000.00	RM 5,250.00	RM 3,200.00	RM 2,300.00	RM 3,000.00
7	Hakim Mahkamah Tinggi di Malaya dan Sabah & Sarawak	RM 17,754.76	RM 6,000.00	RM 5,000.00	RM 3,000.00	RM 2,000.00	RM 3,000.00
8	Pesuruhjaya Kehakiman	RM 16,200.21	RM 5,000.00	RM 4,500.00	RM 2,500.00	RM 1,500.00	RM 3,000.00

*Jadual Gaji & Elaun Hakim. & JC2009*



**DARIPADA**                   **Y.B. DR. MUJAHID YUSOF**  
**PERTANYAA**               **RAWA (PARIT BUNTAR)**  
**N**                           **LISAN**  
**TARIKH**                   **21.06.2011**

**Y.B. DR. MUJAHID YUSOF RAWA [ PARIT BUNTAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan strategi bagi mengurangkan hutang isi rumah yang dianggarkan RM557 bilion sekaligus melemahkan kuasa membeli dan melembapkan ekonomi domestik.

## **JAWAPAN**

Saya mohon untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Parit Buntar yang dijadualkan pada hari ini bersama soalan Yang Berhormat Bandar Tun Razak yang dijadualkan pada 23 Jun 2011, kerana kedua-duanya menyentuh isu yang sama.

2. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, hutang isi rumah di Malaysia masih lagi berada pada paras yang terurus. Nisbah hutang isi rumah kepada KDNK kekal stabil pada 75.9% pada tahun 2010 (2009: 76%).
3. Sehingga akhir Mac 2011, jumlah hutang isi rumah telah meningkat pada kadar yang perlahan iaitu sebanyak 12.2% berbanding peningkatan 12.6% pada tahun 2010. Hampir separuh daripada hutang isi rumah pula merupakan pinjaman bercagar yang melibatkan aset seperti harta kediaman. Pada masa yang sama, kenaikan jumlah hutang isi rumah ini telah disokong

oleh kenaikan jumlah aset kewangan sektor isi rumah yang lebih tinggi, iaitu pada kadar 13.1% kepada RM1,429.7 bilion (2010: 12.5% atau RM1,379.2 bilion). Jumlah aset kewangan sektor isi rumah ini adalah melebihi dua kali jumlah hutang dan mencukupi untuk memberikan sektor tersebut ruang bagi menguruskan hutangnya. Ini dapat dilihat daripada nisbah pinjaman tak berbayar sektor isi rumah yang semakin menurun iaitu pada paras 2.2% berbanding 2.3% pada akhir 2010. Keadaan ini menunjukkan bahawa sektor tersebut kekal berdaya tahan dan fleksibel.

4. Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Bandar Tun Razak, Kerajaan sentiasa memastikan sektor isi rumah kekal berdaya tahan dan tahap keberhutangan berada pada paras yang pruden. Antara langkah yang telah dilaksanakan ialah:

- i. Mengenakan syarat yang lebih ketat bagi pemilikan kad kredit;
- ii. Memperkenalkan Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!), yang bertujuan meningkatkan tahap pemahaman pengurusan kewangan dan kemahiran bagi peminjam baru dan golongan muda; dan
- iii. Menyediakan khidmat nasihat dan pertolongan dalam menguruskan kredit dan kewangan kepada peminjam, serta menstruktur semula hutang mereka dengan pihak bank melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

5. Selain itu, penetapan standard pemberian pinjaman yang lebih bertanggungjawab oleh institusi perbankan juga dilaksanakan dengan memastikan produk kewangan yang ditawarkan menepati keperluan dan mengambil kira keupayaan membayar balik pinjaman oleh individu. Hubungan yang berterusan antara Bank Negara Malaysia dengan institusi perbankan turut dijalin dalam usaha menggalakkan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab dan standard pengunderitan (*underwriting standards*) lebih tegas. Melalui aktiviti penyeliaan seperti ini, didapati amalan pengurusan risiko di kalangan institusi perbankan adalah semakin kukuh.

Tuan Yang Di-Pertua,

6. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, arah aliran dan perkembangan pinjaman kepada sektor isi rumah termasuk pinjaman bagi rumah kediaman akan sentiasa dipantau dan Kerajaan akan mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan tahap keberhutangan isi rumah berada pada tahap yang mapan dan keupayaan bayar balik hutang kekal teguh.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

---

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA                    DATO' SERI MOHAMAD                    NIZAR BIN  
                                  JAMALUDDIN (BUKIT GANTANG)

TARIKH                    21 JUN 2011(SELASA)

**SOALAN :**

Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [ Bukit Gantang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah serta usaha Kerajaan khususnya melalui JAKIM dalam mengatasi masalah gejala buang bayi yang berpunca dari perbuatan keji iaitu penzinaan.

**JAWAPAN:** (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI  
                                  JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI  
                                  JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha untuk menangani masalah sosial dan perbuatan zina yang akhirnya membawa kepada pembuangan bayi, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia(JAKIM) dan juga Jabatan Agama Islam Negeri/Majlis Agama Islam Negeri ( JAIN/MAIN) telah pun melaksanakan program-program

**NO. SOALAN:'13**

kesedaran, pencegahan dan pemulihan bagi membendung masalah sosial.

Program ini akan terus diperkasakan dari semasa ke semasa melalui aspek *amar ma'ruf* dan *Nahi mungkar*.

Antara aspek *amar Ma'ruf* yang ditekankan ialah Program Kefahaman Islam, Temuseru Ulama' Prihatin Golongan Komuniti Terpinggir, Program kempen Melalui Penerbitan Buku, artikel, Risalah Isu Keluarga dan Sosial, Program Pembangunan Keluarga Islam (PPKI) dan Program Pembangunan Sosial (PPS), Rumah Perlindungan Wanita di Bawah Agensi Agama, Forum Perdana Ehwal Islam dan Khutbah Jumaat

Aspek *Nahi Munkar* pula merangkumi penguatkuasaan Undang-Undang Jenayah Syariah melalui Akta/Enekmen Kesalahan Jenayah Syariah seperti kesalahan khalwat, persetubuhan luar nikah, pelacuran dan sebagainya.

Namun demikian, peranan membendung dan mengatasi perbuatan zina, masalah hamil luar nikah dan pembuangan bayi bukan sahaja dilaksanakan oleh agensi-agensi agama tetapi juga perlu penglibatan jabatan/agensi kerajaan yan lain dan peertubuhan bukan kerajaa (NGO's) serta semua lapisan masyarakat terutama pemimpin masyarakat di peringkat daerah, kampung, taman perumahan seperti Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN), Penghulu, Ketua Kampung dan masyarakat umumnya. Jaringan kerjasama yang berterusan dari semua pihak akan dapat membendung masalah ini.

Sekian, terima mash.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB**

**[KUBANG KERIAN]**

**TARIKH : 21JUN2011**

**SOALAN**

**TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB [ KUBANG KERIAN ]** minta

**PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan Malaysia bercadang

untuk meneliti penambahbaikan sistem penyampaian bagi pelaksanaan undang-undang anti-rasuah dengan rujukan holistik kepada Bribery Act

(United Kingdom) dan disesuaikan dengan undang-undang Malaysia.

Adakah Peguam Negara membuat rujukan kepada kes-kes anti rasuah terbaru di UK dan komanwel bagi membantu memperkasakan Pelan Integriti Nasional.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan semasa ke semasa menambah baik peruntukan undang-undang anti rasuah serta mengambil kira kewajaran diterima pakai di negara ini. Kajian yang dibuat tidak terhad kepada undang- undang yang terpakai di United Kingdom sahaja malahan dari negara-negara lain termasuk menerima pakai ketetapan yang diputuskan di United Nations Convention against Corruption (UNCAC) dan Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD). Sehubungan ini, falsafah dan prinsip Rukun Negara serta aspirasi dan cabaran Wawasan 2020 menjadi pedoman bagi penggubalan dan pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN), dengan mengumpulkan pendapat dari pelbagai pihak di samping mengambil kira semangat dan prinsip perlembagaan persekutuan serta undang- undang negara yang berkaitan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Peguam Negara merupakan salah seorang daripada Ahli Lembaga Pengarah Institut Integriti Malaysia (IIM) yang sentiasa menyumbangkan input dan pendapat dalam memperkasakan PIN secara berterusan. Pihak Jabatan Peguam Negara (AGC) sentiasa meneliti membuat penyelarasan berkaitan undang-undang anti rasuah selaras dengan UNCAC dan OECD.

PIN berperanan sebagai pelan induk yang memberikan bimbingan kepada keseluruhan sektor masyarakat seperti sektor awam, sektor swasta, parti

politik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), agama, media, wanita, belia dan pelajar. Bahkan, objektif umum PIN ialah memenuhi cabaran keempat Wawasan 2020 iaitu membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur. Pembentukan dan pelancaran PIN menepati senario dalam negara untuk memperkasakan integriti rakyat Malaysia dengan sokongan pelbagai pihak dalam jentera pembangunan negara.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR ( KETEREH )</b>
<b>TARIKH</b>	<b>21.06.2011(SELASA)</b>

**TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR [ KETEREH ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

menyatakan jenis-jenis dan jumlah subsidi yang ditanggung Kerajaan dalam kategori makanan dalam tempoh 5 tahun lepas.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman ahli dewan yang mulia, barang-barang kawalan bagi produk makanan yang disubsidi oleh Kerajaan adalah gula, tepung gandul, beras ST15 dan minyak masak. Daripada barangan kawalan tersebut, hanya gula dan tepung gandul dibawah seliaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) melalui Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Manakala bagi beras ST15 adalah dibawah kawal selia Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan minyak masak di bawah pengurusan kementerian Perusahaan Peladangan dan Komoditi. Jumlah subsidi gula dan tepung gandul untuk 5 tahun adalah seperti berikut:

Bil.	Barangan	Tanggungan Kerajaan (RM)				
		2011 anggaran	2010	2009	2008	2007
<b>Subsidi di bawah KPDNKK</b>						
1	Gula	263 juta	789 juta	720 juta	-	-
2.	Tepung gandum	113 juta	89 juta	136 juta	236 juta	17 juta

NO. AUM : \\*T\

NO. AUP : Uk

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI  
[ BATANG SADONG ]

TARIKH 21 JUN 2011

RUJUKAN 3883

SOALAN:

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [ Batang Sadong ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk membendung penipuan oleh rakyat negara asing terhadap rakyat Malaysia sehingga rakyat kita tertangkap atas kesalahan menyeludup dadah ke negara luar.  
JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batang Sadong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan sememangnya amat serius dalam menangani aktiviti pengedaran dadah terutamanya yang melibatkan penipuan ke atas warganegara Malaysia untuk dijadikan sebagai keldai dadah (*drug courier*). Bagi membanteras kegiatan ini Kerajaan melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) telahpun mengambil langkah-langkah seperti berikut:-

- (i) Menjalinkan hubungan kerjasama antarabangsa dengan pelbagai agensi penguatkuasaan negara-negara asing untuk bertukar-tukar maklumat risikan dan kemahiran dalam menangani masalah ini;
- (ii) Meningkatkan pemeriksaan rapi di pintu-pintu masuk utama sempadan negara dan lapangan terbang terhadap individu atau sindiket yang berpotensi dan dikenalpasti terlibat dengan aktiviti penyeludupan dadah;

Mengambil tindakan pencegahan ke atas sindiket yang terlibat di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985;

Mengadakan prog ram-prog ram kesedaran kepada orang ramai terutamanya golongan belia melalui sebaran-sebaran am, media cetak dan media elektronik supaya tidak mudah terpedaya dengan janji-janji manis sindiket;

Memberi kesedaran melalui ceramah-ceramah dan kempen kepada penuntut-penuntut Institut Pengajian Tinggi (IPT); dan

Mendedahkan trend penipuan dan modus operandi yang sering digunakan oleh sindiket-sindiket pengedaran dadah melalui program bual bicara dan kenyataan akhbar.

**SOALAN NO. : 137**

**DARIPADA**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN**

LISA  
N

**DATO' SERI MOHD. RADZI BIN SHEIKH AHMAD [KANGAR]**

**TARIKH 21 JUN 2011**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad [ Kangar ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan pihak manakah yang sebenarnya bertanggungjawab membersihkan sungai-sungai tercemar. Adakah agensi pusat atau negeri. Berikan statistik tahap pencemaran sungai-sungai utama di Malaysia sehingga kini.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri berkuasa sepenuhnya terhadap sungai-sungai di dalam negeri masing-masaing. Oleh yang demikian, tanggungjawab membersih sungai adalah di bawah kerajaan negeri. Walaubagaimanapun, agensi-agensi pusat sentiasa berkerjasama dengan kerajaan negeri dan memberi khidmat nasihat teknikal untuk mengatasi masalah- masalah melibatkan sungai.

Mengenai tahap kualiti air sungai, pengawasan oleh Jabatan Alam Sekitar ke atas 570 batang sungai utama di Malaysia pada tahun 2010 mendapati sebanyak 293 (51.4%) batang sungai adalah ditahap bersih, 203 (35.6%) batang sungai dalam kategori sederhana tercemar dan 74 (13%) batang sungai dikategorikan sebagai tercemar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA TARIKH</b>	<b>TUAN WEE CHOO KEONG [ WANGSA MAJU ]</b>
<b>RUJUKAN</b>	<b>21 JUN 2011</b>
	<b>3918</b>

**SOALAN:**

**Tuan Wee Choo Keong [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penyiasatan oleh FIFA berkenaan rasuah dalam arena bola sepak di Malaysia, apakah langkah yang telah diambil oleh MACC dan/atau polis untuk menyiasat terhadap pendakwaan oleh FIFA dan tindakan pencegahan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk melindungi imej Negara.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), khususnya Jabatan Siasatan Jenayah amat peka dan mengambil perhatian serius terhadap penyiasatan kes rasuah oleh FIFA. Pihak polis sedang mengikuti perkembangan siasatan oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan akan menimbangkan tindakanyang boleh diambil di bawah Undang-Undang Pencegahan terhadap suspek sekiranya keadaan memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pengumpulan maklumat risikan juga sedang giat dijalankan terhadap mana-mana individu, persatuan bola sepak dan perlawanan bola sepak yang disyaki melibatkan *bookie*. Sehubungan dengan ini, beberapa pegawai kanan polis telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Pemeriksaan, Pemantauan dan Ketelusan FAM 2010 - 2014. Polis DiRaja Malaysia (PDRM) juga telah menukuhan 'task force' di mana setiap negeri melantik seorang pegawai polis sebagai '*liaison*' dengan persatuan bola sepak negeri bagi tujuan pemantauan dan pencegahan.

NO. SOALAN -JM

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL  
KEEMPAT PARLIMEN KE DUA BELAS  
(2011)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA: Y.B. DR. LO' LO'BINTIMOHAMADGHAZALI  
[TITIWANGSA]**

**TARIKH 21JUN2011**

**SOALAN**

**Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta Perdana Menteri**

menyatakan sejauh manakah isu tuntutan jenazah saudara baru yang meninggal dunia dalam beragama Islam telah diselesaikan pihak Menteri supaya tiada lagi pertikaian dengan keluarga yang bukan beragama Islam dan tidak berlarutan di Mahkamah.

**JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HJ. BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam, seorang mualaf yang memeluk Islam dari saat kemasukannya dalam agama

Islam hendaklah diiktiraf sebagai seorang Islam dalam semua perkara termasuk hal yang berkaitan dengan pengurusan jenazah dalam pengebumiannya.

Kuasa bagi menentukan status agama si mati berada di bawah bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah sebagaimana yang diperuntukkan dalam undang-undang Pentadbiran Agama Islam yang seragam yang digunakan di negeri-negeri. Misalnya contoh subseksyen 61 (3) (b), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang memperuntukkan seperti berikut:

**“61(3) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah - ....(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan -**

**..(x) pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam;**

**(xi) pengisytiharan bahawa seseorang yang telah mati itu ialah seorang Islam atau sebaliknya pada masa kematiannya**

Bagi mengelakkan berlakunya isu perebutan jenazah saudara baru, misalnya Jabatan Agama Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan (JAWI)

**NO. SOALAN -JM**

telah melaksanakan beberapa langkah, iaitu:-

- a) Melaksanakan pendaftaran saudara baru secara teratur mengikut peruntukan-peruntukan seksyen 85-95 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1993 (Akta 505).
- b) Pendaftaran Muallaf adalah rekod muktamad keislaman saudara baru dan masuk Islam adalah sebagai bukti identiti atau pengenalan diri seseorang saudara baru. Kad Perakuan Masuk Islam ini mempunyai cip bagi menyimpan data dengan maklumat boleh dibaca pada kad atau di dalam cip, menyimpan cap ibu jari kanan dan kiri yang dipadankan dengan MyKad.
- c) Membangunkan sistem e-muallaf yang dikenali sebagai e-Hidayah yang mengandungi modul persetujuan saudara baru mengisyiharkan pengislaman mereka terutamanya kepada waris terdekat.
- d) Penerangan supaya menukar Kad Pengenalan kepada nama dan status Islam. Semasa sesi taklimat pengislaman, saudara baru diterangkan supaya membuat pindaan nama dan status agama pada MyKad sebaik sahaja masuk Islam. Dalam hal ini JAWI mengambil pendekatan membawa saudara baru ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) terdekat untuk proses pindaan tersebut.

Oleh yang demikian, isu perebutan mayat sepatutnya tidak berbangkit dan dapat dielakkan sekiranya pihak-pihak yang terbabit patuh dan akur dengan peruntukan undang-undang sedia ada yang berkuatkuasa di

Soalan No : 140

negeri-negeri serta keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Syariah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN  
DARIPADA Y.B. DR. RAMASAMY A/LP ALAN IS AMY

(BATU KAWAN)

TARIKH 21.06.2011

SOALAN:

Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY [ BATU KAWAN ] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah kerja-kerja pembinaan bangunan baru bagi Sekolah Jenis Tamil Kebangsaan Tamil Batu Kawan, Pulau Pinang akan dimulakan seperti yang diumumkan dalam media bahawa Kerajaan memperuntukkan 1.7 juta bagi tujuan ini ataupun adakah ini satu janji kosong sahaja.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyempurnakan perancangan pembangunan pendidikan seperti mana yang telah dirancang. Berhubung dengan cadangan pembinaan SJKT Batu Kawan, Pulau Pinang, KPM telah meluluskan peruntukan dengan siling sebanyak RM1.7 juta dalam RMKe-10 *'first rolling plan'*. Projek tersebut melibatkan pembinaan satu blok 4 tingkat 8 bilik darjah, tandas, pejabat guru dan kemudahan lain yang berkaitan. Projek ini yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya.

Sehubungan itu, KPM akan mengeluarkan Surat Kuasa Pelaksanaan Projek bagi membolehkan pihak JKR melaksanakan projek tersebut sebaik sahaja selesai isu tanah. Projek ini dijangka dapat mula dilaksanakan sebelum akhir tahun 2011.

Rjm 65

**NO SOALAN: 141**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISA  
N**

**DARIPADA**

**DATO' HAJI BAHARUM BIN MOHAMED**

**TARIKH**

**21 MEI 2011**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa banyak peruntukan untuk memperbaiki jalan cerun, parit, longkang dan permasalahan banjir yang telah diperuntukkan kepada kawasan FELDA khususnya 5 FELDA yang terletak di dalam kawasan Parlimen Sekijang.

**JAWAPAN**

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN  
TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK-9), FELDA telah menerima sejumlah RM90 juta untuk menaik taraf longkang dan perparitan jalan-jalan di rancangan FELDA seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM11.0 juta telah diperuntukkan kepada rancangan FELDA di Negeri Johor.

FROM '• PRO  
FELDF1'

FAX NO. "■  
03269352<i~'

Peruntukan ini disalurkan secara berperingkat mengikut keperluan di setiap negeri.

Bagi rancangan FELDA di bawah Pariimen Sekijang, FELDA telahpun melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf longkang dan perparitan dengan kos keseluruhan berjumlah RM398.430 yana mana kerja-kerja tersebut telahpun siap dilaksanakan pada tahun 2009.

ooooooooQooooooooQooo

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN**  
**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>JAWAB LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>21 Jun 2011 (Selasa)</b>
<b>SOALAN</b>	<b>Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI</b>
	menyatakan bilakah skim bantuan dan subsidi untuk petani nanas di Bukit Naning dimulakan dan senaraikan mengikut tahun jumlah petani yang telah menikmati skim ini serta berapakah peruntukan yang telah dikeluarkan. Berapakah jumlah pengeluaran nanas sepanjang skim ini dilaksanakan.
<b>JAWAPAN</b>	<b>Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI</b>

**Tuan Yang Dipertua,**

Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) telah melaksanakan program Rancangan Tanam Baru (RTB) dan Rancangan Tanam Semula (RTS) di seluruh Malaysia bermula tahun 2006 termasuk pengusaha nanas di Bukit Naning.

Jumlah petani, peruntukan dan hasil pengeluaran nanas mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH PETANI	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	HASIL PENGELUARAN (M/T)
2006	159	701,875	5,416
2007	174	638,125	5,328
2008	169	636,125	5,972
2009	151	472,150	5,548
2010	231	542,800	9,056
<b>JUMLAH</b>	<b>884</b>	<b>2,991,075</b>	<b>31,320</b>

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT NO. AUM : **XW1^4-**  
NO. AUP :

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON  
[ IPOH BARAT ]  
TARIKH 21 JUN 2011  
RUJUKAN 3884

SOALAN:

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan dengan adanya bantahan daripada masyarakat awam berhubung perjanjian untuk memukimkan kembali peiarian di Australia, dapatkah Kerajaan membatalkan perjanjian tersebut. Jika tidak, mengapa tidak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ipoh Barat yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, cadangan pertukaran pelarian dan pemohon suaka di antara Malaysia dan Australia ini melibatkan elemen penghantaran 800 pemohon suaka yang tiba dengan bot secara haram di Australia ke Malaysia. Sebagai balasan Australia akan menerima seramai 4,000 pelarian di Malaysia yang telah berdaftar dengan Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Pelarian (UNHCR) bagi tujuan penempatan semula dalam tempoh masa empat (4) tahun.

Persetujuan Malaysia untuk bekerjasama dengan Australia mengenai cadangan pertukaran dua hala mengenai pelarian dan pemohon suaka dapat menyelesaikan isu jumlah pelarian yang semakin bertambah di negara ini. Pelarian di negara ini telah dianggarkan dalam lingkungan 84,000 orang sehingga 31 Mei 2011. Jumlah ini adalah amat membimbangkan di mana pada tahun 2005, jumlah pelarian dianggarkan seramai 45,000 orang.

Cadangan pertukaran ini juga pada masa yang sama dilihat akan dapat menangani kes-kes pelarian di Malaysia yang telah lama menunggu giliran bagi tujuan penempatan semula ke negara-negara ketiga. Ada di antara mereka yang telah tinggal di Malaysia melebihi 10 tahun terutamanya pelarian-pelarian daripada Myanmar yang jumlahnya adalah melebihi 90% daripada jumlah pelarian sedia ada di Malaysia pada masa kini.

**SOALAN NO.: 144**

PERTANYAAN  
DARIPADA

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN

LISAN  
LISAN

TARIKH  
SOALAN

DATUK HAJAH NORAH BINTIABD RAHMAN [  
TANJONG MANIS]

21JUN 2011

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan

- (a) bilakah Kerajaan akan memulakan Projek Tebatan Banjir Bandaraya Kuching Fasa 1-Stage 2 dan 3 untuk menangani banjir di Bandaraya Kuching yang telah sekian lama tergendala sedangkan kerja-kerja *survey*, penyelidikan dan reka bentuk telah pun siap; dan
- (b) berapakah jumlah peruntukan bagi Projek Fasa 1-Stage 2 dan 3 tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Bandaraya Kuching Fasa 1 yang merangkumi komponen pembinaan lengcongan banjir sepanjang 2.0 km telahpun siap dibina pada 31 Mac 2010. Manakala di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), RTB Bandaraya Kuching Fasa 2 dimulakan dengan proses rekabentuk komponen sambungan lengcongan banjir sepanjang 6.0 km, pintu kawalan air pasang surut, laluan penyelenggaraan (yang turut bertindak sebagai benteng penghadang banjir), dua buah jambatan dan baraj. Kerja-kerja rekabentuk ini dijangka akan siap pada penghujung tahun 2011. Kerja-kerja pembinaan bagi lengcongan banjir sepanjang 6.0 km dijangka akan bermula pada tahun 2012 sementara komponen-komponen lain

**SOALAN NO.: 144**

dijangka akan bermula pada tahun 2013.



- (b) Peruntukan yang dipohon dalam RMKe-10 *Rolling Plan* Kedua ialah sebanyak RM 550 juta.

Sekian, terima kasih.

*Mfii  
IHB*

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**

**PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT.  
MALAYSIA**

**: LISAN**

**DARIPADA**

**. TUAN DR. RAMASAMY A/L**

**■**

**KAWASAN**

**PALANISAMY : BATU KAWAN**

**TARIKH NO.**

**: 21.06.2011 (Selasa)**

**SOALAN**

**: 145**

TUAN DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan rancangan-rancangan untuk menaik taraf sistem jalanraya di Zon Perindustrian Bebas Perai, Pulau Pinang yang kian menerima minat mendalam daripada para pelabur di mana sistem jalanraya ini berada dalam keadaan yang sangat teruk akibat kekurangan penyelenggaraan serta bencana seperti banjir.

## Jawapan

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9), sejumlah RM 79.35 juta telah diperuntukkan kepada Pulau Pinang bagi Program Menaiktaraf Infrastruktur Asas Sedia Ada. Untuk makluman, objektif program ini adalah bagi memastikan kemudahan asas di dalam kawasan perindustrian yang sedia ada berada dalam keadaan memuaskan untuk mengekalkan pelaburan sedia ada dan menarik pelaburan baru.

Sebanyak RM 57.0 juta telah diperuntukkan kepada Mailis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Peruntukan ini digunakan untuk menaiktaraf keseluruhan Kawasan Perindustrian Perai dan Zon Perindustrian Bebas Perai yang terletak di bawah kawalselia MPSP.

Peruntukan RMK-9 membolehkan pelaksanaan beberapa aktiviti menaiktaraf di dalam kawasan perindustrian tersebut antaranya ialan, sistem mitigasi baniir, sistem perparitan, kawasan meletak kereta dan lampu ialan

Pemilihan kemudahan asas yang akan dinaiktaraf dibuat dengan mengambil kira pelbagai kriteria antaranya Garis Panduan yang telah ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri/MIDA, pandangan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan sebagai agensi pelaksana.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10), untuk tahun 2011 program menaiktaraf di Kawasan Perindustrian Perai dan Zon Perindustrian Bebas Perai akan diperuntukkan khusus kepada menaiktaraf sistem perparitan. Sistem perparitan di kawasan perindustrian tersebut perlu dinaiktaraf kerana masalah banjir yang seringkali dihadapi ekoran sistem perparitan sedia ada tidak lagi mampu menampung aliran air hujan yang kian meningkat dan seterusnya memberikan kesan terhadap produksi svarikat-svarikat yang beroperasi di sana.

SOALAN NO. 146

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH

(LENGGONG)

TARIKH : 21JUN 2011 (SELASA)

SOALAN :

YB Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [ Lenggong ] minta MENTERI

PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:-

- (a) adakah Kementerian bercadang menambah jumlah bantuan kepada golongan penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM); dan
- (b) statistik jumlah bantuan kebajikan yang diberikan mengikut jenis dan negeri dan apakah keberkesanan Program AZAM.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian sentiasa prihatin terhadap peningkatan kos hidup dan sentiasa mengkaji kadar skim bantuan dan syarat kelayakan bagi semua jenis bantuan dari semasa ke semasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian tidak bercadang untuk menambah jumlah bantuan kepada penerima kerana pada tahun 2008 kadar bantuan telah dinaikkan/ diperkenalkan seperti berikut:-

Syarat asas pendapatan keluarga bagi melayakkan pemberian bantuan kewangan telah

dinaikkan daripada RM400 sebulan kepada RM720 sebulan di Semenanjung Malaysia, RM830 di Sarawak dan RM960 di Sabah mulai bulan Jun 2008;

Kadar Skim Bantuan Orang Tua (BOT) telah dinaikkan daripada RM200 kepada RM300 sebulan mulai bulan Januari 2008;

Kadar Skim Elaun Pekerja Cacat (EPC) telah dinaikkan daripada RM200 kepada RM300 sebulan mulai bulan Januari 2008;

Kadar Bantuan Kanak-kanak (BKK) telah dinaikkan daripada kadar maksimum RM350 ke RM450 sebulan mulai bulan Januari 2006;

Kadar had pendapatan bulanan OKU yang bekerja dinaikkan daripada RM750 sebulan kepada RM1,200 sebulan bagi melayakkan OKU yang bekerja memohon Skim Bantuan Elaun Pekerja Cacat (EPC) mulai bulan Jun 2008;

Skim bantuan baru iaitu Skim Bantuan OKU Tidak Bekerja dengan kadar RM150 sebulan kepada OKU yang tidak berupaya bekerja mulai bulan Januari 2009; dan

Skim Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik Terlantar dan OKU Terlantar (BPT) dengan kadar RM 300 sebulan diwujudkan mulai Januari 2008 bagi mengurangkan bebanan kepada penjaga yang menjaga OKU dan Pesakit Kronik Terlantar ini.

- (b) Secara amnya, KPWKM menerusi agensinya iaitu JKM telah menyalurkan sejumlah RM1.2 bilion sepanjang tahun 2010 kepada seramai 424,526 orang penerima bantuan kebajikan masyarakat. Pecahan bantuan mengikut jenis dan negeri seperti Lampiran yang disediakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Program 1AZAM adalah sebuah program komprehensif yang berlandaskan konsep peningkatan produktiviti dengan menyediakan peluang menjana pendapatan kepada golongan berpendapatan rendah dalam bentuk peluang perniagaan, pertanian, perkhidmatan dan pekerjaan. Program 1AZAM mengandungi 4 komponen iaitu AZAM Tani yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, AZAM Kerja oleh Kementerian Sumber Manusia serta AZAM Niaga dan AZAM Khidmat di mana Amanah Ikhtiar Malaysia bertindak sebagai agensi pelaksana.

Program 1AZAM ditawarkan kepada ketua isi rumah (KIR) miskin tegar dan miskin yang produktif dan berdaftar di bawah sistem eKasih mengikut minat dan kemahiran masing-masing bagi memastikan pengekalan atau, dengan izin, '*sustainability*' projek oleh peserta. Sehingga 9 Jun 2011, Program 1AZAM telah menampakkan keberkesanannya dengan penyertaan sejumlah 17,177 KIR. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,500 KIR telah menyertai Azam Khidmat dan Azam Niaga di bawah KPWKM, 3,079 KIR menyertai Azam Tani, 2,506 KIR menyertai Azam Niaga dan Azam Khidmat di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia, 1,217 KIR menyertai AZAM Kerja, 3,576 KIR menyertai AZAM Sabah dan 4,299 KIR menyertai AZAM Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua,

Dengan jumlah penyertaan yang tinggi, jelas terbukti bahawa Program 1AZAM telah berkesan dalam menarik minat dan meningkatkan semangat golongan miskin tegar dan miskin di negara ini untuk terus berusaha meningkatkan pendapatan keluarga dan keluar daripada belenggu kemiskinan. Program 1AZAM juga telah membuktikan bahawa pendekatan Kerajaan dalam pemberian bantuan secara, dengan izin, '*Productive Welfare*' dapat dilaksanakan dan memberi impak yang baik kepada golongan ini mahupun kepada ekonomi negara amnya.

LAMPIRAN

STATISTIK PENERIMA BANTUAN MENGIKUT NEGERI DAN SKIM TAHUN 2010

NEGERI	BANTUAN KANAK-KANAK (RM)	BANTUA NANAK PELIHARA (RM)	BANTUAN ORANG TUA (RM)	ELAUN PEKERJA CACAT (RM)	BANTUAN PESAKIT TERLANTA R (RM)	BANTUAN OKU TIDAK BEKERJA (RM)	BANTUAN AM (RM)
PERLIS	2,653,700	0	2,558,700	2,456,400	1,122,300	305,550	5,260,410
KEDAH	34,302,100	74,500	26,743,500	19,337,100	14,071,800	2,900,100	17,941,805
PULAU PINANG	14,016,950	3,000	21,291,200	11,090,100	3,885,600	1,501,500	5,204,165
PERAK	17,714,901	26,250	18,218,700	15,113,700	9,104,700	3,124,050	21,912,605
SELANGOR	25,284,588	271,600	29,398,500	18,507,900	6,090,000	2,481,600	14,658,330
WP KUALA LUMPUR	4,182,740	0	15,711,300	7,200,600	806,400	386,850	. 10,737,090
NEGERI SEMBILAN	15,294,160	0	20,989,500	6,533,700	2,796,300	907,950	11,820,840
MELAKA	15,269,850	35,750	24,239,100	8,166,600	3,760,200	1,971,000	14,923,973
JOHOR	31,108,705	47,250	36,498,600	17,225,400	8,086,500	1,664,400	6,010,105
PAHANG	12,428,262	58,550	19,492,200	13,753,800	4,193,700	499,800	5,604,185
TERENGGANU	19,733,153	6,000	9,249,000	7,495,800	5,297,400	1,363,500	46,107,148
KELANTAN	28,560,250	3,750	26,473,200	11,949,000	5,932,500	2,266,800	9,884,305
WP LABUAN	398,600	0	401,400	307,200	141,000	58,350	508,800
SABAH	40,155,514	0	130,176,900	1,715,700	11,011,200	21,750	32,611,858
SARAWAK	28,954,965	0	41,014,800	5,217,900	4,886,700	2,590,800	20,574,486
JUMLAH	290,058,438	526,650	422,456,600	146,070,900	81,186,300	22,044,000	223,760,105
JUMLAH BESAR				1,186,102,993			

**SOALAN147**

PEMBERITAHUA  
N PERTANYAAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT LISAN  
DARIPADA Y.B.M. DATO' SERI TENGKU AZLAN IBNI  
ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR  
[JERANTUT]  
TARIKH 21 JUN 2011  
SOALAN MEMINTA MENTERI PELANCONGAN  
**menyatakan:**

Apakah strategi Kementerian dalam masa terdekat ini untuk mempertingkatkan lagi lawatan pelancongan ke negara ini.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Mulia Jerantut, strategi utama yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan untuk mempertingkatkan lagi lawatan pelancongan ke negara ini adalah melalui:

- a) Penyertaan di Ekspo Pelancongan dan Seminar Antarabangsa;
- b) Melaksanakan *synergistic approach* dan *partnership* dengan negara asing dan pihak swasta;
- c) Pengiklanan agresif di media cetak, papan iklan dan televisyen;
- d) Kempen-kempen secara online dan digital media; dan
- e) Pelaksanaan program lawatan suai kenal *mega familiarisation* yang melibatkan media, agen-agen dan syarikat-syarikat pelancongan.

Untuk menambahbaik strategi utama tersebut, Kementerian

Pelancongan telah mengambil langkah strategik dengan:

- i. memastikan pembangunan pelancongan mampan;
- ii. meningkatkan pembangunan produk niche dan perkhidmatan pelancongan yang inovatif;
- iii. menggalakkan pelancongan domestik;
- iv. menggiatkan aktiviti pemasaran dan promosi;
- v. meningkatkan pembangunan sumber manusia; dan
- vi. menjamin keselesaan, keselamatan dan kebajikan pelancong.

Pada masa yang sama, Kementerian Pelancongan juga telah merangka *Malaysia Tourism Transformation Plan (MTTP 2020:36:168)* iaitu satu pelan strategik yang menyeluruh. Pelan ini merangkumi pelan tindakan supaya sasaran kedatangan pelancong antarabangsa seramai **36 juta orang** dengan unjuran pendapatan pelancongan sebanyak **RM168 bilion** dicapai pada tahun 2020.

Pelan ini mengandungi 5 tema utama (*anchor theme*) sebagai

ciri dan nilai utama (*value proposition*) dalam pembangunan sektor pelancongan negara iaitu :

- (i) Barang mewah mampu milik (*Affordable Luxury*);
- (ii) Kembara Alam semula jadi (*Nature Adventurey*,
- (iii) Keseronokan Seisi Keluarga (*Family Fun*);
- (iv) Acara, Hiburan, Spa dan Sukan (*Events, Entertainment and Spa and Sports*); dan
- (v) Pelancongan Perniagaan (*Business Tourism*).

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]
<b>TARIKH</b>	21 Jun 2011 (Selasa)
<b>SOALAN</b>	Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI Menyatakan tentang pendaftaran dan lesen penternak burung layang-layang di seluruh negara:-
	(a) Jumlah penternak burung layang-layang yang telah didaftar dan berlesen di setiap negeri; dan

- (b) berapa penternak yang belum berdaftar dan apakah tindakan selanjutnya dan nyatakan garis panduan untuk pembinaan rumah burung layang-layang ini.

JAWAPAN

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI  
ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) tidak melaksanakan pendaftaran dan pelesenan bagi penternakan burung layang-layang. Burung layang-layang adalah spesis burung liar yang tidak memberikan apa-apa hasil ekonomi kepada penternak. Burung layang-layang hidup liar dan tidak diternak.

SOALAN NO: 150